

## ISI KANDUNGAN

Bil.	Kandungan	Muka surat
1.	Peraturan Akademik Program Pengajian Ijazah Sarjana Secara Penyelidikan	2 - 14
2.	Peraturan Akademik Program Pengajian Ijazah Sarjana Secara Penyelidikan dan Kerja Kursus	15 - 30
3.	Peraturan Akademik Program Pengajian Ijazah Sarjana Secara Kerja Kursus	31 - 42
4.	Peraturan Akademik Program Pengajian Ijazah Doktor Falsafah	43 - 55
5.	Peraturan Akademik Program Pengajian Ijazah Doktor Pendidikan	56 - 69
6.	Jadual II Kadar Denda dan Bayaran Berkaitan Pengurusan Program Pengajian Siswazah	70
7.	Peraturan Peperiksaan Program Pengajian Siswazah	71 - 75
8.	Lampiran A Panduan Menyediakan Projek Sarjana Secara Kerja Kursus	76 - 78
9.	Lampiran B Garis Panduan Peperiksaan Komprehensif	79 - 81
10.	Lampiran C Penilaian Program • Sarjana Sastera (FSKIK) • Sarjana Muzik (FMSP)	82 - 89

## **PERATURAN UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS PROGRAM PENGAJIAN IJAZAH SARJANA SECARA PENYELIDIKAN**

Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh Perenggan 29, Perlembagaan Universiti Pendidikan Sultan Idris (Program Pengajian Siswazah), Senat Universiti Pendidikan Sultan Idris menentukan peraturan berikut:

### **1. NAMA, MULA BERKUAT KUASA DAN PEMAKAIAN**

- 1.1 Peraturan ini dinamakan Peraturan Universiti Pendidikan Sultan Idris (Program Pengajian Sarjana Penyelidikan) 2011 (Pindaan 2021).
- 1.2 Peraturan ini hendaklah terpakai kepada semua pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris yang mengikuti Program Pengajian Siswazah.

### **2. TAKRIF**

Dalam peraturan ini melainkan jika kandungan ayatnya mengehendaki makna yang lain :-

**“Ahli Akademik”** bermakna tenaga pengajar Universiti yang bertugas sepenuh masa dan berjawatan tetap atau kontrak.

**“Disertasi”** bermakna laporan kajian akademik yang dikemukakan oleh pelajar bagi memenuhi syarat keperluan program pengajian Sarjana Secara Penyelidikan.

**“Disertasi Mutakhir”** bermakna naskhah disertasi yang telah disempurnakan selepas lulus Viva Sarjana Secara Penyelidikan.

**“Fakulti”** bermakna mana-mana pusat pengajian yang menawarkan program akademik dan kursus-kursus.

**“Hadir Wajib”** bermakna mana-mana kursus atau aktiviti yang kedatangan dimestikan oleh fakulti/pensyarah, walaupun kursus atau aktiviti tersebut tidak terdapat dalam struktur pengajian/syarat bergraduat.

**“Ijazah”** bermakna anugerah yang diberikan oleh Universiti kepada seseorang pelajar yang telah memenuhi syarat-syarat bergraduat.

**“Institut Pengajian Siswazah”** bermakna pusat pengajian yang ditubuhkan oleh Universiti di bawah Seksyen 21(1) Perlembagaan Universiti untuk mengurus, mentadbir dan menyelaras pengendalian Program Pengajian Siswazah.

**“Jawatankuasa Pemeriksa Cadangan Penyelidikan”** bermakna jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Fakulti untuk meluluskan dan memperakuan cadangan penyelidikan pelajar.

**“Jawatankuasa Pemeriksa Disertasi”** bermakna jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Senat untuk menilai disertasi.

**“Jawatankuasa Pengajian Siswazah”** bermakna Jawatankuasa yang ditubuhkan di Universiti untuk menyelia Program Pengajian Siswazah yang dipengerusikan oleh Naib Canselor.

**“Jawatankuasa Pengajian Siswazah Fakulti”** bermakna jawatankuasa yang ditubuhkan di Fakulti untuk menyelia Program Pengajian Siswazah yang dipengerusikan oleh Dekan Fakulti berkenaan.

**“Kecurangan Akademik”** bermakna tindakan kepada pelajar yang melanggar Perkara 8 Kaedah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tatatertib Pelajar) 1999.

**“Kredit Lulus”** bermakna kredit yang diperoleh bagi kursus yang lulus.

**“Kursus”** bermakna satu unit pengajian yang membawa kepada suatu bilangan jam kredit yang biasa ditawarkan dan diselesaikan dalam sesuatu semester.

**“Kursus Audit”** bermakna kursus yang diambil atas keperluan pengajian tetapi kredit kursus tidak dikira dalam pengiraan PNGK. Pelajar yang mengaudit kursus, wajib menghadiri semua kuliah/tutorial/amali dan menyiapkan semua tugas (wajib lulus) tetapi tidak perlu menduduki peperiksaan akhir (jika ada). Jika pelajar tidak memenuhi syarat kursus audit, nama pelajar akan digugurkan daripada senarai audit. [Mesyuarat Senat Kali Ke-144 Bil.7/2016]

**“Kursus Pengkhususan”** adalah kursus-kursus yang dikenal pasti sebagai sesuatu bidang.

**“Kursus Elektif”** adalah kursus-kursus yang boleh dipilih daripada Kursus Kaedah Penyelidikan, Kursus Pendidikan dan Kursus Bidang Pengkhususan daripada mana-mana Fakulti.

**“Kursus Kaedah Penyelidikan”** ialah kursus-kursus Kaedah Penyelidikan yang ditetapkan oleh Universiti untuk pelajar mengambilnya.

**“Kursus Pendidikan”** adalah kursus-kursus berhubung dengan ilmu pendidikan yang ditawarkan oleh mana-mana Fakulti terutamanya Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia.

**“Mod Pengajian”** adalah jenis struktur pengajian Sarjana yang ditawarkan oleh Universiti yang meliputi Sarjana Penyelidikan, Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus dan Sarjana Kerja Kursus.

**“Negara Serumpun”** adalah negara yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa perantaraan. Sebagai contoh negara Indonesia, Singapura, Brunei dan Selatan Thailand.

**“Pelajar”** bermakna seseorang yang telah mendaftar untuk mengikuti Program Pengajian Siswazah di Universiti Pendidikan Sultan Idris.

**“Pemeriksa Dalam”** bermakna ahli akademik yang dicadangkan oleh Fakulti dan diperakukan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah dan diluluskan oleh Senat untuk menilai disertasi pelajar.

**“Pemeriksa Luar”** bermakna pakar dari luar Universiti diperakukan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah Universiti dan dilantik oleh Senat untuk menilai disertasi pelajar.

**“Penasihat Akademik”** bermakna seorang ahli akademik yang dilantik oleh Fakulti untuk menasihati hal-hal akademik seseorang pelajar.

**“Pendaftaran Kursus”** bermakna pendaftaran pelajar melalui sistem atas talian pada setiap awal semester berpandukan takwim yang diluluskan Senat.

**“Pendaftaran Semester”** bermakna pendaftaran pelajar melalui sistem atas talian pada setiap semester pengajian bagi mengaktifkan diri sebagai pelajar universiti.

**“Penilaian”** bermakna sebarang bentuk penaksiran untuk mengukur pencapaian akademik pelajar.

**“Penyelia”** bermakna ahli akademik yang dicadangkan oleh Fakulti dan diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah untuk menyelia disertasi pelajar.

**“Penyelia Bersama/Penyelia Bersekutu”** bermakna ahli akademik yang dilantik bersama-sama dengan Penyelia oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah untuk menyelia penyelidikan dan penyediaan disertasi pelajar.

**“Program Pengajian”** bermakna kumpulan-kumpulan kursus, latihan dan penyelidikan atau gabungan kursus, latihan dan penyelidikan yang dirancang dan ditawarkan bagi memenuhi keperluan untuk penganugerahan Ijazah Sarjana yang diluluskan oleh Senat.

**“Senat”** bermakna badan tertinggi yang mempunyai kuasa muktamad ke atas segala hal akademik yang ditubuhkan menurut peruntukan seksyen 20(1) Perlembagaan Universiti Pendidikan Sultan Idris 1998.

**“Sistem Maklumat Pelajar”** bermakna sistem yang dibina dan dikawal selia oleh IPS bagi tujuan penyimpanan data dan rekod pelajar.

**“Slip Pendaftaran”** bermakna slip yang mengandungi maklumat kursus yang didaftar oleh pelajar.

**“Struktur Program”** bermakna susunan program yang ditawarkan oleh Institut Pengajian Siswazah berdasarkan mod pengajian.

**“Tempoh Pengajian”** bermakna tempoh masa yang ditetapkan kepada pelajar untuk melengkapkan struktur pengajian Sarjana.

**“Universiti”** bermakna Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

**“Viva”** bermakna peperiksaan lisan yang dianggotai Ahli Jawatankuasa Viva.

**“Artikel Jurnal”** Koleksi kertas penyelidikan atau artikel ilmiah yang diterbitkan setelah disemak oleh sidang editor yang dilantik oleh suatu jawatankuasa atau badan berauliah (artikel yang diterima untuk diterbitkan di mana-mana jurnal yang diiktiraf oleh IPS).

**“Penulis Pertama”** Kajian/penyelidikan yang dihasilkan dan dihantar/dibentangkan oleh pelajar dalam artikel jurnal/seminar atau persidangan (nama penulis yang pertama dalam penulisan).

**“Penulis Bersama”** Kajian/penyelidikan yang dihasilkan dan dibentangkan oleh individu yang beralamatkan Universiti Pendidikan Sultan Idris. Individu dalam konteks ini ialah pensyarah/penyelia pelajar (nama berikutnya selepas nama pelajar).

**“Jurnal Berwasit”** Artikel yang diterbitkan telah melalui proses perwasitan (*review*) oleh beberapa orang pakar bidang yang dilantik oleh pihak jurnal.

### 3. KELAYAKAN MASUK

- 3.1 Kelayakan Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf dan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.50-2.75. Jika PNGK tidak dicapai, calon boleh dipertimbangkan tertakluk penilaian dalam di fakulti. (Rujuk Garis Panduan Pengambilan Pelajar Pengajian Siswazah)
- 3.2 Kelayakan lain yang diiktiraf oleh Senat yang diperoleh melalui pentaulahan pembelajaran berdasarkan pengalaman terdahulu (APEL) tertakluk kepada bidang-bidang pengajian yang disenaraikan oleh MQA (untuk calon tempatan sahaja), atau [Mesyuarat Senat Ke-192 Bil.07/2020]
- 3.3 Kelayakan lain yang diiktiraf oleh Senat; dan
- 3.4 Memenuhi syarat khas program yang ditetapkan oleh Fakulti yang berkenaan jika berkaitan.
- 3.5 Calon pelajar antarabangsa disyaratkan lulus syarat keperluan Bahasa Inggeris seperti yang telah ditetapkan. (Rujuk Garis Panduan Pengambilan Pelajar Pengajian Siswazah)
- 3.6 Calon antarabangsa yang ingin menulis dan membentangkan disertasi selain daripada Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu perlu mendapatkan kelulusan khas daripada Senat dan memenuhi syarat Bahasa Inggeris yang telah ditetapkan. (Rujuk Garis Panduan Pengambilan Pelajar Pengajian Siswazah)

#### **4. PERMOHONAN**

- 4.1 Permohonan hendaklah dibuat secara atas talian.
- 4.2 Permohonan hendaklah diisi dengan lengkap dan betul, dan mematuhi semua syarat atau keperluan seperti yang dinyatakan dalam borang berkenaan.
- 4.3 Permohonan dibuka sepanjang tahun.

#### **5. STRUKTUR PROGRAM**

- 5.1 Pengajian melibatkan penyelidikan dan penyediaan disertasi.
- 5.2 Pelajar wajib mengikuti sekurang-kurangnya satu kursus kaedah penyelidikan sepanjang pengajian dan memenuhi syarat kursus audit. Pelajar juga boleh diminta untuk mengikuti kursus-kursus tertentu yang lain atas cadangan Fakulti dan memenuhi syarat kursus audit. [Mesyuarat Senat Kali Ke-144 Bil.7/2016]

#### **6. PENDAFTARAN**

- 6.1 Pelajar hendaklah mendaftar semester dengan membayar yuran pada tarikh yang ditetapkan untuk setiap semester mengikut struktur program pengajian yang ditawarkan Universiti.
- 6.2 Pendaftaran semester hendaklah dibuat pada tarikh yang ditetapkan pada awal semester untuk membolehkan pelajar membuat penyelidikan seperti yang telah didaftarkan dalam semester berkenaan.
- 6.3 Kelewatan pendaftaran semester pada tarikh yang ditetapkan akan dikenakan denda.

#### **7. PENANGGUHAN KEMASUKAN**

- 7.1 Calon boleh membuat penangguhan kemasukan untuk tempoh satu (1) semester sahaja.
- 7.2 Permohonan penangguhan kemasukan hendaklah dibuat secara bertulis kepada Dekan Institut Pengajian Siswazah dalam tempoh tujuh (7) minggu selepas hari kemasukan.
- 7.3 Sekiranya calon gagal untuk membuat permohonan penangguhan dalam tempoh yang ditetapkan, tawaran akan terbatal.

#### **8. PENDAFTARAN DISERTASI**

- 8.1 Calon hendaklah membuat pendaftaran disertasi seperti yang ditawarkan mengikut syarat dan takwim yang ditetapkan oleh Senat.
- 8.2 Pelajar dikehendaki mendaftar disertasi pada setiap semester bagi tujuan merekodkan kemajuan penyelidikan.
- 8.3 Kelewatan pendaftaran selepas minggu kedua kuliah akan dikenakan denda.

#### **9. PENANGGUHAN PENGAJIAN**

- 9.1 Pelajar boleh membuat permohonan untuk menangguhkan pengajian dari Institut Pengajian Siswazah dengan sokongan Fakulti.
- 9.2 Kelulusan penangguhan pengajian tertakluk kepada persetujuan Dekan Institut Pengajian Siswazah.
- 9.3 Tempoh penangguhan pengajian adalah tidak boleh dua (2) semester berturut-turut kecuali atas sebab kesihatan.

- 9.4 Pelajar yang memohon penangguhan pengajian atas sebab kesihatan hendaklah terlebih dahulu mendapatkan perakuan daripada Doktor Kerajaan atau Pegawai Perubatan Universiti atau Doktor Panel Universiti.
- 9.5 Penangguhan atas sebab kesihatan dibenarkan tiga (3) kali sepanjang pengajian. [Mesyuarat Senat Kali Ke-205 Bil.9/2021]
- 9.6 Permohonan penangguhan pengajian atas sebab lain daripada sebab kesihatan boleh juga dipertimbang dan diperakuan oleh Dekan Institut Pengajian Siswazah. Permohonan hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya pada minggu ke-7 takwim akademik semester berkenaan.
- 9.7 Tempoh pengajian dalam masa penangguhan atas sebab kesihatan tidak diambil kira dalam pengiraan tempoh pengajian maksimum program pengajian.
- 9.8 Semasa dalam penangguhan pengajian, pelajar hilang taraf sebagai pelajar Universiti sehingga mendaftar semula pengajiannya.
- 9.9 Pelajar yang menyambung pengajian selepas genap tempoh penangguhan yang diluluskan dikehendaki mendaftar semula.
- 9.10 Pelajar yang berada dalam semester akhir/ maksimum pengajian tidak layak untuk menangguhkan pengajian. [Mesyuarat Senat Kali Ke-205 Bil.9/2021]

## 10. PERTUKARAN MOD

- 10.1 Pelajar boleh menukar mod program pengajiannya dengan sokongan daripada Dekan Fakulti dan kelulusan Dekan Institut Pengajian Siswazah.
- 10.2 Permohonan hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya sebelum semester tiga (3) pengajian dan permohonan yang dibuat selepas tempoh berkenaan tidak akan dipertimbangkan. [Mesyuarat Senat Kali Ke-121 Bil.8/2014]
- 10.3 Pelajar juga perlu menghantar permohonan sebelum minggu ketujuh (7) semester pengajian, permohonan selepas tempoh tersebut tidak akan diproses dan kelulusan pertukaran tersebut hanya akan berkuat kuasa pada semester berikutnya. [Mesyuarat Senat Kali Ke-121 Bil.8/2014]
- 10.4 Pihak Universiti berhak ke atas penawaran mod pengajian yang ditawarkan pada setiap semester.
- 10.5 Pertukaran ini dibenarkan dua (2) kali sahaja sepanjang tempoh pengajian.

## 11. PERTUKARAN BIDANG ATAU PROGRAM

- 11.1 Pelajar boleh memohon pertukaran bidang/program dengan perakuan Fakulti dan kelulusan pertukaran bidang/program bagi pelajar Ijazah Sarjana secara Mod Penyelidikan yang tidak melibatkan lantikan penyelia hanya perlu diputuskan di peringkat IPS sahaja dengan syarat pihak Fakulti telah membuat perakuan kelulusan. [Mesyuarat Senat Kali Ke-136 Bil.11/2015]
- 11.2 Permohonan pertukaran bidang atau program hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya sebelum semester tiga (3) pengajian. Permohonan yang dibuat selepas tempoh berkenaan tidak akan dipertimbangkan.
- 11.3 Pihak Universiti berhak ke atas penawaran program yang ditawarkan pada setiap semester.
- 11.4 Pertukaran ini dibenarkan dua (2) kali sahaja sepanjang tempoh pengajian.

## 12. PENAMBAHAN DAN PENGGUGURAN KURSUS

- 12.1 Pelajar dibenarkan menambah kursus secara audit setelah mendapat nasihat dan sokongan daripada penasihat akademik dalam masa dua (2) minggu daripada tarikh semester bermula.
- 12.2 Pelajar dibenarkan menggugurkan kursus yang telah didaftarkan dalam masa tujuh (7) minggu daripada tarikh semester bermula.
- 12.3 Kelewatan membuat penambahan kursus selepas minggu kedua atau pengguguran kursus selepas minggu ketujuh semester berkenaan akan dikenakan denda.

## 13. PEMBENTANGAN CADANGAN PENYELIDIKAN

- 13.1 Pelajar diwajibkan menghadiri sekurang-kurangnya satu (1) kali pembentangan cadangan penyelidikan sebelum pelajar menjalani sesi pembentangan cadangan penyelidikan. Surat tamat pengajian dan transkrip tidak akan diserahkan sekiranya pelajar tidak memenuhi keperluan ini. [Mesyuarat Senat Kali Ke-159 Bil.10/2017]
- 13.2 Setiap pelajar hendaklah menyedia dan membentangkan cadangan penyelidikan di peringkat Fakulti setelah mendapat perakuan daripada penyelia.
- 13.3 Cadangan penyelidikan perlu disemak dan diluluskan oleh Jawatankuasa Pemeriksa Cadangan Penyelidikan Fakulti.
- 13.4 Tempoh maksimum yang diberikan kepada Pelajar Ijazah Sarjana Mod Penyelidikan untuk membuat pembentangan cadangan penyelidikan ialah seperti berikut:

Status pengajian pelajar Sarjana	Pelajar perlu membuat pembentangan cadangan penyelidikan <u>sebelum</u>
Sepenuh Masa	*Semester kedua
Separuh Masa	*Semester ketiga

\*Nota: Sebelum semester berakhir

[Mesyuarat Senat Kali Ke-136 Bil.11/2015]

- 13.5 Status **KURANG MEMUASKAN (KM)** akan diberi kepada pelajar sekiranya masih belum membuat pembentangan cadangan penyelidikan selepas semester kedua (bagi pelajar sepenuh masa) atau ketiga (bagi pelajar separuh masa), walaupun pelajar telah menghantar laporan kemajuan penyelidikan (LKPS) dan penyelia memberi status memuaskan. Berikut merupakan tahap penilaian pelajar yang ditetapkan:

Status pengajian pelajar Ijazah Sarjana		Status yang akan diterima
Selepas semester kedua (sepenuh masa)	Kali Pertama	KM (Kurang memuaskan)
Selepas semester ketiga (separuh masa)		
Selepas semester ketiga (sepenuh masa)	Kali Kedua	TM (Tidak memuaskan)
Selepas semester keempat (separuh masa)		
Selepas semester keempat (sepenuh masa)	Kali Ke- 3	TM dan diberhentikan (status TM dua kali berturut-turut)
Selepas semester kelima (separuh masa)		

[Mesyuarat Senat Kali Ke-136 Bil.11/2015]

- 13.6 Pelajar yang telah membuat pembentangan cadangan penyelidikan tetapi perlu membuat pindaan terhadap cadangan penyelidikan tersebut dan melakukan pembentangan kali kedua adalah tertakluk kepada tempoh masa seperti berikut:

<b>Status pengajian pelajar Ijazah Sarjana</b>	<b>Maksimum tempoh pembetulan dan pembentangan semula</b>	<b>Status yang akan diterima sekiranya gagal mengikuti tempoh yang ditetapkan</b>
Sepenuh masa	Sebelum minggu keempat belas semester berikutnya	KM (Kurang memuaskan) - kali pertama
		TM (Tidak memuaskan) - kali kedua
Separuh masa	Sebelum minggu keempat belas dua semester berikutnya	KM (Kurang memuaskan) - kali pertama
		TM (Tidak memuaskan) - kali kedua

[Mesyuarat Senat Kali Ke-136 Bil.11/2015]

## 14. PEMBENTANGAN DAPATAN KAJIAN

- 14.1 Pembentangan dapatan kajian wajib dibuat oleh pelajar sebelum menghantar notis dan disertasi awal kepada pihak IPS.
- 14.2 Pelajar perlu membentangkan sekurang-kurangnya satu (1) dapatan kajian di peringkat Fakulti. Maklum balas yang diterima daripada hadirin sewaktu sesi pembentangan perlu diambil kira semasa membuat penambahbaikan dalam penyediaan disertasi.
- 14.3 Pelajar tidak dibenarkan untuk menghantar disertasi awal sekiranya tidak membuat pembentangan dapatan kajian.

Nota: Kaedah pelaksanaan pembentangan dapatan kajian boleh ditentukan sendiri oleh pihak fakulti. Walau bagaimanapun pihak fakulti perlu memastikan panel penilai bagi pembentangan dapatan kajian adalah sama seperti dilantik semasa pembentangan proposal.  
[Mesyuarat Senat Kali Ke-159 Bil.10/2017]

## 15. TEMPOH PENGAJIAN

- 15.1 Tempoh pengajian bagi pelajar sepenuh masa adalah \*minimum empat (4) semester (2 tahun) dan maksimum enam (6) semester (3 tahun). [Mesyuarat Senat Kali Ke-199 Bil. 3/2021]
- 15.2 Tempoh pengajian bagi pelajar separuh masa adalah \*minimum enam (6) semester (3 tahun) dan maksimum sepuluh (10) semester (5 tahun). [Mesyuarat Senat Kali Ke-199 Bil. 3/2021]
- 15.3 Walau bagaimanapun, Senat boleh memberi pengecualian bagi pelajar cemerlang yang dapat menamatkan pelajaran dalam masa yang singkat.
- 15.4 Pertukaran status pengajian dibenarkan dua (2) kali sahaja sepanjang tempoh pengajian. Pihak Universiti berhak ke atas penawaran status pengajian yang ditawarkan pada setiap semester. [Mesyuarat Senat Kali Ke-121 Bil.8/2014]
- 15.5 Permohonan pertukaran status pengajian perlu dilakukan selewat-lewatnya sebelum semester akhir pelajar bermula.
- 15.6 Pelajar boleh membuat permohonan pelanjutan tempoh pengajian selewat-lewatnya tiga (3) bulan sebelum semester terakhir berakhir. Permohonan pelanjutan yang dibenarkan adalah sebanyak empat (4) semester dengan maksimum dua (2) semester untuk setiap permohonan, tertakluk kepada peratusan status disertasi.  
[Mesyuarat Senat Kali Ke-205 Bil.9/2021]
- 15.7 Pelajar yang diluluskan pelanjutan tidak dibenarkan menangguh pengajian pada semester tersebut kecuali atas sebab-sebab kesihatan yang disahkan oleh pegawai perubatan. [Mesyuarat Senat Kali Ke-205 Bil.9/2021]

\* Tempoh ini adalah sehingga peringkat penyerahan disertasi.

## **16. SYARAT BERMASTAUTIN**

- 16.1 Pelajar perlu memenuhi syarat bermastautin yang ditetapkan seperti berikut:

STATUS PENGAJIAN	*SYARAT BERMASTAUTIN
Sepenuh Masa	Pelajar perlu berada di kampus/lapangan secara fizikal tertakluk pada budi bicara Dekan/Timbalan Dekan (kecuali bagi pelajar antarabangsa yang mendaftar secara program khas).
Separuh Masa	Pelajar perlu berada di kampus/lapangan secara fizikal tertakluk pada budi bicara Dekan/Timbalan Dekan.

\*Tertakluk kepada keperluan program dan Fakulti [Mesyuarat Senat Kali Ke-162 Bil.1/2018]

## **17. KEHADIRAN**

- 17.1 Pelajar diwajibkan berjumpa penyelia mengikut kekerapan yang ditentukan oleh Fakulti dan merekodkan pertemuan tersebut.
- 17.2 Di akhir setiap semester, pelajar perlu menghantar Laporan Kemajuan Penyelidikan Siswazah ke Fakulti untuk dimajukan ke Institut Pengajian Siswazah.
- 17.3 Kegagalan pelajar memenuhi keperluan di atas akan diberikan status Tidak Memuaskan (TM). Status TM dua (2) semester berturut-turut akan diberikan status Gagal dan Diberhentikan.

## **18. DISERTASI**

- 18.1 Disertasi hendaklah tidak kurang daripada 50,000 patah perkataan dan tidak melebihi 60,000 patah perkataan (tertakluk kepada perakuan JPS Fakulti, penyelia dan pakar bidang). [Mesyuarat Senat Kali Ke-171 Bil.10/2018].
- 18.2 Disertasi hendaklah disediakan menurut format dan gaya penulisan yang ditentukan oleh Universiti.
- 18.3 Disertasi boleh ditulis dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris. Abstrak hendaklah ditulis dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.
- 18.4 Disertasi juga boleh ditulis dalam bahasa selain daripada bahasa Melayu dan bahasa Inggeris tertakluk kepada kelulusan Senat/ JPS berdasarkan justifikasi yang kukuh. Pelajar juga diwajibkan menghantar judul dan abstrak yang telah diterjemahkan dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris ke IPS sebagai syarat bergraduat. [Mesyuarat Senat Kali Ke-154 Bil.5/2017]  
(Rujuk Garis Panduan Penulisan Tesis/ Disertasi Dalam Bahasa selain Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris) [Mesyuarat Senat Kali Ke-203 Bil. 7/2021]
- 18.5 Sesuatu disertasi yang telah diterima untuk penganugerahan ijazah dari universiti lain tidak boleh diterima untuk penganugerahan ijazah Universiti ini.

18.6 Seseorang pelajar yang bercadang menyerahkan disertasinya untuk diperiksa hendaklah:

- 18.6.1 menghantar notis berserta bukti pembayaran yuran pemeriksaan disertasi kepada IPS dengan menggunakan borang khas sekurang-kurangnya tiga (3) bulan lebih awal daripada tarikh penyerahan disertasi untuk diperiksa dengan persetujuan penyelia (setelah disertasi disiapkan sebanyak 80%).
- 18.6.2 menyerahkan enam (6) naskhah disertasi yang berkulit lembut berjilid untuk pemeriksaan berserta laporan *turnitin*.
- 18.6.3 pelajar perlu menghantar disertasi awal kepada pihak IPS bagi tempoh seperti berikut:

PERKARA	PENGHANTARAN DISERTASI AWAL
Sepenuh Masa	Semester keempat
Separuh Masa	Semester kelapan

[Mesyuarat Senat Kali Ke-159 Bil.10/2017]

- 18.6.4 Kegagalan pelajar menghantar disertasi awal kepada pihak IPS bagi tempoh yang ditetapkan akan menyebabkan pelajar mendapat status Kurang Memuaskan (KM) pada semester berkenaan walaupun telah menghantar LKPS dan penyelia memberi status Sedang Maju (SM). [Mesyuarat Senat Kali Ke-159 Bil.10/2017]
- 18.6.5 Namun pelajar juga boleh menghantar disertasi awal kepada pihak IPS lebih awal daripada tempoh masa yang ditetapkan. [Mesyuarat Senat Kali Ke-159 Bil.10/2017]
- 18.7 Pelajar hendaklah menyerahkan tiga (3) naskhah Disertasi Mutakhir yang telah diperiksa dan formatnya diluluskan oleh Institut Pengajian Siswazah, berjilid dan dua (2) keping salinan cakera padat (CD) dalam format PDF, sebelum bergraduat.

18.8 Hasil kajian dan disertasi adalah hak milik Universiti.

## 19. KEPERLUAN PENERBITAN

- 19.1 Pelajar wajib menghasilkan satu (1) \*artikel jurnal/*refereed journal article* sebelum layak bergraduat. [Mesyuarat Senat Kali Ke-118 Bil.5/2014]

\*Perincian:

- (i) artikel perlulah telah diterima untuk diterbitkan;
- (ii) pelajar mestalah menjadi penulis pertama/utama;
- (iii) pelajar digalakkan menerbitkan jurnal berindeks tinggi seperti ISI, SCOPUS, ERA;
- (iv) surat tamat pengajian hanya akan diberikan sekiranya pelajar telah melengkapkan keperluan penerbitan.

## 20. PENYELIAAN DISERTASI

- 20.1 Senat hendaklah melantik ahli akademik dari mana-mana Fakulti sebagai Penyelia dan/atau Penyelia Bersama dan/atau Penyelia Bersekutu daripada mana-mana IPTA atau institusi lain yang berwibawa untuk menyelia penyelidikan dan penyediaan disertasi.
- 20.2 Pelantikan Penyelia/Penyelia Bersama/Bersekutu hendaklah diperakukan oleh Fakulti dan diluluskan Jawatankuasa Pengajian Siswazah.
- 20.3 Pertukaran penyelia dibenarkan dengan sokongan dari Fakulti dan persetujuan penyelia asal dan penyelia baharu serta, diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.
- 20.4 Penyelia Bersama/Bersekutu boleh terdiri daripada ahli akademik universiti luar dan/atau pakar dari organisasi luar.

20.5 Pelajar hendaklah mengemukakan Laporan Kemajuan Penyelidikan Siswazah pada setiap semester sepanjang tempoh pengajiannya kepada pihak Fakulti dan dimajukan ke IPS menggunakan kaedah yang ditetapkan Institut Pengajian Siswazah

## 21. PENILAIAN DAN PEPERIKSAAN

- 21.1 Yuran pemeriksaan disertasi hendaklah dibayar sebelum penyerahan notis disertasi awal dihantar untuk pemeriksaan.
- 21.2 Jika pemeriksaan perlu diulang, bayaran tambahan akan dikenakan berdasarkan kadar yang berkuat kuasa.
- 21.3 Disertasi akan diperiksa oleh dua (2) orang pemeriksa yang terdiri daripada seorang Pemeriksa Dalam dan seorang Pemeriksa Luar yang dilantik oleh Senat berdasarkan pencalonan dari Fakulti.
- 21.4 Penyelia boleh hadir sebagai pemerhati serta memberi pandangan (jika perlu) kepada Jawatankuasa Viva.
- 21.5 Urusan pengendalian peperiksaan disertasi hendaklah dibuat oleh Institut Pengajian Siswazah.
- 21.6 Laporan penilaian disertasi oleh Pemeriksa Dalam dan Pemeriksa Luar hendaklah berpandu kepada Borang Penilaian Tesis.
- 21.7 Laporan Pemeriksa Dalam dan Pemeriksa Luar hendaklah dihantar ke Institut Pengajian Siswazah sebelum Viva diadakan.
- 21.8 Ahli Jawatankuasa Viva terdiri daripada:
- Pengurus: Timbalan Naib Canselor / Profesor / Profesor Madya / ahli akademik yang berkelayakan Kedoktoran yang mempunyai sekurang-kurangnya tiga (3) tahun pengalaman (bidang yang berbeza) yang dilantik oleh IPS.  
[Mesyuarat Senat Kali Ke-186 Bil.01/2020]
  - Ahli: Pemeriksa Dalam
  - Ahli: Pemeriksa Luar
  - Ahli: Dekan Fakulti atau wakilnya
  - Setiausaha: Pegawai IPS
- Nota: Minit pembetulan dicatat oleh Penyelia dan disahkan oleh Pengurus.
- 21.9 Perakuan penilaian disertasi oleh Jawatankuasa Viva hendaklah dibentangkan untuk kelulusan Senat bagi:
- menganugerahkan Ijazah Sarjana kepada pelajar tanpa pindaan kepada disertasi; atau
  - menganugerahkan Ijazah Sarjana kepada pelajar tertakluk kepada pembetulan kecil seperti kesilapan taip, ejaan, tanda baca, memperjelaskan fakta, hujah dan kesimpulan seperti yang disyorkan oleh Jawatankuasa Viva. Calon diberi masa tidak melebihi satu (1) bulan untuk memperbaikinya. Pembetulan disertasi hanya perlu disahkan oleh Penyelia sahaja; atau [Mesyuarat Senat Kali Ke-158 Bil.09/2017]
  - menganugerahkan Ijazah Sarjana kepada pelajar tertakluk kepada pembetulan sederhana besar seperti memperjelaskan fakta, hujah dan kesimpulan serta menulis semula sebahagian daripada disertasi seperti yang disyorkan oleh Jawatankuasa Viva. Calon diberi masa tidak melebihi tiga (3) bulan untuk memperbaikinya. Pembetulan Disertasi hanya perlu disahkan oleh Penyelia dan Pemeriksa Dalam jika diputuskan dalam Mesyuarat Viva; atau [Mesyuarat Senat Kali Ke-158 Bil.09/2017]

- menganugerahkan Ijazah Sarjana kepada pelajar tertakluk kepada pembetulan besar seperti menganalisis semula data, membuat semula kesimpulan dan menulis semula sebahagian disertasi. Disertasi yang diperbaiki ini perlu diperiksa semula dan diperakuan oleh Jawatankuasa Viva. Calon diberi masa tidak melebihi enam (6) bulan untuk membuat pindaan; atau [Mesyuarat Senat Kali Ke-158 Bil.09/2017]
- Gagal dan tidak dianugerahkan Ijazah Sarjana.

#### **21.10 Gred Disertasi**

Gred berikut boleh diberi untuk pencapaian sesuatu disertasi :

- a) Lulus, atau
- b) Gagal

#### **21.11 Penilaian bagi program Sarjana Muzik dan Sarjana Sastera pengkhususan Studio Seni Halus adalah pada Lampiran C.**

### **22. PENGANUGERAHAN IJAZAH**

22.1 Nama ijazah yang dianugerahkan oleh Senat Universiti ialah Ijazah Sarjana (mengikut bidang yang berkaitan).

22.2 Penganugerahan ijazah ini adalah tertakluk kepada:

22.2.1 Memenuhi kesemua syarat-syarat bergraduat bagi program pengajian yang ditetapkan;

22.2.2 Lulus disertasi

22.3 Keputusan peperiksaan seseorang pelajar hendaklah mendapat pengesahan Senat Universiti.

### **23. SYARAT-SYARAT UNTUK MENERUSKAN PENGAJIAN**

23.1 Taraf Lulus

Menunjukkan kemajuan memuaskan dalam penyediaan disertasi dan mendapat status Sedang Maju (SM) pada setiap semester.

### **24. PEMBERHENTIAN PENGAJIAN**

24.1 Senat berhak memberhentikan seseorang pelajar yang didapati memberi maklumat palsu bersabit dengan kemasukannya ke Universiti.

24.2 Pelajar boleh diberhentikan bila-bila masa dari Universiti atas mana-mana sebab berikut:

24.2.1 Pelajar yang mendapat PNGK kurang daripada 2.00 dalam mana-mana semester adalah Gagal dan akan diberhentikan dari Universiti.

24.2.2 Pelajar bertaraf Lulus Bersyarat (LB) mengikut keputusan peperiksaan semester yang baru lalu, yang masih tidak mencapai taraf Lulus dalam semester berikutnya adalah Gagal dan akan diberhentikan dari Universiti.

24.2.3 Pelajar yang tidak memperlihatkan peningkatan kemajuan dalam penyediaan disertasi setelah diberi dua (2) amaran bertulis oleh Dekan Fakulti.

24.2.4 Pelajar yang tidak memperlihatkan peningkatan kemajuan dalam penyediaan disertasi dan mendapat status TM selama dua (2) semester berturut-turut.

24.2.5 Melebihi tempoh masa untuk sesuatu program pengajian.

- 24.2.6 Didapati melanggar Peraturan Universiti.
- 24.2.7 Pelajar yang menerima status **Gagal** dan **Diberhentikan** dan **Diberhentikan** boleh membuat rayuan ke Universiti melalui Fakulti Secara bertulis dan tertakluk kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pengajian Siswazah.
- 24.3 Rayuan perlu dibuat dalam tempoh tiga (3) minggu daripada tarikh surat pemberitahuan pemberhentian atau selepas kelulusan Mesyuarat Senat. Sebarang rayuan yang diterima selepas tempoh yang disebut tidak akan dipertimbangkan.
- 24.4 Rayuan hendaklah disertakan dengan bayaran yang ditetapkan dan bayaran ini tidak boleh dituntut balik.

## 25. GUGUR STATUS SEBAGAI PELAJAR [Mesyuarat Senat Kali Ke-118 Bil.5/2014]

- 25.1 Status seseorang pelajar universiti akan gugur sekiranya gagal untuk menjelaskan yuran pengajian atau bayaran lain dalam masa yang ditetapkan, tidak mendaftar semester, mendaftar kursus atau membuat penangguhan pengajian secara bertulis kepada pihak Institut Pengajian Siswazah selepas berakhir minggu ketujuh (7) semester.
- 25.2 Pelajar yang gugur statusnya boleh merayu kepada pihak Institut Pengajian Siswazah untuk meneruskan pengajian pada semester berikutnya dan semester gugur statusnya diambil kira sebagai tempoh pengajian.
- 25.3 Pelajar yang diluluskan untuk meneruskan pengajian diminta untuk membayar kos pentadbiran (*administrative fee*) kepada pihak Universiti.

## 26. PERATURAN KEWANGAN UNIVERSITI

- 26.1 Yuran hendaklah dijelaskan sepenuhnya sebelum semester bermula.
- 26.2 Pelajar boleh menuntut bayaran balik yuran jika pelajar menarik diri daripada pengajian untuk sesuatu semester dengan mengemukakan surat kelulusan dari Institut Pengajian Siswazah.
- 26.3 Kadar bayaran balik yuran adalah seperti berikut:

TEMPOH / PERKARA	KADAR BAYARAN	CATATAN
Menolak tawaran atau tidak mendaftar	Keseluruhan yuran dibayar	Permohonan bayaran balik perlu dikemukakan bersama Memo / Surat Pengesahan oleh Bahagian Hal Ehwal Akademik atau Institut Pengajian Siswazah.
Minggu orientasi	100% yuran-yuran kecuali pendaftaran, pemeriksaan kesihatan dan yuran pengurusan antarabangsa	Kelayakan bayaran hanya bagi semester pertama sahaja. Tempoh bayaran balik yuran adalah berdasarkan tarikh permohonan menarik menarik diri.
Tidak lebih 4 minggu (28 hari) dari tarikh permulaan semester	50% yuran-yuran kecuali pendaftaran, pemeriksaan kesihatan dan yuran pengurusan antarabangsa	Permohonan bayaran balik perlu dikemukakan bersama Surat Kelulusan Menarik Diri oleh Bahagian Hal Ehwal Akademik atau Institut Pengajian Siswazah.
Selepas 4 minggu (28 hari) dari tarikh permulaan semester	Tiada bayaran balik	

\*Nota : Dikira daripada tarikh pendaftaran

- 26.4 Yuran berikut tidak dibayar balik kepada pelajar:
- Yuran Suai Kenal / Pendaftaran

- 26.5 Tuntutan lain dari Universiti seperti denda dan bayaran ganti rugi kerosakan Kolej Kediaman perlu dijelaskan oleh pelajar dalam tempoh pengajian.
- 26.6 Universiti berhak membuat tuntutan kesemua yuran tertunggak walaupun pelajar berkenaan telah berhenti dari Universiti. Segala perbelanjaan yang dikeluarkan oleh Universiti untuk urusan tersebut perlu ditanggung oleh pelajar.
- 26.7 Bagi pelajar yang pernah mengikuti pengajian di Universiti Pendidikan Sultan Idris pada peringkat Diploma atau Ijazah Sarjana Muda, bayaran yuran bagi semester pertama akan dikecualikan yuran Alumni sebanyak RM100.00. Pelajar perlu memaklumkan kepada pihak Bendahari berkenaan maklumat pelajar dan disertakan salinan skrol pengajian sebelumnya.
- 26.8 Bagi pelajar yang menangguh semester sebelum minggu ke-7 takwim akademik, yuran dan bayaran lain akan dibawa ke semester berikutnya.
- 26.9 Surat pengesahan/kelulusan dari Institut Pengajian Siswazah hendaklah diperoleh terlebih dahulu dan dikemukakan kepada pihak Bendahari semasa membuat tuntutan.

## 27. PERUNTUKAN AM

- 27.1 Senat berhak mengambil tindakan sewajarnya ke atas pelajar yang didapati bersalah mengemukakan maklumat palsu tentang kemasukan ke Universiti.
- 27.2 Senat, atas budi bicaranya, boleh membernarkan sebarang pengecualian yang dianggap munasabah atau meminda apa-apa peraturan yang sesuai untuk dikuatkuasakan demi kebaikan Universiti.
- 27.3 Segala keputusan Senat berhubung kes rayuan oleh pelajar akan diuruskan oleh Institut Pengajian Siswazah.
- 27.4 Pelajar bertanggungjawab untuk memahami dan mematuhi semua peraturan yang terkandung di dalam Buku Peraturan Akademik Program Pengajian Siswazah.

## **PERATURAN UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS PROGRAM PENGAJIAN IJAZAH SARJANA SECARA PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS**

Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh Perenggan 29, Perlembagaan Universiti Pendidikan Sultan Idris (Program Pengajian Siswazah), Senat Universiti Pendidikan Sultan Idris menentukan peraturan berikut:

### **1. NAMA, MULA BERKUAT KUASA DAN PEMAKAIAN**

- 1.1 Peraturan ini dinamakan Peraturan Universiti Pendidikan Sultan Idris (Program Pengajian Sarjana Secara Penyelidikan dan Kerja Kursus) 2011 (Pindaan 2021).
- 1.2 Peraturan ini hendaklah terpakai kepada semua pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris yang mengikuti Program Pengajian Siswazah.

### **2. TAKRIF**

Dalam peraturan ini melainkan jika kandungan ayatnya mengehendaki makna yang lain :-

**“Ahli Akademik”** bermakna tenaga pengajar Universiti yang bertugas sepenuh masa dan berjawatan tetap atau kontrak.

**“Disertasi”** bermakna laporan kajian akademik yang dikemukakan oleh pelajar bagi memenuhi syarat keperluan program pengajian Sarjana Secara Penyelidikan dan Kerja Kursus.

**“Disertasi Mutakhir”** bermakna naskhah disertasi yang telah disempurnakan selepas lulus Viva Sarjana Secara Penyelidikan dan Kerja Kursus.

**“Fakulti”** bermakna mana-mana pusat pengajian yang menawarkan program akademik dan kursus-kursus.

**“Hadir Wajib”** bermakna mana-mana kursus atau aktiviti yang kedatangan dimestikan oleh fakulti/pensyarah, walaupun kursus atau aktiviti tersebut tidak terdapat dalam struktur pengajian/syarat bergraduat.

**“Ijazah”** bermakna anugerah yang diberikan oleh Universiti kepada seseorang pelajar yang telah memenuhi syarat-syarat bergraduat.

**“Institut Pengajian Siswazah”** bermakna pusat pengajian yang ditubuhkan oleh Universiti di bawah Seksyen 21(1) Perlembagaan Universiti untuk mengurus, mentadbir dan menyelaras pengendalian Program Pengajian Siswazah.

**“Jawatankuasa Pemeriksa Cadangan Penyelidikan”** bermakna jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Fakulti untuk meluluskan dan memperakuan cadangan penyelidikan pelajar.

**“Jawatankuasa Pemeriksa Disertasi”** bermakna jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Senat untuk menilai disertasi.

**“Jawatankuasa Pengajian Siswazah”** bermakna Jawatankuasa yang ditubuhkan di Universiti untuk menyelia Program Pengajian Siswazah yang dipengerusikan oleh Naib Canselor.

**“Jawatankuasa Pengajian Siswazah Fakulti”** bermakna jawatankuasa yang ditubuhkan di Fakulti untuk menyelia Program Pengajian Siswazah dipengerusikan oleh Dekan Fakulti berkenaan.

**“Kecurangan Akademik”** bermakna tindakan kepada pelajar yang melanggar Perkara 8 Kaedah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tatatertib Pelajar) 1999.

**“Kerja Kursus”** bermakna kaedah pelaksanaan sesuatu kursus yang memerlukan pelajar siswazah membuat tugas, ujian dan sebarang bentuk penilaian yang lain.

**“Kredit Kira”** bermakna kredit yang diambil kira dalam pengiktirafan PNGS dan PNGK.

**“Kredit Lulus”** bermakna kredit yang diperoleh bagi kursus yang lulus.

**“Kursus”** bermakna satu unit pengajian yang membawa kepada suatu bilangan jam kredit yang biasa ditawarkan dan diselesaikan dalam sesuatu semester.

**“Kursus Audit”** bermakna kursus yang diambil atas keperluan pengajian tetapi kredit kursus tidak dikira dalam pengiraan PNGK. Pelajar yang mengaudit kursus, wajib menghadiri semua kuliah/tutorial/amali dan menyiapkan semua tugas (wajib lulus) tetapi tidak perlu menduduki peperiksaan akhir (jika ada). Jika pelajar tidak memenuhi syarat kursus audit, nama pelajar akan digugurkan daripada senarai audit. [Mesyuarat Senat Kali Ke-144 Bil.7/2016]

**“Kursus Pengkhususan”** adalah kursus-kursus yang dikenal pasti sebagai sesuatu bidang.

**“Kursus Elektif”** adalah kursus-kursus yang boleh dipilih daripada Kursus Kaedah Penyelidikan, Kursus Pendidikan dan Kursus Bidang Pengkhususan daripada mana-mana Fakulti.

**“Kursus Kaedah Penyelidikan”** ialah kursus-kursus Kaedah Penyelidikan yang ditetapkan oleh Universiti untuk pelajar mengambilnya.

**“Kursus Pendidikan”** adalah kursus-kursus berhubung dengan ilmu pendidikan yang ditawarkan oleh mana-mana Fakulti terutamanya Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia.

**“Mod Pengajian”** adalah jenis struktur pengajian Sarjana yang ditawarkan oleh Universiti yang meliputi Sarjana Penyelidikan, Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus dan Sarjana Kerja Kursus.

**“Negara Serumpun”** adalah negara yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa perantaraan. Sebagai contoh negara Indonesia, Singapura, Brunei dan Selatan Thailand.

**“Pelajar”** bermakna seseorang yang telah mendaftar untuk mengikuti Program Pengajian Siswazah di Universiti Pendidikan Sultan Idris.

**“Pemeriksa Dalam”** bermakna ahli akademik yang dicadangkan oleh Fakulti dan diperakui Jawatankuasa Pengajian Siswazah dan diluluskan oleh Senat untuk menilai disertasi pelajar.

**“Penasihat Akademik”** bermakna seorang ahli akademik yang dilantik oleh Fakulti untuk menasihati hal-hal akademik seseorang pelajar.

**“Pendaftaran Kursus”** bermakna pendaftaran pelajar melalui sistem atas talian pada setiap awal semester berpandukan takwim yang diluluskan Senat.

**“Pendaftaran Semester”** bermakna pendaftaran pelajar melalui sistem atas talian pada setiap semester pengajian bagi mengaktifkan diri sebagai pelajar universiti.

**“Penilaian”** bermakna sebarang bentuk pentaksiran untuk mengukur pencapaian akademik pelajar.

**“Penyelia”** bermakna ahli akademik yang dicadangkan oleh Fakulti dan diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah untuk menyelia disertasi pelajar.

**“Penyelia Bersama/Penyelia Bersekutu”** bermakna ahli akademik yang dilantik bersama-sama dengan Penyelia oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah untuk menyelia penyelidikan dan penyediaan disertasi pelajar.

**“PNGK”** (Purata Nilai Gred Kumulatif) bermakna purata himpunan mata nilai gred yang diperolehi bagi semua semester yang telah diikuti.

**“PNGS”** (Purata Nilai Gred Semester) bermakna purata mata nilai gred yang diperolehi dalam sesuatu semester.

**“Peperiksaan”** bermakna sebarang bentuk penilaian untuk mengukur pencapaian akademik pelajar yang diselenggarakan oleh Universiti.

**“Program Pengajian”** bermakna kumpulan-kumpulan kursus, latihan dan penyelidikan atau gabungan kursus, latihan dan penyelidikan yang dirancang dan ditawarkan bagi memenuhi keperluan untuk penganugerahan Ijazah Sarjana yang diluluskan oleh Senat.

**“Senat”** bermakna badan tertinggi yang mempunyai kuasa muktamad ke atas segala hal akademik yang ditubuhkan menurut peruntukan seksyen 20(1) Perlembagaan Universiti Pendidikan Sultan Idris 1998.

**“Sistem Maklumat Pelajar”** bermakna sistem yang dibina dan dikawal selia oleh IPS bagi tujuan penyimpanan data dan rekod pelajar.

**“Slip Pendaftaran”** bermakna slip yang mengandungi maklumat kursus yang didaftar oleh pelajar.

**“Slip Peperiksaan”** bermakna slip yang mengandungi maklumat peperiksaan dan perlu dibawa bersama ke dewan/bilik peperiksaan.

**“Struktur Program”** bermakna susunan program yang ditawarkan oleh Institut Pengajian Siswazah berdasarkan mod pengajian.

**“Tempoh Pengajian”** bermakna tempoh masa yang ditetapkan kepada pelajar untuk melengkapkan struktur pengajian sarjana.

**“Universiti”** bermakna Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

**“Viva”** bermakna peperiksaan lisan yang dianggotai Ahli Jawatankuasa Pemeriksa Disertasi.

### 3. KELAYAKAN MASUK

- 3.1 Kelayakan Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf dan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.50-2.75. Jika PNGK tidak dicapai, calon boleh dipertimbangkan tertakluk penilaian dalam di fakulti. (Rujuk Garis Panduan Pengambilan Pelajar Pengajian Siswazah)
- 3.2 Kelayakan lain yang diiktiraf oleh Senat yang diperoleh melalui pentaulahan pembelajaran berdasarkan pengalaman terdahulu (APEL) tertakluk kepada bidang-bidang pengajian yang disenaraikan oleh MQA (untuk calon tempatan sahaja), atau [Mesyuarat Senat Ke-192 Bil.07/2020]
- 3.3 Kelayakan lain yang diiktiraf oleh Senat; dan
- 3.4 Memenuhi syarat khas program yang ditetapkan oleh Fakulti yang berkenaan jika berkaitan.
- 3.5 Calon pelajar antarabangsa disyaratkan lulus syarat keperluan Bahasa Inggeris seperti yang telah ditetapkan. (Rujuk Garis Panduan Pengambilan Pelajar Pengajian Siswazah)
- 3.6 Calon antarabangsa yang ingin menulis dan membentangkan disertasi selain daripada Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu perlu mendapatkan kelulusan khas daripada Senat dan memenuhi syarat Bahasa Inggeris yang telah ditetapkan.  
(Rujuk Garis Panduan Pengambilan Pelajar Pengajian Siswazah)

#### **4. PERMOHONAN**

- 4.1 Permohonan hendaklah dibuat secara atas talian.
- 4.2 Permohonan hendaklah diisi dengan lengkap dan betul, dan mematuhi semua syarat atau keperluan seperti yang dinyatakan dalam borang berkenaan.

#### **5. STRUKTUR PROGRAM**

- 5.1 Pengajian melibatkan kursus dan penyediaan disertasi.

#### **6. PENDAFTARAN**

- 6.1 Pelajar hendaklah mendaftar semester dengan membayar yuran pada tarikh yang ditetapkan untuk setiap semester mengikut struktur program pengajian yang ditawarkan Universiti.
- 6.2 Pendaftaran semester hendaklah dibuat pada tarikh yang ditetapkan pada awal semester untuk membolehkan pelajar mengikuti kursus atau membuat penyelidikan seperti yang telah didaftarkan dalam semester berkenaan.
- 6.3 Kelewatan pendaftaran semester pada tarikh yang ditetapkan akan dikenakan denda.

#### **7. PENANGGUHAN KEMASUKAN**

- 7.1 Calon boleh membuat penangguhan kemasukan untuk tempoh satu (1) semester sahaja.
- 7.2 Permohonan penangguhan kemasukan hendaklah dibuat secara bertulis kepada Dekan Institut Pengajian Siswazah dalam tempoh dua (2) minggu selepas hari kemasukan.
- 7.3 Sekiranya calon gagal untuk membuat permohonan penangguhan dalam tempoh yang ditetapkan, tawaran akan terbatal.

#### **8. PENDAFTARAN KURSUS DAN DISERTASI**

- 8.1 Calon hendaklah membuat pendaftaran kursus dan disertasi seperti yang ditawarkan mengikut syarat dan takwim yang ditetapkan oleh Senat.
- 8.2 Pendaftaran jam kredit minimum bagi pelajar sepenuh masa ialah 12 jam kredit dan maksimum 16 jam kredit. Pelajar dibenarkan untuk mendaftar melebihi 16 jam kredit dengan kelulusan Dekan Fakulti.
- 8.3 Pendaftaran jam kredit maksimum bagi pelajar separuh masa ialah 12 jam kredit. Pelajar dibenarkan untuk mendaftar melebihi 12 jam kredit dengan kelulusan Dekan Fakulti.
- 8.4 Pelajar boleh mendaftar kursus dan disertasi serentak pada awal setiap semester setelah pelajar mendapat nama penyelia daripada pihak Fakulti melalui IPS.  
[Mesyuarat Senat Kali Ke- 144 Bil.7/2016]
- 8.5 Kelewatan pendaftaran selepas minggu kedua kuliah akan dikenakan denda.

#### **9. PENANGGUHAN PENGAJIAN**

- 9.1 Pelajar boleh membuat permohonan untuk menangguhkan pengajian dari Institut Pengajian
- 9.2 Kelulusan penangguhan pengajian tertakluk kepada persetujuan Dekan Institut Pengajian Siswazah.

- 9.3 Tempoh penangguhan pengajian adalah tidak boleh dua (2) semester berturut-turut kecuali atas sebab kesihatan.
- 9.4 Pelajar yang memohon penangguhan pengajian atas sebab kesihatan hendaklah terlebih dahulu mendapatkan perakuan daripada Doktor Kerajaan atau Pegawai Perubatan Universiti atau Doktor Panel Universiti.
- 9.5 Penangguhan atas sebab kesihatan dibenarkan tiga (3) kali sepanjang pengajian. [Mesyuarat Senat Kali Ke-205 Bil.9/2021]
- 9.6 Permohonan penangguhan pengajian atas sebab lain daripada sebab kesihatan boleh juga dipertimbang dan diperakurkan oleh Dekan Institut Pengajian Siswazah. Permohonan hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya pada minggu ke-7 takwim akademik semester berkenaan.
- 9.7 Tempoh pengajian dalam masa penangguhan atas sebab kesihatan tidak diambil kira dalam pengiraan tempoh pengajian maksimum program pengajian.
- 9.8 Semasa dalam penangguhan pengajian, pelajar hilang taraf sebagai pelajar Universiti sehingga mendaftar semula pengajiannya.
- 9.9 Pelajar yang menyambung pengajian selepas genap tempoh penangguhan yang diluluskan dikehendaki mendaftar semula.
- 9.10 Pelajar yang berada dalam semester akhir/ maksimum pengajian tidak layak untuk menangguhkan pengajian. [Mesyuarat Senat Kali Ke-205 Bil.9/2021]

## 10. PERTUKARAN MOD

- 10.1 Pelajar boleh menukar mod program pengajiannya dengan sokongan daripada Dekan Fakulti dan kelulusan Dekan Institut Pengajian Siswazah
- 10.2 Permohonan hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya **sebelum semester tiga (3) pengajian** dan permohonan yang dibuat selepas tempoh berkenaan tidak akan dipertimbangkan. [Mesyuarat Senat Kali Ke-121 Bil.8/2014]
- 10.3 Pelajar juga perlu menghantar permohonan **sebelum minggu ketujuh (7)** semester pengajian, permohonan selepas tempoh tersebut tidak akan diproses dan kelulusan pertukaran tersebut hanya akan berkuat kuasa pada semester berikutnya. [Mesyuarat Senat Kali Ke-121 Bil.8/2014]
- 10.4 Pihak Universiti berhak ke atas penawaran mod pengajian yang ditawarkan pada setiap semester.
- 10.5 Pertukaran ini dibenarkan dua (2) kali sahaja sepanjang tempoh pengajian.

## 11. PERTUKARAN BIDANG ATAU PROGRAM

- 11.1 Pelajar boleh memohon pertukaran bidang/program dengan perakuan Fakulti dan kelulusan pertukaran bidang/program bagi pelajar Ijazah Sarjana secara Mod Penyelidikan dan Kerja Kursus yang tidak melibatkan lantikan penyelia hanya perlu diputuskan di peringkat IPS sahaja dengan syarat pihak Fakulti telah membuat perakuan kelulusan. [Mesyuarat Senat Kali Ke-136 Bil.11/2015]
- 11.2 Permohonan pertukaran bidang atau program hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya sebelum semester tiga (3) pengajian. Permohonan yang dibuat selepas tempoh berkenaan tidak akan dipertimbangkan.
- 11.3 Pertukaran ini dibenarkan dua (2) kali sahaja sepanjang tempoh pengajian.

## 12. PENAMBAHAN DAN PENGGUGURAN KURSUS

- 12.1 Pelajar dibenarkan menambah kursus setelah mendapat nasihat dan sokongan daripada penasihat akademik dalam masa dua (2) minggu daripada tarikh semester bermula.
- 12.2 Pelajar dibenarkan menggugurkan kursus yang telah didaftarkan dalam masa tujuh (7) minggu daripada tarikh semester bermula.
- 12.3 Penambahan atau pengguguran kursus hendaklah memenuhi keperluan jumlah kredit minimum dan maksimum yang perlu diambil dalam sesuatu semester.
- 12.4 Kelewatan membuat penambahan kursus selepas minggu kedua atau pengguguran kursus selepas minggu ketujuh semester berkenaan akan dikenakan denda.

## 13. PEMBENTANGAN CADANGAN PENYELIDIKAN

- 13.1 Pelajar diwajibkan menghadiri sekurang-kurangnya **satu (1) kali** pembentangan penyelidikan sebelum pelajar menjalani sesi pembentangan cadangan penyelidikan. Surat tamat pengajian dan transkrip tidak akan diserahkan sekiranya pelajar tidak memenuhi keperluan ini. [Mesyuarat Senat Kali Ke-159 Bil.10/2017]
- 13.2 Setiap pelajar hendaklah menyedia dan membentangkan cadangan penyelidikan di peringkat Fakulti setelah mendapat perakuan daripada penyelia.
- 13.3 Cadangan penyelidikan perlu disemak dan diluluskan oleh Jawatankuasa Pemeriksa Cadangan Penyelidikan Fakulti.
- 13.4 Tempoh maksimum yang diberikan kepada Pelajar Ijazah Sarjana Mod Penyelidikan dan Kerja Kursus untuk membuat pembentangan cadangan penyelidikan ialah seperti berikut:

Status pengajian pelajar Ijazah Sarjana	Pelajar perlu membuat pembentangan cadangan penyelidikan <u>sebelum</u>
Sepenuh Masa	*Semester kedua selepas mendaftar Disertasi
Separuh Masa	*Semester ketiga selepas mendaftar Disertasi

\* Nota: Sebelum semester berakhir

- 13.5 Status KURANG MEMUASKAN (KM) akan diberi kepada pelajar sekiranya masih belum membuat pembentangan cadangan penyelidikan selepas semester kedua selepas mendaftar Disertasi (bagi pelajar sepenuh masa) atau ketiga selepas mendaftar Disertasi (bagi pelajar separuh masa), walaupun pelajar telah menghantar laporan kemajuan penyelidikan (LKPS) dan penyelia memberi status memuaskan. Berikut merupakan tahap penilaian pelajar yang ditetapkan:

Status pengajian pelajar Ijazah Sarjana	Status yang akan diterima	
Selepas semester kedua mendaftar Disertasi (sepenuh masa)	Kali Pertama	KM (Kurang memuaskan)
Selepas semester ketiga mendaftar Disertasi (separuh masa)		
Selepas semester ketiga mendaftar Disertasi (sepenuh masa)	Kali Kedua	TM (Tidak memuaskan)
Selepas semester keempat mendaftar Disertasi (separuh masa)		
Selepas semester keempat mendaftar Disertasi (sepenuh masa)	Kali Ke- 3	TM dan diberhentikan (status TM dua kali berturut-turut)
Selepas semester kelima mendaftar Disertasi (separuh masa)		

[Mesyuarat Senat Kali Ke-136 Bil.11/2015]

- 13.6 Pelajar yang telah membuat pembentangan cadangan penyelidikan tetapi perlu membuat pindaan terhadap cadangan penyelidikan tersebut dan melakukan pembentangan kali kedua adalah tertakluk kepada tempoh masa seperti berikut:

Status pengajian pelajar Sarjana	Maksimum tempoh pembetulan dan pembentangan semula	Status yang akan diterima sekiranya gagal mengikut tempoh yang ditetapkan
Sepenuh masa	Sebelum minggu keempat belas semester berikutnya	KM (Kurang memuaskan) - kali pertama
		TM (Tidak memuaskan) - kali kedua
Separuh masa	Sebelum minggu keempat belas dua semester berikutnya	KM (Kurang memuaskan) - kali pertama
		TM (Tidak memuaskan) - kali kedua

[Mesyuarat Senat Kali Ke-136 Bil.11/2015]

## 14. PEMBENTANGAN DAPATAN KAJIAN

- 14.1 Pelajar adalah digalakkan untuk membuat sekurang-kurangnya **satu (1)** pembentangan dapatan kajian di peringkat Fakulti sebelum menghantar notis dan disertasi awal kepada pihak IPS.
- 14.2 Maklum balas yang diterima daripada hadirin sewaktu sesi pembentangan perlu diambil kira semasa membuat penambahbaikan dalam penyediaan disertasi.

Nota: kaedah pelaksanaan pembentangan dapatan kajian boleh ditentukan sendiri oleh pihak fakulti. Walau bagaimanapun pihak fakulti perlu memastikan panel penilai bagi pembentangan dapatan kajian adalah sama seperti dilantik semasa pembentangan proposal.  
[Mesyuarat Senat Kali Ke-159 Bil.10/2017]

## 15. TEMPOH PENGAJIAN

- 15.1 Tempoh pengajian bagi pelajar sepenuh masa adalah minimum tiga (3) semester ( $1\frac{1}{2}$  tahun) dan maksimum enam (6) semester (3 tahun).
- 15.2 Tempoh pengajian bagi pelajar separuh masa adalah minimum empat (4) semester (2 tahun) dan maksimum sepuluh (10) semester (5 tahun).
- 15.3 Pertukaran status pengajian dibenarkan **dua (2) kali** sahaja sepanjang tempoh pengajian. Pihak Universiti berhak ke atas penawaran status pengajian yang ditawarkan pada setiap semester. [Mesyuarat Senat Kali Ke-121 Bil.8/2014]
- 15.4 Permohonan pertukaran status pengajian perlu dilakukan selewat-lewatnya sebelum semester akhir pelajar bermula.
- 15.5 Pelajar boleh membuat permohonan pelanjutan tempoh pengajian selewat-lewatnya tiga (3) bulan sebelum semester terakhir berakhir. Permohonan pelanjutan yang dibenarkan adalah sebanyak empat (4) semester dengan maksimum dua (2) semester untuk setiap permohonan, tertakluk kepada peratusan status disertasi.  
[Mesyuarat Senat Kali Ke-205 Bil.9/2021]
- 15.6 Pelajar yang diluluskan pelanjutan tidak dibenarkan menangguh pengajian pada semester tersebut kecuali atas sebab-sebab kesihatan yang disahkan oleh pegawai perubatan. [Mesyuarat Senat Kali Ke-205 Bil.9/2021]

## **16. SYARAT BERMASTAUTIN**

- 16.1 Pelajar perlu memenuhi syarat bermastautin yang ditetapkan seperti berikut:

STATUS PENGAJIAN	*SYARAT BERMASTAUTIN
Sepenuh Masa	Pelajar perlu berada di kampus/lapangan secara fizikal tertakluk pada budi bicara Dekan/Timbalan Dekan (kecuali bagi pelajar antarabangsa yang mendaftar secara program khas).
Separuh Masa	Pelajar perlu berada di kampus/lapangan secara fizikal tertakluk pada budi bicara Dekan/Timbalan Dekan.

\*Tertakluk kepada keperluan program dan Fakulti

[Mesyuarat Senat Kali Ke-162 Bil.1/2018]

## **17. KEHADIRAN KULIAH**

- 17.1 Pelajar dikehendaki hadir semua pertemuan yang ditentukan bagi sesuatu kursus berbentuk kuliah/tutorial/amali, termasuk Hadir Wajib (HW) yang ditentukan oleh Fakulti.
- 17.2 Pelajar yang tidak memenuhi peraturan di atas bagi mana-mana kursus tanpa sebab-sebab yang boleh diterima oleh Senat, tidak dibenarkan menduduki peperiksaan untuk kursus berkenaan.
- 17.3 Pelajar yang tidak memenuhi 80% kehadiran kuliah/tutorial/amali akan dihalang menduduki peperiksaan.
- 17.4 Pelajar diwajibkan berjumpa penyelia mengikut kekerapan yang ditentukan oleh Fakulti dan merekodkan pertemuan tersebut.
- 17.5 Di akhir setiap semester, pelajar perlu menghantar Laporan Kemajuan Penyelidikan Siswazah ke Fakulti untuk dimajukan ke Institut Pengajian Siswazah.
- 17.6 Kegagalan pelajar memenuhi keperluan di atas akan diberikan status Tidak Memuaskan (TM). Status TM dua (2) semester berturut-turut akan diberikan status Gagal dan Diberhentikan.

## **18. PEMINDAHAN KREDIT**

- 18.1 Pelajar boleh memohon untuk mendapatkan pemindahan kredit bagi kursus-kursus daripada mana-mana institusi yang diperakui oleh Senat.
- 18.2 Kelulusan untuk pemindahan kredit akan diputuskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah Fakulti.
- 18.3 Jumlah pemindahan kredit maksimum adalah dua belas (12) kredit kecuali kursus Kaedah Penyelidikan.
- 18.4 Kursus yang ingin dipindahkan kredit mesti mempunyai gred minimum "B" dan tempoh kursus yang diambil tidak melebihi lima (5) tahun daripada tarikh permohonan dibuat.
- 18.5 Kursus yang dipohon perlu setara sekurang-kurangnya 75% daripada segi kandungan kursus dengan kursus yang perlu diambil di UPSI.
- 18.6 Fakulti menentukan kelulusan jenis kursus yang boleh dibenarkan untuk perpindahan kredit.
- 18.7 Bagi pelajar yang menukar program, gred bagi kursus yang tidak berkaitan akan digugurkan.

- 18.8 Bagi pelajar yang menarik diri daripada pengajian, mereka boleh mendaftar semula sebagai pelajar baru tetapi tidak boleh membuat pemindahan kredit. Pindah kredit hanya dibenarkan kepada pelajar yang telah mempunyai Ijazah Sarjana & ingin mendaftar Program Sarjana yang lain pula.

## 19. DISERTASI

- 19.1 Disertasi hendaklah antara 20,000 sehingga 40,000 patah perkataan (tertakluk kepada perakuan JPS Fakulti, penyelia dan pakar bidang). [Mesyuarat Senat Kali Ke-171 Bil.10/2018].
- 19.2 Disertasi hendaklah disediakan menurut format dan gaya penulisan yang ditentukan oleh Universiti.
- 19.3 Disertasi boleh ditulis dalam bahasa Melayu atau dalam bahasa Inggeris. Abstrak hendaklah ditulis dalam kedua-dua bahasa tersebut.
- 19.4 Disertasi juga boleh ditulis dalam bahasa selain daripada bahasa Melayu dan bahasa Inggeris tertakluk kepada kelulusan Senat/ JPS berdasarkan justifikasi yang kukuh. Pelajar juga diwajibkan menghantar judul dan abstrak yang telah diterjemahkan dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris ke IPS sebagai syarat bergraduat. [Mesyuarat Senat Kali Ke-154 Bil.5/2017]
- (Rujuk Garis Panduan Penulisan Tesis/ Disertasi Dalam Bahasa selain Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris) [Mesyuarat Senat Kali Ke-203 Bil. 7/2021]
- 19.5 Sesuatu disertasi yang telah diterima untuk penganugerahan ijazah dari universiti lain tidak boleh diterima untuk panganugerahan ijazah Universiti ini. Seseorang pelajar yang bercadang menyerahkan disertasinya untuk diperiksa hendaklah:
- 19.5.1 menghantar notis berserta bukti pembayaran yuran pemeriksaan disertasi kepada IPS dengan menggunakan borang khas sekurang-kurangnya tiga (3) bulan lebih awal daripada tarikh penyerahan disertasi untuk diperiksa dengan persetujuan penyelia (setelah disertasi disiapkan sebanyak 80%).
  - 19.5.2 menyerahkan enam (6) naskhah disertasi yang berkulit lembut berjilid untuk pemeriksaan berserta laporan *turnitin*.
  - 19.5.3 pelajar perlu menghantar disertasi awal kepada pihak IPS bagi tempoh seperti berikut;

PERKARA	PENGHANTARAN DISERTASI AWAL
Sepenuh Masa	Semester keempat
Separuh Masa	Semester kelapan

[Mesyuarat Senat Kali Ke-159 Bil.10/2017]

- 19.5.4 kegagalan pelajar menghantar disertasi awal kepada pihak IPS bagi tempoh yang ditetapkan akan menyebabkan pelajar mendapat status Kurang Memuaskan (KM) pada semester berkenaan walaupun telah menghantar LKPS dan penyelia memberi status Sedang Maju (SM). [Mesyuarat Senat Kali Ke-159 Bil.10/2017]
- 19.5.5 Namum pelajar juga boleh menghantar disertasi awal kepada pihak IPS lebih awal daripada tempoh masa yang ditetapkan. [Mesyuarat Senat Kali Ke-159 Bil.10/2017]
- 19.6 Menyerahkan tiga (3) naskhah Disertasi Mutakhir yang telah diperiksa dan formatnya diluluskan oleh Institut Pengajian Siswazah, berjilid dan dua (2) keping salinan cakera padat (CD) dalam format PDF, sebelum bergraduat.

19.7 Pelajar digalakkan menerbitkan hasil penyelidikannya dengan syarat dipersetujui oleh penyelia.

19.8 Hasil kajian dan disertasi adalah hak milik Universiti.

## 20. INTERNSHIP

20.1 Pelajar diberikan tempoh selama dua (2) semester untuk melengkapkan kursus Internship selepas pendaftaran dilakukan.

20.2 Bagi pelajar yang tidak dapat memenuhi keperluan yang ditetapkan dalam satu semester, mereka boleh mendaftar semula kursus Internship kali kedua pada semester berikutnya.

20.3 Pelajar akan mendapat status SM (Sedang Maju) pada semester tersebut dengan syarat bukti kemajuan diserahkan kepada penyelia/pensyarah. Status TM (Tidak Memuaskan) boleh diberi kepada pelajar sekiranya tiada bukti dikemukakan.

20.4 Sekiranya kursus ini tidak dapat diselesaikan setelah semester kedua berakhir, pelajar dianggap gagal dan perlu mengulang semula kursus ini.

20.5 Hanya **satu (1) pengulangan** dibenarkan dan gred baharu akan menggantikan gred lama.  
[Mesyuarat senat -139 Bil.2/2016]

## 21. PENYELIAAN DISERTASI

21.1 Senat hendaklah melantik ahli akademik dari mana-mana Fakulti sebagai Penyelia dan/atau Penyelia Bersama dan/atau Penyelia Bersekutu daripada mana-mana IPTA atau institusi lain yang berwibawa untuk menyelia penyelidikan dan penyediaan disertasi.

21.2 Pelantikan Penyelia/Penyelia Bersama/Bersekutu hendaklah diperaku oleh Fakulti dan diluluskan Jawatankuasa Pengajian Siswazah.

21.3 Pertukaran penyelia dibenarkan dengan sokongan daripada Fakulti dan persetujuan penyelia asal dan penyelia baharu serta diluluskan Jawatankuasa Pengajian Siswazah.

21.4 Penyelia Bersama/Bersekutu boleh terdiri daripada ahli akademik universiti luar dan/atau pakar dari organisasi luar.

21.5 Pelajar hendaklah mengemukakan Laporan Kemajuan Penyelidikan Siswazah pada setiap semester sepanjang tempoh pengajiannya kepada pihak Fakulti dan dimajukan ke IPS menggunakan kaedah yang ditetapkan Institut Pengajian Siswazah.

## 22. PENILAIAN DAN PEPERIKSAAN

22.1 Seorang pelajar mesti menjelaskan segala yuran pengajian sebelum dibenarkan mengambil sebarang peperiksaan.

### 22.1.1 Peperiksaan Kursus

22.1.1.1 Peperiksaan bagi kursus terdiri daripada peperiksaan bertulis, projek, penilaian pembentangan seminar dan lain-lain yang dianggap sesuai dengan kursus.

22.1.1.2 Pelajar semester akhir yang gagal satu kursus dibenarkan menduduki Peperiksaan Khas dalam masa empat minggu selepas keputusan diumumkan.

22.1.1.3 Peperiksaan Gantian boleh diberi kepada pelajar yang tidak dapat mengambil peperiksaan yang telah ditetapkan atas sebab-sebab kecemasan dalam masa dua minggu selepas minggu peperiksaan berakhir dengan kelulusan Dekan IPS melalui Dekan Fakulti.

## 22.2 Peperiksaan Disertasi

- 22.2.1 Disertasi akan diperiksa oleh dua (2) orang Pemeriksa Dalam yang dilantik oleh Senat berdasarkan pencalonan dari Fakulti.
- 22.2.2 Penyelia boleh hadir sebagai pemerhati serta memberi pandangan (jika perlu) kepada Jawatankuasa Viva.
- 22.2.3 Urusan pengendalian Viva hendaklah dibuat oleh Fakulti.
- 22.2.4 Laporan penilaian disertasi oleh Pemeriksa Dalam hendaklah berpandu kepada Borang Penilaian Disertasi.
- 22.2.5 Laporan Pemeriksa Dalam hendaklah dihantar ke Institut Pengajian Siswazah sebelum Viva diadakan.
- 22.2.6 Ahli Jawatankuasa Viva terdiri daripada:
- Pengurus: Dekan Fakulti atau wakilnya
  - Ahli: Dua (2) orang Pemeriksa Dalam
  - Setiausaha: Pegawai Fakulti  
(Nota: Minit pembetulan dicatat oleh penyelia dan disahkan oleh pengurus)  
[Mesyuarat Senat Kali Ke-136 Bil.11/2015]
- 22.2.7 Perakuan penilaian disertasi oleh Jawatankuasa Viva hendaklah dibentangkan untuk kelulusan Senat bagi:
- menganugerahkan Ijazah Sarjana kepada pelajar tanpa pindaan kepada disertasi; atau
  - menganugerahkan Ijazah Sarjana kepada pelajar tertakluk kepada pembetulan kecil seperti kesilapan taip, ejaan, tanda baca, memperjelaskan fakta, hujah dan kesimpulan seperti yang disyorkan oleh Jawatankuasa Viva. Calon diberi masa tidak melebihi satu (1) bulan untuk memperbaikinya. Pembetulan disertasi hanya perlu disahkan oleh Penyelia sahaja; atau [Mesyuarat Senat Kali Ke-158 Bil.09/2017]
  - menganugerahkan Ijazah Sarjana kepada pelajar tertakluk kepada pembetulan sederhana besar seperti memperjelaskan fakta, hujah dan kesimpulan serta menulis semula sebahagian daripada disertasi seperti yang disyorkan oleh Jawatankuasa Viva. Calon diberi masa tidak melebihi tiga (3) bulan untuk memperbaikinya. Pembetulan disertasi hanya perlu disahkan oleh Penyelia dan Pemeriksa Dalam jika diputuskan dalam Mesyuarat Viva.; atau [Mesyuarat Senat Kali Ke-158 Bil.09/2017]
  - menganugerahkan Ijazah Sarjana kepada pelajar tertakluk kepada pembetulan besar seperti menganalisis semula data, membuat semula kesimpulan dan menulis semula sebahagian disertasi. Disertasi yang diperbaiki ini perlu diperiksa semula dan diperakurkan oleh Jawatankuasa Viva. Calon diberi masa tidak melebihi enam (6) bulan untuk membuat pindaan; atau [Mesyuarat Senat Kali Ke-158 Bil.09/2017]
  - Gagal dan tidak dianugerahkan Ijazah Sarjana.

### 22.2.8 Gred Disertasi

Gred berikut boleh diberi untuk pencapaian sesuatu disertasi :

- a) Lulus, atau
- b) Gagal

## 23. PENGANUGERAHAN IJAZAH

23.1 Nama ijazah yang dianugerahkan oleh Senat Universiti ialah Ijazah Sarjana (mengikut bidang yang berkaitan).

23.2 Penganugerahan ijazah ini adalah tertakluk kepada:

23.2.1 Memenuhi kesemua syarat-syarat bergraduat bagi program pengajian yang ditetapkan;

23.2.2 Lulus kesemua kursus yang ditetapkan;

23.2.3 Mencapai sekurang-kurangnya PNGK 3.00;

23.2.4 Lulus disertasi

23.3 Keputusan peperiksaan seseorang pelajar hendaklah mendapat pengesahan Senat Universiti.

## 24. SISTEM PENGGREDAN

24.1 Pelajar akan diberi gred dan nilai bagi setiap kursus seperti Jadual 1 berikut:

Jadual 1 : Sistem Gred

MARKAH	GRED	NILAI
80-100	A	4.00
75- 79	A-	3.75
70-74	B+	3.45
65-69	B	3.00
60-64	C+	2.75
59 dan ke bawah	F	0.00

24.2 Status yang berikut juga diberikan:

- TL : Tidak Lengkap
- SM : Sedang Maju
- TM : Tidak Memuaskan
- AU : Audit
- X : Dihalang/ Lewat hadir peperiksaan
- KA : Kecurangan Akademik
- G : Gugur
- KM : Kurang Memuaskan
- XAU : Tidak Memenuhi Syarat Audit

### NOTA:

- a) Gred F diberi jika pelajar siswazah tidak mengambil peperiksaan (bagi kursus yang mempunyai peperiksaan akhir) atau tidak memenuhi pemberatan kursus yang telah ditetapkan atas sebab yang tidak dapat diterima oleh Senat Universiti.
- b) Status X diberi jika pelajar dihalang daripada mengambil peperiksaan atas sebab kehadiran dalam kuliah atau tutorial kurang daripada 80%.
- c) Status X diberi jika pelajar siswazah lewat 30 minit dihalang memasuki dewan peperiksaan tanpa sebab yang munasabah.

- d) Status TL boleh diberi jika pelajar siswazah tidak melengkapkan mana-mana keperluan tugas bagi sesuatu kursus kecuali peperiksaan atau ujian dan perlu dilengkapkan sebelum minggu kedua semester berikutnya, tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
  - Permohonan untuk mendapatkan status TL hendaklah dikemukakan kepada Dekan Institut Pengajian Siswazah setelah mendapat persetujuan pensyarah berkenaan dan dibuat sebelum berakhirnya minggu ke-12 semester berkenaan; dan
  - Status TL hendaklah ditebus dalam tempoh yang ditetapkan oleh Dekan Institut Pengajian Siswazah.
- e) Status SM/TM akan diberi jika pelajar mendaftar kursus secara berpanjangan atau dalam proses menyediakan kertas disertasi secara memuaskan (SM) atau tidak memuaskan (TM).
- f) Status AU akan diberi kepada pelajar yang mendaftar kursus secara audit.
- g) Pelajar yang mendapat Status X boleh menduduki Peperiksaan Gantian dengan kelulusan Dekan Institut Pengajian Siswazah.
- h) Pelajar semester akhir pengajian yang memerlukan pengijazahan dibenarkan menduduki Peperiksaan Khas dengan kelulusan Dekan Institut Pengajian Siswazah.
- i) Pelajar yang mendapat Status X dan tidak mendapat kebenaran menduduki semula Peperiksaan Gantian akan dikira sebagai Gagal.
- j) Bagi pelajar yang menukar program, status G akan diberikan kepada kursus yang tidak setara dengan kursus baharu.
- k) Pelajar lulus lemah (gred C+) boleh mengulang kursus berkenaan untuk memperbaiki PNGKnya dan gred terbaik akan menggantikan gred lama. Gred lama akan direkodkan dan nilainya tidak diambil kira dalam pengiraan PNGK.
- l) Sistem pengiraan PNGS dan PNGK:

PNGS: 
$$\frac{\text{Jumlah Nilai Gred Satu Semester}}{\text{Jumlah Nilai Kredit Yang Diambil Pada Semester Berkenaan}}$$

PNGK: 
$$\frac{\text{Jumlah Nilai Gred Keseluruhan Semester}}{\text{Jumlah Nilai Kredit Yang Diambil Pada Semua Semester}}$$

## 25. SYARAT-SYARAT UNTUK MENERUSKAN PENGAJIAN

### 25.1 Taraf Lulus

- Pelajar yang mendapat PNGK 3.00 atau lebih dalam semester berkenaan adalah dianggap Lulus dan layak meneruskan pengajian ke semester berikutnya.
- Menunjukkan kemajuan memuaskan dalam penyediaan disertasi dan mendapat status Sedang Maju (SM) pada setiap semester.

### 25.2 Meneruskan pengajian ke peringkat Disertasi

- Pelajar perlu menyempurnakan 24 jam Kredit Lulus dan mengumpul PNGK tidak kurang daripada 3.00

### 25.3 Taraf Lulus Bersyarat

- Pelajar yang mendapat PNGK kurang daripada 3.00 dan sekurang-kurangnya 2.00 pada akhir semester berkenaan adalah Lulus Bersyarat.

### 25.4 Taraf Gagal

- Pelajar yang mendapat PNGK kurang daripada 2.00 dalam sesuatu semester adalah Gagal dan Diberhentikan;
- Pelajar yang mendapat PNGK kurang daripada 3.00 atau Lulus Bersyarat (LB) dalam dua (2) semester berturut-turut adalah Gagal dan Diberhentikan.

### 25.5 Mengulang Kursus

- Pelajar yang mendapat gred C+ dalam mana-mana kursus boleh mengulang kursus berkenaan untuk memperbaiki PNGK dan gred terbaik akan menggantikan gred lama.
- Pelajar yang gagal mana-mana kursus (gred F) hendaklah mengulang kursus tersebut pada semester berikutnya. Hanya dua kali pengulangan dibenarkan dan gred terbaik (C+ ke atas) akan menggantikan gred lama.  
[Mesyuarat Senat Kali Ke-144 Bil.7/2016]
- Pengulangan kursus seperti di atas tidak terguna pakai bagi Kertas Projek dan Internship. [Mesyuarat Senat Kali Ke-144 Bil.7/2016]

## 26. PEMBERHENTIAN PENGAJIAN

- 26.1 Senat berhak memberhentikan seseorang pelajar yang didapati memberi maklumat palsu bersabit dengan kemasukannya ke Universiti.
- 26.2 Pelajar boleh diberhentikan bila-bila masa dari Universiti atas mana-mana sebab berikut:
  - Pelajar yang mendapat PNGK kurang daripada 2.00 dalam mana-mana semester adalah Gagal dan akan diberhentikan dari Universiti.
  - Pelajar bertaraf Lulus Bersyarat (LB) mengikut keputusan peperiksaan semester yang baru lalu, yang masih tidak mencapai taraf Lulus dalam semester berikutnya adalah Gagal dan akan diberhentikan dari Universiti.
  - Pelajar yang tidak memperlihatkan peningkatan kemajuan dalam penyediaan Disertasi setelah diberi dua (2) amaran bertulis oleh Dekan Fakulti.
  - Pelajar yang tidak memperlihatkan peningkatan kemajuan dalam penyediaan Disertasi dan mendapat status TM selama dua (2) semester berturut-turut.
  - Melebihi tempoh masa untuk sesuatu program pengajian.
  - Didapati melanggar Peraturan Universiti.
- 26.3 Pelajar yang menerima status **Gagal dan Diberhentikan** dan **Diberhentikan** boleh membuat rayuan ke Universiti melalui Fakulti secara bertulis dan bertakluk kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pengajian Siswazah.
- 26.4 Rayuan perlu dibuat dalam tempoh tiga (3) minggu daripada tarikh surat pemberitahuan pemberhentian atau selepas kelulusan Mesyuarat Senat. Sebarang rayuan yang diterima selepas tempoh yang disebut tidak akan dipertimbangkan.

26.5 Rayuan hendaklah disertakan dengan bayaran yang ditetapkan dan bayaran ini tidak boleh dituntut balik.

## 27. GUGUR STATUS SEBAGAI PELAJAR [Mesyuarat Senat Kali Ke-118 Bil.5/2014]

27.1 Status seseorang pelajar universiti akan gugur sekiranya gagal untuk menjelaskan yuran pengajian atau bayaran lain dalam masa yang ditetapkan, tidak mendaftar semester, mendaftar kursus atau membuat penangguhan pengajian secara bertulis kepada pihak Institut Pengajian Siswazah selepas berakhir minggu **ketujuh** (7) semester.

27.2 Pelajar yang gugur statusnya boleh merayu kepada pihak Institut Pengajian Siswazah untuk meneruskan pengajian pada semester berikutnya dan semester gugur statusnya diambil kira sebagai tempoh pengajian.

27.3 Pelajar yang diluluskan untuk meneruskan pengajian diminta untuk membayar kos pentadbiran (*administrative fee*) kepada pihak Universiti.

## 28. PERATURAN KEWANGAN UNIVERSITI

28.1 Yuran hendaklah dijelaskan sepenuhnya sebelum semester bermula.

28.2 Pelajar boleh menuntut bayaran balik yuran jika pelajar menarik diri daripada pengajian untuk sesuatu semester dengan mengemukakan surat kelulusan dari Institut Pengajian Siswazah.

28.3 Kadar bayaran balik yuran adalah seperti berikut:

TEMPOH / PERKARA	KADAR BAYARAN	CATATAN
Menolak tawaran atau tidak mendaftar	Keseluruhan yuran dibayar	Permohonan bayaran balik perlu dikemukakan bersama Memo / Surat Pengesahan oleh Bahagian Hal Ehwal Akademik atau Institut Pengajian Siswazah
Minggu orientasi	100% yuran-yuran kecuali pendaftaran, pemeriksaan kesihatan dan yuran pengurusan antarabangsa	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kelayakan bayaran hanya bagi semester pertama sahaja.</li><li>• Tempoh bayaran balik yuran adalah berdasarkan tarikh permohonan menarik diri.</li><li>• Permohonan bayaran balik perlu dikemukakan bersama Surat Kelulusan Menarik Diri oleh Bahagian Hal Ehwal Akademik atau Institut Pengajian Siswazah.</li></ul>
Tidak lebih 4 minggu (28 hari) dari tarikh permulaan semester	50% yuran-yuran kecuali pendaftaran, pemeriksaan kesihatan dan yuran pengurusan antarabangsa	
Selepas 4 minggu (28 hari) dari tarikh permulaan semester	Tiada bayaran balik	

\*Nota : Dikira daripada tarikh pendaftaran

28.4 Yuran berikut tidak dibayar balik kepada pelajar:

- Yuran Suai Kenal / Pendaftaran

28.5 Tuntutan lain dari Universiti seperti denda dan bayaran ganti rugi kerosakan Kolej Kediaman perlu dijelaskan oleh pelajar dalam tempoh pengajian.

28.6 Universiti berhak membuat tuntutan kesemua yuran tertunggak walaupun pelajar berkenaan telah berhenti dari Universiti. Segala perbelanjaan yang dikeluarkan oleh Universiti untuk urusan tersebut perlu ditanggung oleh pelajar.

- 28.7 Pelajar yang pernah mengikuti pengajian di Universiti Pendidikan Sultan Idris pada peringkat Diploma atau Ijazah Sarjana Muda, bayaran yuran bagi semester pertama akan dikecualikan yuran Alumni sebanyak RM100.00. Pelajar perlu memaklumkan kepada pihak Bendahari berkenaan maklumat pelajar dan disertakan salinan skrol pengajian sebelumnya.
- 28.8 Bagi pelajar yang menangguh semester sebelum minggu ke-7 takwim akademik, yuran dan bayaran lain akan dibawa ke semester berikutnya.
- 28.9 Surat pengesahan/kelulusan dari Institut Pengajian Siswazah hendaklah diperoleh terlebih dahulu dan dikemukakan kepada Bendahari semasa membuat tuntutan.

## 29. PERUNTUKAN AM

- 29.1 Senat berhak mengambil tindakan sewajarnya ke atas pelajar yang didapati bersalah mengemukakan maklumat palsu tentang kemasukan ke Universiti.
- 29.2 Senat, atas budi bicaranya, boleh memberarkan sebarang pengecualian yang dianggap munasabah atau meminda apa-apa peraturan yang sesuai untuk dikuatkuasakan demi kebaikan Universiti.
- 29.3 Segala keputusan Senat berhubung kes rayuan oleh pelajar akan diuruskan oleh Institut Pengajian Siswazah.
- 29.4 Pelajar bertanggungjawab untuk memahami dan mematuhi semua peraturan yang terkandung di dalam Buku Peraturan Akademik Program Pengajian Siswazah.

## PERATURAN UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS PROGRAM PENGAJIAN IJAZAH SARJANA SECARA KERJA KURSUS

Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh Perenggan 29, Perlembagaan Universiti Pendidikan Sultan Idris (Program Pengajian Siswazah), Senat Universiti Pendidikan Sultan Idris menentukan peraturan berikut:

### 1. NAMA, MULA BERKUAT KUASA DAN PEMAKAIAN

- 1.1 Peraturan ini dinamakan Peraturan Universiti Pendidikan Sultan Idris (Program Pengajian Sarjana Secara Kerja Kursus) 2011 (Pindaan 2021).
- 1.2 Peraturan ini hendaklah terpakai kepada semua pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris yang mengikuti Program Pengajian Siswazah.

### 2. TAKRIF

Dalam peraturan ini melainkan jika kandungan ayatnya mengehendaki makna yang lain:

**“Ahli Akademik”** bermakna tenaga pengajar Universiti yang bertugas sepenuh masa dan berjawatan tetap atau kontrak.

**“Fakulti”** bermakna mana-mana pusat pengajian yang menawarkan program akademik dan kursus-kursus.

**“Hadir Wajib”** bermakna mana-mana kursus atau aktiviti yang kedatangan dimestikan oleh fakulti/pensyarah, walaupun kursus atau aktiviti tersebut tidak terdapat dalam struktur pengajian/syarat bergraduat.

**“Ijazah”** bermakna anugerah yang diberikan oleh Universiti kepada seseorang pelajar yang telah memenuhi syarat-syarat bergraduat.

**“Institut Pengajian Siswazah”** bermakna pusat pengajian yang ditubuhkan oleh Universiti di bawah Seksyen 21(1) Perlembagaan Universiti untuk mengurus, mentadbir dan menyelaras pengendalian Program Pengajian Siswazah.

**“Jawatankuasa Pengajian Siswazah”** bermakna jawatankuasa yang ditubuhkan di Universiti untuk menyelia Program Pengajian Siswazah yang dipengerusikan oleh Naib Canselor.

**“Jawatankuasa Pengajian Siswazah Fakulti”** bermakna jawatankuasa yang ditubuhkan di Fakulti untuk menyelia Program Pengajian Siswazah yang dipengerusikan oleh Dekan Fakulti berkenaan.

**“Kecurangan Akademik”** bermakna tindakan kepada pelajar yang melanggar Perkara 8 Kaedah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tatatertib Pelajar) 1999.

**“Kerja Kursus”** bermakna kaedah pelaksanaan sesuatu kursus yang memerlukan pelajar siswazah membuat tugas, ujian dan sebarang bentuk penilaian yang lain.

**“Kredit Kira”** bermakna kredit yang diambil kira dalam pengiktirafan PNGS dan PNGK.

**“Kredit Lulus”** bermakna kredit yang diperoleh bagi kursus yang lulus.

**“Kursus”** bermakna satu unit pengajian yang membawa kepada suatu bilangan jam kredit yang biasa ditawarkan dan diselesaikan dalam sesuatu semester.

**“Kursus Audit”** bermakna kursus yang diambil atas keperluan pengajian tetapi kredit kursus tidak dikira dalam pengiraan PNGK. Pelajar yang mengaudit kursus, wajib menghadiri semua kuliah/tutorial/amali dan menyiapkan semua tugas (wajib lulus) tetapi tidak perlu

menduduki peperiksaan akhir (jika ada). Jika pelajar tidak memenuhi syarat kursus audit, nama pelajar akan digugurkan daripada senarai audit. [Mesyuarat Senat Kali Ke-144 Bil.7/2016]

“**Kursus Pengkhususan**” adalah kursus-kursus yang dikenal pasti dalam sesuatu bidang.

“**Kursus Elektif**” adalah kursus-kursus yang boleh dipilih daripada Kursus Kaedah Penyelidikan, Kursus Pendidikan dan Kursus Bidang Pengkhususan daripada mana-mana Fakulti.

“**Kursus Kaedah Penyelidikan**” ialah kursus-kursus Kaedah Penyelidikan yang ditetapkan oleh Universiti untuk pelajar mengambilnya.

“**Kursus Pendidikan**” adalah kursus-kursus berhubung dengan ilmu pendidikan yang ditawarkan oleh mana-mana Fakulti terutamanya Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia.

“**Peperiksaan Komprehensif**” bermakna ujian bertulis yang melibatkan komponen Kaedah Penyelidikan dan komponen Pengkhususan.

“**Mod Pengajian**” adalah jenis struktur pengajian Sarjana yang ditawarkan oleh Universiti yang meliputi Sarjana Penyelidikan, Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus dan Sarjana Kerja Kursus.

“**Negara Serumpun**” adalah negara yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa perantaraan. Sebagai contoh negara Indonesia, Singapura, Brunei dan Selatan Thailand.

“**Pelajar**” bermakna seseorang yang telah mendaftar untuk mengikuti Program Pengajian Siswazah di Universiti Pendidikan Sultan Idris.

“**Pemeriksa**” bermakna ahli akademik Universiti yang dilantik Fakulti dan diperakukan oleh Senat untuk menilai hasil kerja pelajar dan skrip peperiksaan.

“**Penasihat Akademik**” bermakna seorang ahli akademik yang dilantik oleh Fakulti untuk menasihati hal-hal akademik seseorang pelajar.

“**Pendaftaran Kursus**” bermakna pendaftaran pelajar melalui sistem atas talian pada setiap awal semester berpandukan takwim yang diluluskan Senat.

“**Pendaftaran Semester**” bermakna pendaftaran pelajar melalui sistem atas talian pada setiap semester pengajian bagi mengaktifkan diri sebagai pelajar universiti.

“**Penilaian**” bermakna sebarang bentuk pentaksiran untuk mengukur pencapaian akademik pelajar.

“**Penyelia**” bermakna ahli akademik yang dicadangkan oleh Fakulti untuk menyelia dan memeriksa Kertas Projek.

“**PNGK**” (Purata Nilai Gred Kumulatif) bermakna purata himpunan mata nilai gred yang diperoleh bagi semua semester yang telah diikuti.

“**PNGS**” (Purata Nilai Gred Semester) bermakna purata mata nilai gred yang diperoleh dalam sesuatu semester.

“**Peperiksaan**” bermakna sebarang bentuk penilaian untuk mengukur pencapaian akademik pelajar yang diselenggarakan oleh Universiti.

“**Program Pengajian**” bermakna kumpulan-kumpulan kursus, latihan dan penyelidikan atau gabungan kursus, latihan dan penyelidikan yang dirancang dan ditawarkan bagi memenuhi keperluan untuk penganugerahan Ijazah Sarjana yang diluluskan oleh Senat.

**“Senat”** bermakna badan tertinggi yang mempunyai kuasa muktamad ke atas segala hal akademik yang ditubuhkan menurut peruntukan seksyen 20(1) Perlembagaan Universiti Pendidikan Sultan Idris 1998.

**“Sistem Maklumat Pelajar”** bermakna sistem yang dibina dan dikawal selia oleh IPS bagi tujuan penyimpanan data dan rekod pelajar.

**“Slip Pendaftaran”** bermakna slip yang mengandungi maklumat kursus yang didaftar oleh pelajar.

**“Slip Peperiksaan”** bermakna slip yang mengandungi maklumat peperiksaan dan perlu dibawa bersama ke dewan/bilik peperiksaan.

**“Struktur Program”** bermakna susunan program yang ditawarkan oleh Institut Pengajian Siswazah berdasarkan mod pengajian.

**“Tempoh Pengajian”** bermakna tempoh masa yang ditetapkan kepada pelajar untuk melengkapkan struktur pengajian Sarjana.

**“Universiti”** bermakna Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

### 3. KELAYAKAN MASUK

- 3.1 Kelayakan Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf dan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.50-2.75. Jika PNGK tidak dicapai, calon boleh dipertimbangkan tertakluk penilaian dalam di fakulti. (Rujuk Garis Panduan Pengambilan Pelajar Pengajian Siswazah)
- 3.2 Kelayakan lain yang diiktiraf oleh Senat yang diperoleh melalui pentaulahan pembelajaran berdasarkan pengalaman terdahulu (APEL) tertakluk kepada bidang-bidang pengajian yang disenaraikan oleh MQA (untuk calon tempatan sahaja), atau [Mesyuarat Senat Ke-192 Bil.07/2020]
- 3.3 Kelayakan lain yang diiktiraf oleh Senat; dan
- 3.4 Memenuhi syarat khas program yang ditetapkan oleh Fakulti yang berkenaan jika berkaitan.
- 3.5 Calon pelajar antarabangsa disyaratkan lulus syarat keperluan Bahasa Inggeris seperti yang telah ditetapkan. (Rujuk Garis Panduan Pengambilan Pelajar Pengajian Siswazah)

### 4. PERMOHONAN

- 4.1 Permohonan hendaklah dibuat secara atas talian.
- 4.2 Permohonan hendaklah diisi dengan lengkap dan betul, dan mematuhi semua syarat atau keperluan seperti yang dinyatakan dalam borang berkenaan.

### 5. STRUKTUR PROGRAM

- 5.1 Pengajian melibatkan kursus dan penyediaan kertas projek atau menduduki peperiksaan komprehensif.
- 5.2 Peperiksaan Komprehensif - Pelajar perlu menambah dua (2) kursus bidang pengkhususan untuk mencukupkan jumlah kredit minimum untuk bergraduat sebagai syarat untuk mengambil Peperiksaan Komprehensif.

## **6. PENDAFTARAN**

- 6.1 Pelajar hendaklah mendaftar semester dengan membayar yuran pada tarikh yang ditetapkan untuk setiap semester mengikut struktur program pengajian yang ditawarkan Universiti.
- 6.2 Pendaftaran semester hendaklah dibuat pada tarikh yang ditetapkan pada awal semester untuk membolehkan pelajar mengikuti kursus seperti yang telah didaftarkan dalam semester berkenaan.
- 6.3 Kelewatan pendaftaran semester pada tarikh yang ditetapkan akan dikenakan denda.

## **7. PENANGGUHAN KEMASUKAN**

- 7.1 Calon boleh membuat penangguhan kemasukan untuk tempoh satu (1) semester sahaja.
- 7.2 Permohonan penangguhan kemasukan hendaklah dibuat secara bertulis kepada Dekan Institut Pengajian Siswazah dalam tempoh dua (2) minggu selepas hari kemasukan.
- 7.3 Sekiranya calon gagal untuk membuat permohonan penangguhan dalam tempoh yang ditetapkan, tawaran akan terbatal.

## **8. PENDAFTARAN KURSUS**

- 8.1 Calon hendaklah membuat pendaftaran kursus seperti yang ditawarkan mengikut syarat dan takwim yang ditetapkan oleh Senat.
- 8.2 Pendaftaran jam kredit minimum bagi pelajar sepenuh masa ialah 12 jam kredit dan maksimum 16 jam kredit. Pelajar dibenarkan untuk mendaftar melebihi 16 jam kredit dengan kelulusan Dekan Fakulti.
- 8.3 Pendaftaran jam kredit maksimum bagi pelajar separuh masa ialah 12 jam kredit. Pelajar dibenarkan untuk mendaftar melebihi 12 jam kredit dengan kelulusan Dekan Fakulti.
- 8.4 Kelewatan pendaftaran selepas minggu kedua kuliah akan dikenakan denda.

## **9. PENANGGUHAN PENGAJIAN**

- 9.1 Pelajar boleh membuat permohonan untuk menangguhkan pengajian dari Institut Pengajian Siswazah dengan sokongan Fakulti.
- 9.2 Kelulusan penangguhan pengajian tertakluk kepada persetujuan Dekan Institut Pengajian Siswazah.
- 9.3 Tempoh penangguhan pengajian adalah tidak boleh dua (2) semester berturut-turut kecuali atas sebab kesihatan.
- 9.4 Pelajar yang memohon penangguhan pengajian atas sebab kesihatan hendaklah terlebih dahulu mendapatkan perakuan daripada Doktor Kerajaan atau Pegawai Perubatan Universiti atau Doktor Panel Universiti.
- 9.5 Penangguhan atas sebab kesihatan dibenarkan tiga (3) kali sepanjang pengajian.  
[Mesyuarat Senat Kali Ke-205 Bil.9/2021]
- 9.6 Permohonan penangguhan pengajian atas sebab lain daripada sebab kesihatan boleh juga dipertimbang dan diperakuan oleh Dekan Institut Pengajian Siswazah. Permohonan hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya pada minggu ke - 7 takwim akademik semester berkenaan.
- 9.7 Tempoh pengajian dalam masa penangguhan atas sebab kesihatan tidak diambil kira dalam pengiraan tempoh pengajian maksimum program pengajian.

- 9.8 Semasa dalam penangguhan pengajian, pelajar hilang taraf sebagai pelajar Universiti sehingga mendaftar semula pengajiannya.
- 9.9 Pelajar yang menyambung pengajian selepas genap tempoh penangguhan yang diluluskan dikehendaki mendaftar semula.
- 9.10 Pelajar yang berada dalam semester akhir/ maksimum pengajian tidak layak untuk menangguhkan pengajian. [Mesyuarat Senat Kali Ke-205 Bil.9/2021]

## 10. PERTUKARAN MOD

- 10.1 Pelajar boleh menukar mod pengajiannya dengan sokongan daripada Dekan Fakulti dan kelulusan Dekan Institut Pengajian Siswazah.
- 10.2 Permohonan hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya **sebelum semester tiga (3) pengajian** dan permohonan yang dibuat selepas tempoh berkenaan tidak akan dipertimbangkan. [Mesyuarat Senat Kali Ke-121 Bil.8/2014]
- 10.3 Pelajar juga perlu menghantar permohonan **sebelum minggu ketujuh (7)** semester pengajian, permohonan selepas tempoh tersebut tidak akan diproses dan kelulusan pertukaran tersebut hanya akan berkuat kuasa pada semester berikutnya. [Mesyuarat Senat Kali Ke-121 Bil.8/2014]
- 10.4 Pihak Universiti berhak ke atas penawaran mod pengajian yang ditawarkan pada setiap semester.
- 10.5 Pertukaran ini dibenarkan dua (2) kali sahaja sepanjang tempoh pengajian.

## 11. PERTUKARAN BIDANG ATAU PROGRAM

- 11.1 Pelajar boleh memohon pertukaran bidang/program dengan perakuan Fakulti dan kelulusan pertukaran bidang/program bagi pelajar Ijazah Sarjana secara Mod Kerja Kursus hanya perlu diputuskan di peringkat IPS sahaja dengan syarat pihak Fakulti telah membuat perakuan kelulusan. [Mesyuarat Senat Kali Ke-136 Bil.11/2015]
- 11.2 Permohonan pertukaran bidang atau program hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya sebelum semester tiga (3) pengajian. Permohonan yang dibuat selepas tempoh berkenaan tidak akan dipertimbangkan.
- 11.3 Pihak Universiti berhak ke atas penawaran program yang ditawarkan pada setiap semester.
- 11.4 Pertukaran ini dibenarkan dua (2) kali sahaja sepanjang tempoh pengajian.

## 12. PENAMBAHAN DAN PENGGUGURAN KURSUS

- 12.1 Pelajar dibenarkan menambah kursus setelah mendapat nasihat dan sokongan daripada penasihat akademik dalam masa dua (2) minggu daripada tarikh semester bermula.
- 12.2 Pelajar dibenarkan menggugurkan kursus yang telah didaftarkan dalam masa tujuh (7) minggu daripada tarikh semester bermula.
- 12.3 Penambahan atau pengguguran kursus hendaklah memenuhi keperluan jumlah kredit minimum dan maksimum yang perlu diambil dalam sesuatu semester.
- 12.4 Kelewatan membuat penambahan kursus selepas minggu kedua atau pengguguran kursus selepas minggu ketujuh semester berkenaan akan dikenakan denda.

## 13. TEMPOH PENGAJIAN

- 13.1 Tempoh pengajian bagi pelajar sepenuh masa adalah minimum tiga (3) semester ( $1\frac{1}{2}$  tahun) dan maksimum enam (6) semester (3 tahun).

- 13.2 Tempoh pengajian bagi pelajar separuh masa adalah minimum empat (4) semester (2 tahun) dan maksimum sepuluh (10) semester (5 tahun).
- 13.3 Pertukaran status pengajian dibenarkan **dua (2) kali** sahaja sepanjang tempoh pengajian. Pihak Universiti berhak ke atas penawaran status pengajian yang ditawarkan pada setiap semester. [Mesyuarat Senat Kali Ke-121 Bil.8/2014]
- 13.4 Permohonan pertukaran status pengajian perlu dilakukan selewat-lewatnya sebelum semester akhir pelajar bermula.

#### **14. SYARAT BERMASTAUTIN**

- 14.1 Pelajar perlu memenuhi syarat bermastautin yang ditetapkan seperti berikut:

STATUS PENGAJIAN	*SYARAT BERMASTAUTIN
Sepenuh Masa	Pelajar perlu berada di kampus/lapangan secara fizikal tertakluk pada budi bicara Dekan/Timbalan Dekan (kecuali bagi pelajar antarabangsa yang mendaftar secara program khas).
Separuh Masa	Pelajar perlu berada di kampus/lapangan secara fizikal tertakluk pada budi bicara Dekan/Timbalan Dekan.

\*Tertakluk kepada keperluan program dan Fakulti [Mesyuarat Senat Kali Ke-162 Bil.1/2018]

#### **15. KEHADIRAN KULIAH**

- 15.1 Pelajar dikehendaki hadir semua pertemuan yang ditentukan bagi sesuatu kursus berbentuk kuliah/tutorial/amali, termasuk Hadir Wajib (HW) yang ditentukan oleh Fakulti.
- 15.2 Pelajar yang tidak memenuhi peraturan di atas bagi mana-mana kursus tanpa sebab-sebab yang boleh diterima oleh Senat, tidak dibenarkan menduduki peperiksaan untuk kursus berkenaan.
- 15.3 Pelajar yang tidak memenuhi 80% kehadiran kuliah/tutorial/amali akan dihalang menduduki peperiksaan.

#### **16. PEMINDAHAN KREDIT**

- 16.1 Pelajar boleh memohon untuk mendapatkan pemindahan kredit bagi kursus-kursus daripada mana-mana institusi yang diperakui oleh Senat.
- 16.2 Kelulusan untuk pemindahan kredit akan diputuskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah Fakulti.
- 16.3 Jumlah pemindahan kredit maksimum adalah dua belas (12) kredit kecuali kursus Kaedah Penyelidikan.
- 16.4 Kursus yang ingin dipindahkan kredit mesti mempunyai gred minimum "B" dan tempoh kursus yang diambil tidak melebihi 5 tahun daripada tarikh permohonan dibuat.
- 16.5 Kursus yang dipohon perlu setara sekurang-kurangnya 75% daripada segi kandungan kursus dengan kursus yang perlu diambil di UPSI.
- 16.6 Fakulti menentukan kelulusan jenis kursus yang boleh dibenarkan untuk perpindahan kredit.
- 16.7 Bagi pelajar yang menukar program, gred bagi kursus yang tidak berkaitan akan digugurkan.
- 16.8 Bagi pelajar yang menarik diri daripada pengajian, mereka boleh mendaftar semula sebagai pelajar baharu tetapi tidak boleh membuat pemindahan kredit. Pindah kredit hanya dibenarkan kepada pelajar yang telah mempunyai Ijazah Sarjana & ingin mendaftar Program Sarjana yang lain pula.

## **17. PEPERIKSAAN KOMPREHENSIF**

- 17.1 Pelajar bagi ambilan 2013 dan ke atas boleh memilih sama ada untuk menduduki Peperiksaan Komprehensif atau melaksanakan Kertas Projek.

## **18. KERTAS PROJEK**

- 18.1 Panjang Kertas Projek hendaklah antara 10,000 hingga 20,000 patah perkataan(tertakluk kepada perakuan JPS Fakulti, penyelia dan pakar bidang). [Mesyuarat Senat Kali Ke-171 Bil.10/2018].
- 18.2 Satu projek hendaklah disediakan oleh pelajar untuk memenuhi keperluan program.
- 18.3 Kertas projek hendaklah disiapkan dalam tempoh tiga (3) semester selepas mendaftar kertas projek tersebut. Sekiranya projek tersebut tidak dapat disiapkan setelah semester ketiga berakhir, pelajar dianggap gagal. [Mesyuarat Senat Kali Ke-165 Bil.4/2018]
- 18.4 Di akhir setiap semester selepas pendaftaran kertas projek, pelajar perlu menghantar Laporan Kemajuan Penyelidikan Siswazah (LKPS) ke Fakulti. [Mesyuarat Senat Kali Ke-165 Bil.4/2018]
- 18.5 Kegagalan pelajar memenuhi keperluan di atas akan menyebabkan pelajar diberikan status Tidak Memuaskan (TM). Penerimaan Status TM dua (2) semester berturut-turut akan menyebabkan pelajar diberikan status Gagal dan Diberhentikan. [Mesyuarat Senat Kali Ke-165 Bil.4/2018]
- 18.6 Pengulangan semula kertas projek adalah tidak dibenarkan. [Mesyuarat Senat Kali Ke-165 Bil.4/2018]
- 18.7 Fakulti akan melantik penyelia untuk menyelia projek pelajar.
- 18.8 Projek hendaklah disediakan menurut format dan gaya yang ditentukan oleh Universiti.
- 18.9 Sesuatu projek yang telah diterima untuk penganugerahan ijazah dari universiti lain tidak boleh diterima untuk penganugerahan ijazah Universiti ini.
- 18.10 Pelajar digalakkan menerbitkan hasil projeknya dengan persetujuan Penyelia atau Jawatankuasa Pengajian Siswazah Fakulti.
- 18.11 Kertas Projek boleh ditulis dalam bahasa Melayu atau dalam bahasa Inggeris. Abstrak hendaklah ditulis dalam kedua-dua bahasa tersebut.
- 18.12 Kertas projek boleh ditulis dalam bahasa selain daripada Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris bagi program berikut sahaja:

PROGRAM	BIDANG	BAHASA PENULISAN KERTAS PROJEK
Sarjana Pendidikan	Pendidikan Islam	Bahasa Arab

Namun kelulusan Mesyuarat JPS perlu diperoleh terlebih dahulu secara kes demi kes sebelum pelajar memulakan penyelidikan dan berdasarkan justifikasi yang kukuh. Pelajar juga diwajibkan menghantar judul dan abstrak yang telah diterjemahkan dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris ke IPS sebagai syarat bergraduat. [Mesyuarat Senat Kali Ke- 154 Bil.5/2017]

- 18.13 Kertas projek akan dinilai oleh penyelia (Penilai Pertama) dan Penilai Kedua yang dilantik oleh Fakulti. Markah akhir hendaklah dibincangkan oleh Penyelia dan Penilai Kedua untuk menentukan markah akhir.

18.14 Kertas Projek yang lengkap disiapkan hendaklah diserah oleh pelajar kepada penyelia. Pelajar hendaklah menyerahkan tiga (3) salinan kertas projek yang lengkap berserta dengan dua (2) keping cakera padat (CD) dalam format PDF selepas mendapat makluman daripada pihak Fakulti.

18.15 Panduan menyediakan Kertas Projek adalah seperti dilampirkan dalam **Lampiran A**.

## 19. INTERNSHIP

19.1 Pelajar diberikan tempoh selama dua (2) semester untuk melengkapkan kursus Internship selepas pendaftaran dilakukan.

19.2 Bagi pelajar yang tidak dapat memenuhi keperluan yang ditetapkan dalam satu semester, mereka boleh mendaftar semula kursus Internship kali kedua pada semester berikutnya.

19.3 Pelajar akan mendapat status SM (Sedang Maju) pada semester tersebut dengan syarat bukti kemajuan diserahkan kepada penyelia/pensyarah. Status TM (Tidak Memuaskan) boleh diberi kepada pelajar sekiranya tiada bukti dikemukakan.

19.4 Sekiranya kursus ini tidak dapat diselesaikan setelah semester kedua berakhir, pelajar dianggap gagal dan perlu mengulang semula kursus ini.

19.5 Hanya **satu (1) pengulangan** dibenarkan dan gred baharu akan menggantikan gred lama.  
[Mesyuarat Senat Kali Ke-139 Bil.2/2016]

## 20. PENYELIAAN PROJEK

20.1 Fakulti hendaklah melantik seorang penyelia selepas pelajar mendaftar Kertas Projek.

20.2 Pelajar boleh mendaftar Kertas Projek setelah menyempurnakan sekurang-kurangnya 24 jam kredit.

## 21. PENILAIAN DAN PEPERIKSAAN

21.1 Seorang pelajar mesti menjelaskan segala yuran pengajian sebelum dibenarkan mengambil sebarang peperiksaan.

21.2 Penilaian bagi kursus terdiri daripada pelbagai kaedah seperti peperiksaan bertulis, projek, pembentangan seminar dan lain-lain yang dianggap sesuai dengan kursus.

21.3 Pelajar semester akhir yang gagal satu kursus dibenarkan menduduki Peperiksaan Khas dalam masa empat (4) minggu selepas keputusan diumumkan.

21.4 Peperiksaan Gantian boleh diberi kepada pelajar yang tidak dapat mengambil peperiksaan yang telah ditetapkan atas sebab-sebab kecemasan dalam masa dua minggu selepas minggu Peperiksaan berakhir dengan kelulusan Dekan IPS melalui Dekan Fakulti.

## 22. PENGANUGERAHAN IJAZAH

22.1 Nama ijazah yang dianugerahkan oleh Senat Universiti ialah Ijazah Sarjana (mengikut bidang yang berkaitan).

22.2 Penganugerahan ijazah ini adalah tertakluk kepada:

22.2.1 Memenuhi kesemua syarat bergraduat bagi program pengajian yang ditetapkan.

22.2.2 Lulus kesemua kursus yang ditetapkan.

### 22.2.3 Mencapai sekurang-kurangnya PNGK 3.00

22.3 Keputusan peperiksaan seseorang pelajar hendaklah mendapat pengesahan Senat Universiti.

## 23. SISTEM PENGGREDAN

23.1 Pelajar akan diberi gred dan nilai bagi setiap kursus seperti Jadual 1 berikut:

Jadual 1 : Sistem Gred

MARKAH	GRED	NILAI
80-100	A	4.00
75- 79	A-	3.75
70-74	B+	3.45
65-69	B	3.00
60-64	C+	2.75
59 dan ke bawah	F	0.00

23.2 Status yang berikut juga diberikan:

- TL : Tidak Lengkap  
SM : Sedang Maju  
TM : Tidak Memuaskan  
AU : Audit  
X : Dihalang/ Lewat hadir peperiksaan  
KA : Kecurangan Akademik  
G : Gugur  
KM : Kurang Memuaskan  
XAU : Tidak Memenuhi Syarat Audit

### NOTA:

- a) Gred F diberi jika pelajar siswazah tidak mengambil peperiksaan (bagi kursus yang mempunyai peperiksaan akhir) atau tidak memenuhi pemberatan kursus yang telah ditetapkan atas sebab yang tidak dapat diterima oleh Senat Universiti.
- b) Status X diberi jika pelajar dihalang daripada mengambil peperiksaan atas sebab kehadiran dalam kuliah atau tutorial kurang daripada 80%.
- c) Status X diberi jika pelajar siswazah lewat 30 minit dihalang memasuki dewan peperiksaan tanpa sebab yang munasabah.
- d) Status TL boleh diberi jika pelajar siswazah tidak melengkapkan mana-mana keperluan tugas bagi sesuatu kursus kecuali peperiksaan atau ujian dan perlu dilengkapkan sebelum minggu kedua semester berikutnya, tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
  - Permohonan untuk mendapatkan status TL hendaklah dikemukakan kepada Dekan Institut Pengajian Siswazah setelah mendapat persetujuan pensyarah berkenaan dan dibuat sebelum berakhirnya minggu ke-12 semester berkenaan; dan
  - Status TL hendaklah ditebus dalam tempoh yang ditetapkan oleh Dekan Institut Pengajian Siswazah.
- e) Status SM/TM akan diberi jika pelajar mendaftar kursus secara berpanjangan atau dalam proses menyediakan kertas projek secara memuaskan (SM) atau tidak memuaskan (TM).
- f) Status AU akan diberi kepada pelajar yang mendaftar kursus secara audit.

- g) Pelajar yang mendapat Status X boleh menduduki Peperiksaan Gantian dengan kelulusan Dekan Institut Pengajian Siswazah
- h) Pelajar semester akhir pengajian yang memerlukan pengijazahan dibenarkan menduduki Peperiksaan Khas dengan kelulusan Dekan Institut Pengajian Siswazah.
- i) Pelajar yang mendapat Status X dan tidak mendapat kebenaran menduduki semula Peperiksaan Gantian akan dikira sebagai Gagal.
- j) Bagi pelajar yang menukar program, status G akan diberikan kepada kursus yang tidak setara dengan kursus baru.
- k) Pelajar lulus lemah (gred C+) boleh mengulang kursus berkenaan untuk memperbaiki PNGKnya dan gred terbaik akan menggantikan gred lama. Gred lama akan direkodkan dan nilainya tidak diambil kira dalam pengiraan PNGK.
- l) Sistem pengiraan PNGS dan PNGK:
 

PNGS:  $\frac{\text{Jumlah Nilai Gred Satu Semester}}{\text{Jumlah Nilai Kredit Yang Diambil Pada Semester Berkenaan}}$

PNGK:  $\frac{\text{Jumlah Nilai Gred Keseluruhan Semester}}{\text{Jumlah Nilai Kredit Yang Diambil Pada Semua Semester}}$

## 24. SYARAT-SYARAT UNTUK MENERUSKAN PENGAJIAN

### 24.1 Taraf Lulus

- Pelajar yang mendapat PNGK 3.00 atau lebih dalam semester berkenaan adalah dianggap Lulus dan layak meneruskan pengajian ke semester berikutnya.
- Menunjukkan kemajuan memuaskan dalam penyediaan kertas projek dan mendapat status Sedang Maju (SM)

### 24.2 Taraf Lulus Bersyarat

- Pelajar yang mendapat PNGK kurang daripada 3.00 dan sekurang-kurangnya 2.00 pada akhir semester berkenaan adalah Lulus Bersyarat.

### 24.3 Taraf Gagal

- Pelajar yang mendapat PNGK kurang daripada 2.00 dalam sesuatu semester adalah Gagal dan Diberhentikan;
- Pelajar yang mendapat PNGK kurang daripada 3.00 atau Lulus Bersyarat (LB) dalam dua (2) semester berturut-turut adalah Gagal dan Diberhentikan

### 24.4 Mengulang Kursus

- Pelajar yang mendapat gred C+ dalam mana-mana kursus boleh mengulang kursus berkenaan untuk memperbaiki PNGK dan gred terbaik akan menggantikan gred lama.
- Pelajar yang gagal mana-mana kursus (gred F) hendaklah mengulang kursus tersebut pada semester berikutnya. Hanya dua kali pengulangan dibenarkan dan gred terbaik (C+ ke atas) akan menggantikan gred lama. [Mesyuarat Senat Kali Ke-144 Bil.7/2016]
- Pengulangan kursus seperti di atas tidak terguna pakai bagi Kertas Projek dan Internship. [Mesyuarat Senat Kali Ke-144 Bil.7/2016]

## 25. PEMBERHENTIAN PENGAJIAN

- 25.1 Senat berhak memberhentikan seseorang pelajar yang didapati memberi maklumat palsu bersabit dengan kemasukannya ke Universiti.
- 25.2 Pelajar boleh diberhentikan bila-bila masa dari Universiti atas mana-mana sebab berikut:
- Pelajar yang mendapat PNGK kurang daripada 2.00 dalam mana-mana semester adalah Gagal dan akan diberhentikan dari Universiti.
  - Pelajar bertaraf Lulus Bersyarat (LB) program pengajian mengikut keputusan peperiksaan semester yang baru lalu, yang masih tidak mencapai taraf Lulus dalam semester berikutnya adalah Gagal dan akan diberhentikan dari Universiti.
  - Pelajar yang tidak memperlihatkan peningkatan kemajuan dalam penyediaan Kertas Projek dan mendapat status TM selama dua (2) semester berturut-turut.
  - Melebihi tempoh masa untuk sesuatu program pengajian.
  - Didapati melanggar Peraturan Universiti.
- 25.3 Pelajar yang menerima status **Gagal dan Diberhentikan** dan **Diberhentikan** boleh membuat rayuan ke Universiti melalui Fakulti secara bertulis dan bertakluk kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pengajian Siswazah.
- 25.4 Rayuan perlu dibuat dalam tempoh tiga (3) minggu daripada tarikh surat pemberitahuan pemberhentian atau selepas kelulusan Mesyuarat Senat. Sebarang rayuan yang diterima selepas tempoh yang disebut tidak akan dipertimbangkan.
- 25.5 Rayuan hendaklah disertakan dengan bayaran yang ditetapkan dan bayaran ini tidak boleh dituntut balik.

## 26. GUGUR STATUS SEBAGAI PELAJAR [Mesyuarat Senat Kali Ke-118 Bil.5/2014]

- 26.1 Status seseorang pelajar universiti akan gugur sekiranya gagal untuk menjelaskan yuran pengajian atau bayaran lain dalam masa yang ditetapkan, tidak mendaftar semester, mendaftar kursus atau membuat penangguhan pengajian secara bertulis kepada pihak Institut Pengajian Siswazah selepas berakhir minggu **ketujuh (7)** semester.
- 26.2 Pelajar yang gugur statusnya boleh merayu kepada pihak Institut Pengajian Siswazah untuk meneruskan pengajian pada semester berikutnya dan semester gugur statusnya diambil kira sebagai tempoh pengajian.
- 26.3 Pelajar yang diluluskan untuk meneruskan pengajian diminta untuk membayar kos pentadbiran (*administrative fee*) kepada pihak Universiti.

## 27. PERATURAN KEWANGAN UNIVERSITI

- 27.1 Yuran hendaklah dijelaskan sepenuhnya sebelum semester bermula.
- 27.2 Pelajar boleh menuntut bayaran balik yuran jika pelajar menarik diri daripada pengajian untuk sesuatu semester dengan mengemukakan surat kelulusan dari Institut Pengajian Siswazah.
- 27.3 Kadar bayaran balik yuran adalah seperti berikut:

TEMPOH / PERKARA	KADAR BAYARAN	CATATAN
Menolak tawaran atau tidak mendaftar	Keseluruhan yuran dibayar	Permohonan bayaran balik perlu dikemukakan bersama Memo / Surat Pengesahan oleh Bahagian Hal Ehwal Akademik atau Institut Pengajian Siswazah
Minggu orientasi	100% yuran-yuran kecuali pendaftaran, pemeriksaan kesihatan dan yuran pengurusan antarabangsa	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kelayakan bayaran hanya bagi semester pertama sahaja.</li> <li>• Tempoh bayaran balik yuran adalah berdasarkan tarikh permohonan menarik menarik diri.</li> <li>• Permohonan bayaran balik perlu dikemukakan bersama Surat Kelulusan Menarik Diri oleh Bahagian Hal Ehwal Akademik atau Institut Pengajian Siswazah.</li> </ul>
Tidak lebih 4 minggu (28 hari) dari tarikh permulaan semester	50% yuran-yuran kecuali pendaftaran, pemeriksaan kesihatan dan yuran pengurusan antarabangsa	
Selepas 4 minggu (28 hari) dari tarikh permulaan semester	Tiada bayaran balik	

\*Nota : Dikira daripada tarikh pendaftaran

- 27.4 Yuran berikut tidak dibayar balik kepada pelajar:
- Yuran Suai Kenal / Pendaftaran
- 27.5 Tuntutan lain dari Universiti seperti denda dan bayaran ganti rugi kerosakan Kolej Kediaman perlu dijelaskan oleh pelajar dalam tempoh pengajian.
- 27.6 Universiti berhak membuat tuntutan kesemua yuran tertunggak walaupun pelajar berkenaan telah berhenti dari Universiti. Segala perbelanjaan yang dikeluarkan oleh Universiti untuk urusan tersebut perlu ditanggung oleh pelajar.
- 27.7 Pelajar yang pernah mengikuti pengajian di Universiti Pendidikan Sultan Idris pada peringkat Diploma atau Ijazah Sarjana Muda, bayaran yuran bagi semester pertama akan dikecualikan yuran Alumni sebanyak RM100.00. Pelajar perlu memaklumkan kepada pihak Bendahari berkenaan maklumat pelajar dan disertakan salinan skrol pengajian sebelumnya.
- 27.8 Bagi pelajar yang menangguh semester sebelum minggu ke-7 takwim akademik, yuran dan bayaran lain akan dibawa ke semester berikutnya.
- 27.9 Surat pengesahan/kelulusan dari Institut Pengajian Siswazah hendaklah diperoleh terlebih dahulu dan dikemukakan kepada Bendahari semasa membuat tuntutan.

## 28. PERUNTUKAN AM

- 28.1 Senat berhak mengambil tindakan sewajarnya ke atas pelajar yang didapati bersalah mengemukakan maklumat palsu tentang kemasukan ke Universiti.
- 28.2 Senat, atas budi bicaranya, boleh membenarkan sebarang pengecualian yang dianggap munasabah atau meminda apa-apa peraturan yang sesuai untuk dikuatkuasakan demi kebaikan Universiti.
- 28.3 Segala keputusan Senat berhubung kes rayuan oleh pelajar akan diuruskan oleh Institut Pengajian Siswazah.
- 28.4 Pelajar bertanggungjawab untuk memahami dan mematuhi semua peraturan yang terkandung di dalam Buku Peraturan Akademik Program Pengajian Siswazah.

## PERATURAN UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS PROGRAM PENGAJIAN IJAZAH DOKTOR FALSAFAH

Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh Perenggan 29, Perlembagaan Universiti Pendidikan Sultan Idris (Program Pengajian Siswazah), Senat Universiti Pendidikan Sultan Idris menentukan peraturan berikut:

### 1. NAMA, MULA BERKUAT KUASA DAN PEMAKAIAN

- 1.1 Peraturan ini dinamakan Peraturan Universiti Pendidikan Sultan Idris (Program Pengajian Ijazah Doktor Falsafah) 2011 (Pindaan 2021).
- 1.2 Peraturan ini hendaklah terpakai kepada semua pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris yang mengikuti Program Pengajian Siswazah.

### 2. TAKRIF

Dalam peraturan ini melainkan jika kandungan ayatnya mengehendaki makna yang lain:

**“Ahli Akademik”** bermakna tenaga pengajar Universiti yang bertugas sepenuh masa dan berjawatan tetap atau kontrak.

**“Fakulti”** bermakna mana-mana pusat pengajian yang menawarkan program akademik dan kursus-kursus.

**“Hadir Wajib”** bermakna mana-mana kursus atau aktiviti yang kedatangan dimestikan oleh fakulti/pensyarah, walaupun kursus atau aktiviti tersebut tidak terdapat dalam struktur pengajian/syarat bergraduat.

**“Ijazah”** bermakna anugerah yang diberikan oleh Universiti kepada seseorang pelajar yang telah memenuhi syarat-syarat bergraduat.

**“Institut Pengajian Siswazah”** bermakna pusat pengajian yang ditubuhkan oleh Universiti di bawah Seksyen 21(1) Perlembagaan Universiti untuk mengurus, mentadbir dan menyelaras pengendalian Program Pengajian Siswazah.

**“Jawatankuasa Pemeriksa Cadangan Penyelidikan”** bermakna jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Fakulti untuk meluluskan dan memperakurkan cadangan penyelidikan pelajar.

**“Jawatankuasa Pemeriksa Tesis”** bermakna jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Senat untuk menilai tesis.

**“Jawatankuasa Pengajian Siswazah”** bermakna jawatankuasa yang ditubuhkan di Universiti untuk menyelia Program Pengajian Siswazah yang dipengerusikan oleh Naib Canselor.

**“Jawatankuasa Pengajian Siswazah Fakulti”** bermakna jawatankuasa yang ditubuhkan di Fakulti untuk menyelia Program Pengajian Siswazah yang dipengerusikan oleh Dekan Fakulti berkenaan.

**“Kecurangan Akademik”** bermakna tindakan kepada pelajar yang melanggar Perkara 8 Kaedah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tatatertib Pelajar) 1999.

**“Kursus”** bermakna satu unit pengajian yang membawa kepada suatu bilangan jam kredit yang biasa ditawarkan dan diselesaikan dalam sesuatu semester.

**“Kursus Audit”** bermakna kursus yang diambil atas keperluan pengajian tetapi kredit kursus tidak dikira dalam pengiraan PNGK. Pelajar yang mengaudit kursus, wajib menghadiri semua kuliah/tutorial/amali dan menyiapkan semua tugas (wajib lulus) tetapi tidak perlu

menduduki peperiksaan akhir (jika ada). Jika pelajar tidak memenuhi syarat kursus audit, nama pelajar akan digugurkan daripada senarai audit. [Mesyuarat Senat Kali Ke-144 Bil.7/2016]

**“Kursus Pengkhususan”** adalah kursus-kursus yang dikenal pasti sebagai sesuatu bidang.

**“Kursus Elektif”** adalah kursus-kursus yang boleh dipilih daripada Kursus Kaedah Penyelidikan, Kursus Pendidikan dan Kursus Bidang Pengkhususan daripada mana-mana Fakulti.

**“Kursus Kaedah Penyelidikan”** ialah kursus-kursus Kaedah Penyelidikan yang ditetapkan oleh Universiti untuk pelajar mengambilnya.

**“Kursus Pendidikan”** adalah kursus-kursus berhubung dengan ilmu pendidikan yang ditawarkan oleh mana-mana Fakulti terutamanya Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia.

**“Negara Serumpun”** adalah negara yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa perantaraan. Sebagai contoh negara Indonesia, Singapura, Brunei dan Selatan Thailand.

**“Pelajar”** bermakna seseorang yang telah mendaftar untuk mengikuti Program Pengajian Siswazah di Universiti Pendidikan Sultan Idris.

**“Pemeriksa Dalam”** bermakna ahli akademik yang dicadangkan oleh Fakulti dan diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah untuk menilai tesis pelajar.

**“Pemeriksa Luar”** bermakna pakar dari luar Universiti diperakukan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah Universiti dan dilantik oleh Senat untuk menilai tesis pelajar.

**“Penasihat Akademik”** bermakna seseorang ahli akademik yang dilantik oleh Fakulti untuk menasihati hal-hal akademik seseorang pelajar.

**“Pendaftaran Kursus”** bermakna pendaftaran pelajar melalui sistem atas talian pada setiap awal semester berpandukan takwim yang diluluskan Senat.

**“Pendaftaran Semester”** bermakna pendaftaran pelajar melalui sistem atas talian pada setiap semester pengajian bagi mengaktifkan diri sebagai pelajar universiti.

**“Penilaian”** bermakna sebarang bentuk penaksiran untuk mengukur pencapaian akademik pelajar.

**“Penyelia”** bermakna ahli akademik yang dicadangkan oleh Fakulti dan diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah untuk menyelia tesis pelajar.

**“Penyelia Bersama/Penyelia Bersekutu”** bermakna ahli akademik yang dilantik bersama-sama dengan Penyelia oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah untuk menyelia penyelidikan dan penyediaan tesis pelajar.

**“Program Pengajian”** bermakna kumpulan-kumpulan kursus, latihan dan penyelidikan atau gabungan kursus, latihan dan penyelidikan yang dirancang dan ditawarkan bagi memenuhi keperluan untuk anugerah Ijazah Doktor Falsafah yang diluluskan oleh Senat.

**“Senat”** bermakna badan tertinggi yang mempunyai kuasa muktamad ke atas segala hal akademik yang ditubuhkan menurut peruntukan seksyen 20(1) Perlembagaan Universiti Pendidikan Sultan Idris 1998.

**“Sistem Maklumat Pelajar”** bermakna sistem yang dibina dan dikawal selia oleh IPS bagi tujuan penyimpanan data dan rekod pelajar.

**“Slip Pendaftaran”** bermakna slip yang mengandungi maklumat kursus yang didaftar oleh pelajar.

**“Struktur Program”** bermakna susunan program yang ditawarkan oleh Institut Pengajian Siswazah.

**“Tesis”** bermakna laporan kajian akademik yang dikemukakan oleh pelajar siswazah bagi memenuhi syarat keperluan program pengajian Doktor Falsafah.

**“Tesis Mutakhir”** bermakna naskhah Tesis yang telah disempurnakan selepas lulus peperiksaan.

**“Tempoh Pengajian”** bermakna tempoh masa yang ditetapkan kepada pelajar untuk melengkapkan struktur pengajian Doktor Falsafah.

**“Universiti”** bermakna Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

**“Viva”** bermakna peperiksaan lisan yang dianggotai Ahli Jawatankuasa Pemeriksa Tesis.

**“Artikel Jurnal”** Koleksi kertas penyelidikan atau artikel ilmiah yang diterbitkan setelah disemak oleh sidang editor yang dilantik oleh suatu jawatankuasa atau badan berauliah (artikel yang diterima untuk diterbitkan di mana-mana jurnal yang diiktiraf oleh IPS).

**“Penulis Pertama”** Kajian/penyelidikan yang dihasilkan dan dihantar/dibentangkan oleh pelajar dalam artikel jurnal/seminar atau persidangan (nama penulis yang pertama dalam penulisan).

**“Penulis Bersama”** Kajian/penyelidikan yang dihasilkan dan dibentangkan oleh individu yang beralamatkan Universiti Pendidikan Sultan Idris. Individu dalam konteks ini ialah pensyarah/penyelia pelajar (nama berikutnya selepas nama pelajar).

**“Jurnal Berwasit”** Artikel yang diterbitkan telah melalui proses perwasitan (*review*) oleh beberapa orang pakar bidang yang dilantik oleh pihak jurnal.

### 3. KELAYAKAN MASUK

- 3.1 Ijazah Sarjana daripada Universiti Pendidikan Sultan Idris atau daripada mana-mana institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Senat; atau
- 3.2 Kelayakan lain yang diiktiraf oleh Senat; dan
- 3.3 Memenuhi syarat khas program yang ditetapkan oleh Fakulti yang berkenaan jika berkaitan.
- 3.4 Calon pelajar antarabangsa disyaratkan lulus syarat keperluan Bahasa Inggeris seperti yang telah ditetapkan. (rujuk Garis Panduan Pengambilan Pelajar Pengajian Siswazah)
- 3.5 Calon antarabangsa yang ingin menulis dan membentangkan tesis selain daripada Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu perlu mendapatkan kelulusan khas daripada Senat dan memenuhi syarat Bahasa Inggeris yang telah ditetapkan.  
(rujuk Garis Panduan Pengambilan Pelajar Pengajian Siswazah)

### 4. PERMOHONAN

- 4.1 Permohonan hendaklah dibuat secara atas talian.
- 4.2 Permohonan hendaklah diisi dengan lengkap dan betul, dan mematuhi semua syarat atau keperluan seperti yang dinyatakan dalam borang berkenaan.
- 4.3 Permohonan dibuka sepanjang tahun.

## **5. STRUKTUR PROGRAM**

- 5.1 Pengajian melibatkan penyelidikan dan penyediaan tesis.
- 5.2 Pelajar wajib mengikuti sekurang-kurangnya satu kursus kaedah penyelidikan sepanjang pengajian dan memenuhi syarat kursus audit. Pelajar juga boleh diminta untuk mengikuti kursus-kursus tertentu yang lain atas cadangan Fakulti dan memenuhi syarat kursus audit. [Mesyuarat Senat Kali Ke-144 Bil.7/2016]

## **6. PENDAFTARAN**

- 6.1 Pelajar hendaklah mendaftar semester dengan membayar yuran pada tarikh yang ditetapkan untuk setiap semester mengikut struktur program pengajian yang ditawarkan Universiti.
- 6.2 Pendaftaran semester hendaklah dibuat pada tarikh yang ditetapkan pada awal semester untuk membolehkan pelajar mengikuti kursus atau membuat penyelidikan seperti yang telah didaftarkan dalam semester berkenaan.
- 6.3 Kelewatan pendaftaran semester pada tarikh yang ditetapkan akan dikenakan denda.
- 6.4 Pelajar dibenarkan menyemak dan membuat pembetulan atau perubahan secara atas talian dalam tempoh empat (4) minggu daripada tarikh semester bermula.
- 6.5 Pelajar boleh mendaftar minimum tiga (3) kredit kursus audit dalam satu semester atas nasihat dan persetujuan Penyelia.
- 6.6 Kelewatan pendaftaran selepas minggu kedua kuliah akan dikenakan denda.

## **7. PENANGGUHAN KEMASUKAN**

- 7.1 Calon boleh membuat penangguhan kemasukan untuk tempoh satu (1) semester sahaja.
- 7.2 Permohonan penangguhan kemasukan hendaklah dibuat secara bertulis kepada Dekan Institut Pengajian Siswazah dalam tempoh tujuh (7) minggu selepas hari kemasukan.
- 7.3 Sekiranya calon gagal untuk membuat permohonan penangguhan dalam tempoh yang ditetapkan, tawaran akan terbatal.

## **8. PENDAFTARAN TESIS**

- 8.1 Calon hendaklah membuat pendaftaran tesis seperti yang ditawarkan mengikut syarat dan takwim yang ditetapkan oleh Senat.
- 8.2 Pelajar dikehendaki mendaftar tesis pada setiap semester bagi tujuan merekodkan kemajuan penyelidikan.
- 8.3 Kelewatan pendaftaran selepas minggu kedua kuliah akan dikenakan denda.

## **9. PENANGGUHAN PENGAJIAN**

- 9.1 Pelajar boleh membuat permohonan untuk menangguhkan pengajian dari Institut Pengajian Siswazah dengan sokongan Fakulti.
- 9.2 Kelulusan penangguhan pengajian tertakluk kepada persetujuan Dekan Institut Pengajian Siswazah.
- 9.3 Tempoh penangguhan pengajian adalah tidak boleh dua (2) semester berturut-turut kecuali atas sebab kesihatan.

- 9.4 Pelajar yang memohon penangguhan pengajian atas sebab kesihatan hendaklah terlebih dahulu mendapatkan perakuan daripada Doktor Kerajaan atau Pegawai Perubatan Universiti atau Doktor Panel Universiti.
- 9.5 Penangguhan atas sebab kesihatan dibenarkan tiga (3) kali sepanjang pengajian. [Mesyuarat Senat Kali Ke-205 Bil.9/2021]
- 9.6 Permohonan penangguhan pengajian atas sebab lain daripada sebab kesihatan boleh juga dipertimbang dan diperakuan oleh Dekan Institut Pengajian Siswazah. Permohonan hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya pada minggu ke-7 takwim akademik semester berkenaan.
- 9.7 Tempoh pengajian dalam masa penangguhan atas sebab kesihatan tidak diambil kira dalam pengiraan tempoh pengajian maksimum program pengajian.
- 9.8 Semasa dalam penangguhan pengajian, pelajar hilang taraf sebagai pelajar Universiti sehingga mendaftar semula pengajiannya.
- 9.9 Pelajar yang menyambung pengajian selepas genap tempoh penangguhan yang diluluskan dikehendaki mendaftar semula.
- 9.10 Pelajar yang berada dalam semester akhir/ maksimum pengajian tidak layak untuk menangguhkan pengajian. [Mesyuarat Senat Kali Ke-205 Bil.9/2021]

## 10. PERTUKARAN BIDANG ATAU PROGRAM

- 10.1 Pelajar boleh memohon pertukaran bidang/program dengan perakuan Fakulti dan kelulusan pertukaran bidang/program bagi pelajar Ijazah Doktor Falsafah yang tidak melibatkan lantikan penyelia yang baharu hanya perlu diputuskan di peringkat IPS sahaja dengan syarat pihak Fakulti telah membuat perakuan kelulusan.  
[Mesyuarat Senat Kali Ke-136 Bil.11/2015]
- 10.2 Permohonan pertukaran bidang atau program hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya sebelum semester tiga (3) pengajian. Permohonan yang dibuat selepas tempoh berkenaan tidak akan dipertimbangkan.
- 10.3 Pihak Universiti berhak ke atas penawaran program yang ditawarkan pada setiap semester.
- 10.4 Pertukaran ini dibenarkan dua (2) kali sahaja sepanjang tempoh pengajian.

## 11. PENAMBAHAN DAN PENGGUGURAN KURSUS

- 11.1 Pelajar dibenarkan menambah kursus secara audit setelah mendapat nasihat dan sokongan daripada penasihat akademik dalam masa dua (2) minggu daripada tarikh semester bermula.
- 11.2 Pelajar dibenarkan menggugurkan kursus yang telah didaftarkan dalam masa tujuh (7) minggu daripada tarikh semester bermula.
- 11.3 Kelewatan membuat penambahan kursus selepas minggu kedua atau pengguguran kursus selepas minggu ketujuh semester berkenaan akan dikenakan denda.

## 12. PEMBENTANGAN CADANGAN PENYELIDIKAN

- 12.1 Pelajar diwajibkan menghadiri sekurang-kurangnya **satu (1) kali** pembentangan cadangan penyelidikan sebelum menjalani sesi pembentangan cadangan penyelidikan. Surat tamat pengajian dan transkrip tidak akan diserahkan sekiranya pelajar tidak memenuhi keperluan ini. [Mesyuarat Senat Kali Ke-159 Bil.10/2017]

- 12.2 Setiap pelajar hendaklah menyedia dan membentangkan cadangan penyelidikan di peringkat Fakulti setelah mendapat perakuan daripada penyelia.
- 12.3 Cadangan penyelidikan perlu disemak dan diluluskan oleh Jawatankuasa Pemeriksa Cadangan Penyelidikan Fakulti.
- 12.4 Tempoh maksimum yang diberikan kepada Pelajar Ijazah Doktor Falsafah untuk membuat pembentangan cadangan penyelidikan ialah seperti berikut:

Status pengajian pelajar Ijazah Doktor Falsafah	Pelajar perlu membuat pembentangan cadangan penyelidikan sebelum
Sepenuh Masa	*Semester kedua
Separuh Masa	*Semester ketiga

\* Nota: Sebelum semester berakhir

[Mesyuarat Senat Kali Ke-136 Bil.11/2015]

- 12.5 Status KURANG MEMUASKAN (KM) akan diberi kepada pelajar sekiranya masih belum membuat pembentangan cadangan penyelidikan selepas semester kedua (bagi pelajar sepenuh masa) atau ketiga (bagi pelajar separuh masa), walaupun pelajar telah menghantar laporan kemajuan penyelidikan (LKPS) dan penyelia memberi status memuaskan. Berikut merupakan tahap penilaian pelajar yang ditetapkan:

Status pengajian pelajar Doktor Falsafah	Status yang akan diterima	
Selepas semester kedua (sepenuh masa)	Kali Pertama	KM (Kurang memuaskan)
Selepas semester ketiga (separuh masa)	Kali Kedua	TM (Tidak memuaskan)
Selepas semester ketiga (sepenuh masa)	Kali Ketiga	TM dan diberhentikan (status TM dua kali berturut-turut)
Selepas semester keempat (separuh masa)		

[Mesyuarat Senat Kali Ke-136 Bil.11/2015]

- 12.6 Pelajar yang telah membuat pembentangan cadangan penyelidikan tetapi perlu membuat pindaan terhadap cadangan penyelidikan tersebut dan melakukan pembentangan kali kedua adalah tertakluk kepada tempoh masa seperti berikut:

Status pengajian pelajar Ijazah Doktor Falsafah	Maksimum tempoh pembetulan dan pembentangan semula	Status yang akan diterima sekiranya gagal mengikuti tempoh yang ditetapkan
Sepenuh masa	Sebelum minggu keempat belas semester berikutnya	KM (Kurang memuaskan) - kali pertama
		TM (Tidak memuaskan) - kali kedua
Separuh masa	Sebelum minggu keempat belas dua semester berikutnya	KM (Kurang memuaskan) - kali pertama
		TM (Tidak memuaskan) - kali kedua

[Mesyuarat Senat Kali Ke-136 Bil.11/2015]

### **13. PEMBENTANGAN DAPATAN KAJIAN**

- 13.1 Pelajar tidak dibenarkan untuk menghantar tesis awal sekiranya tidak membuat pembentangan dapatan kajian.

Nota: kaedah pelaksanaan pembentangan dapatan kajian boleh ditentukan sendiri oleh pihak fakulti. Walau bagaimanapun pihak fakulti perlu memastikan panel penilai bagi pembentangan dapatan kajian adalah sama seperti dilantik semasa pembentangan proposal.

[Mesyuarat Senat Kali Ke-159 Bil.10/2017]

### **14. TEMPOH PENGAJIAN**

- 14.1 Tempoh pengajian bagi pelajar sepenuh masa adalah \*minimum enam (6) semester (3 tahun) dan maksimum sepuluh (10) semester (5 tahun). [Mesyuarat Senat Kali Ke-199 Bil. 3/2021]

- 14.2 Tempoh pengajian bagi pelajar separuh masa adalah \*minimum lapan (8) semester (4 tahun) dan maksimum empat belas (14) semester (7 tahun).  
[Mesyuarat Senat Kali Ke-199 Bil. 3/2021]

- 14.3 Walau bagaimanapun, Senat boleh memberi pengecualian bagi pelajar cemerlang yang dapat menamatkan pengajian dalam masa yang singkat.

- 14.4 Pertukaran status pengajian dibenarkan dua (2) kali sahaja sepanjang tempoh pengajian. Pihak Universiti berhak ke atas penawaran status pengajian yang ditawarkan pada setiap semester. [Mesyuarat Senat Kali Ke-121 Bil.8/2014]

- 14.5 Permohonan pertukaran status pengajian perlu dilakukan selewat-lewatnya sebelum semester akhir pelajar bermula.

- 14.6 Pelajar boleh membuat permohonan pelanjutan tempoh pengajian selewat-lewatnya tiga (3) bulan sebelum semester terakhir berakhir. Permohonan pelanjutan yang dibenarkan adalah sebanyak empat (4) semester dengan maksimum dua (2) semester untuk setiap permohonan, tertakluk kepada peratusan status tesis.  
[Mesyuarat Senat Kali Ke-205 Bil.9/2021]

- 14.7 Pelajar yang diluluskan pelanjutan tidak dibenarkan menangguh pengajian pada semester tersebut kecuali atas sebab-sebab kesihatan yang disahkan oleh pegawai perubatan. [Mesyuarat Senat Kali Ke-205 Bil.9/2021]

\* Tempoh ini adalah sehingga peringkat penyerahan tesis.

### **15. SYARAT BERMASTAUTIN**

- 15.1 Pelajar perlu memenuhi syarat bermastautin yang ditetapkan seperti berikut:

STATUS PENGAJIAN	*SYARAT BERMASTAUTIN
Sepenuh Masa	Pelajar perlu berada di kampus/lapangan secara fizikal tertakluk pada budi bicara Dekan/Timbalan Dekan (kecuali bagi pelajar antarabangsa yang mendaftar secara program khas).
Separuh Masa	Pelajar perlu berada di kampus/lapangan secara fizikal tertakluk pada budi bicara Dekan/Timbalan Dekan.

\*Tertakluk kepada keperluan program dan Fakulti

[Mesyuarat Senat Kali Ke-162 Bil.1/2018]

## **16. KEHADIRAN**

- 16.1 Pelajar diwajibkan berjumpa penyelia mengikut kekerapan yang ditentukan oleh Fakulti dan merekodkan pertemuan tersebut.
- 16.2 Di akhir setiap semester, pelajar perlu menghantar Laporan Kemajuan Penyelidikan Siswazah ke Fakulti untuk dimajukan ke Institut Pengajian Siswazah.
- 16.3 Kegagalan pelajar memenuhi keperluan di atas akan diberikan status Tidak Memuaskan (TM). Status TM dua (2) semester berturut-turut akan diberikan status Gagal dan Diberhentikan.

## **17. TESIS**

- 17.1 Tesis hendaklah antara 80,000 hingga 100,000 patah perkataan (tertakluk kepada perakuan JPS Fakulti, penyelia dan pakar bidang). [Mesyuarat Senat Kali Ke-171 Bil.10/2018].
- 17.2 Tesis hendaklah disediakan menurut format dan gaya penulisan yang ditentukan oleh Universiti.
- 17.3 Tesis boleh ditulis dalam bahasa Melayu atau dalam bahasa Inggeris. Abstrak hendaklah ditulis dalam kedua-dua bahasa.
- 17.4 Tesis juga boleh ditulis dalam bahasa selain daripada bahasa Melayu dan bahasa Inggeris tertakluk kepada kelulusan Senat/ JPS berdasarkan justifikasi yang kukuh. Pelajar juga diwajibkan menghantar judul dan abstrak yang telah diterjemahkan dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris ke IPS sebagai syarat bergraduat. [Mesyuarat Senat Kali Ke- 154 Bil.5/2017]  
(Rujuk Garis Panduan Penulisan Tesis/ Disertasi Dalam Bahasa selain Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris) [Mesyuarat Senat Kali Ke-203 Bil. 7/2021]
- 17.5 Tesis yang telah diterima untuk penganugerahan ijazah dari universiti lain tidak boleh diterima untuk panganugerahan ijazah untuk Universiti ini.
- 17.6 Seseorang pelajar yang bercadang menyerahkan tesisnya untuk diperiksa hendaklah:
  - 17.6.1 menghantar notis berserta bukti pembayaran yuran pemeriksaan tesis kepada IPS dengan menggunakan borang khas sekurang-kurangnya tiga (3) bulan lebih awal daripada tarikh penyerahan tesis untuk diperiksa dengan persetujuan penyelia (setelah tesis disiapkan sebanyak 80%).
  - 17.6.2 menyerahkan tujuh (7) naskhah tesis yang berkulit lembut berjilid untuk pemeriksaan berserta laporan *turnitin*.
  - 17.6.3 Pelajar perlu menghantar tesis awal kepada pihak IPS bagi tempoh seperti berikut:

PERKARA	PENGHANTARAN TESIS AWAL
Sepenuh Masa	Semester kelapan
Separuh Masa	Semester kedua belas

[Mesyuarat Senat Kali Ke-159 Bil.10/2017]

- 17.6.4 Kegagalan pelajar menghantar tesis awal kepada pihak IPS bagi tempoh yang ditetapkan akan menyebabkan pelajar mendapat status Kurang Memuaskan (KM) pada semester berkenaan walaupun telah menghantar LKPS dan penyelia memberi status Sedang Maju (SM). [Mesyuarat Senat Kali Ke-159 Bil.10/2017]
- 17.6.5 Namun pelajar juga boleh menghantar tesis awal kepada pihak IPS lebih awal daripada tempoh masa yang ditetapkan. [Mesyuarat Senat Kali Ke-159 Bil.10/2017]
- 17.7 Pelajar hendaklah menyerahkan tiga (3) naskah Tesis Mutakhir yang telah diperiksa dan formatnya diluluskan oleh Institut Pengajian Siswazah, berjilid dan dua (2) salinan cakera padat (CD) dalam format PDF, sebelum bergraduat.
- 17.8 Hasil kajian dan tesis adalah hak milik Universiti.

## 18. KEPERLUAN PENERBITAN

- 18.1 Pelajar wajib menghasilkan dua (2) \*artikel jurnal/ *refereed journal article* sebelum layak bergraduat. [Mesyuarat Senat Kali Ke-118 Bil.5/2014]

\*Perincian:

- (i) artikel perlulah telah diterima untuk diterbitkan;
- (ii) pelajar mestilah menjadi penulis pertama/utama;
- (iii) pelajar digalakkan menerbitkan jurnal berindeks tinggi seperti ISI, SCOPUS, ERA;
- (iv) surat tamat pengajian hanya akan diberikan sekiranya pelajar telah melengkapkan keperluan penerbitan.

## 19. PENYELIAAN TESIS

- 19.1 Senat hendaklah melantik ahli akademik dari mana-mana Fakulti sebagai Penyelia dan/atau Penyelia Bersama dan/atau Penyelia Bersekutu daripada mana-mana IPTA atau institusi lain yang berwibawa untuk menyelia penyelidikan dan penyediaan tesis.
- 19.2 Pelantikan Penyelia/Penyelia Bersama/Bersekutu hendaklah diperakuan oleh Fakulti dan diluluskan Jawatankuasa Pengajian Siswazah.
- 19.3 Pertukaran Penyelia dibenarkan dengan sokongan daripada Fakulti dan persetujuan penyelia asal dan penyelia baharu serta, diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.
- 19.4 Penyelia Bersama/Bersekutu boleh terdiri daripada ahli akademik universiti luar dan/atau pakar dari organisasi luar.
- 19.5 Pelajar hendaklah mengemukakan Laporan Kemajuan Penyelidikan Siswazah pada setiap semester sepanjang tempoh pengajiannya kepada pihak Fakulti dan dimajukan ke IPS menggunakan kaedah yang ditetapkan Institut Pengajian Siswazah.

## 20. PENILAIAN DAN PEPERIKSAAN

- 20.1 Seorang pelajar mesti menjelaskan segala yuran pengajian sebelum dibenarkan mengambil sebarang peperiksaan.
- 20.2 Yuran pemeriksaan tesis hendaklah dibayar sebelum penyerahan notis tesis awal dihantar untuk pemeriksaan.
- 20.3 Jika pemeriksaan perlu diulang bayaran tambahan akan dikenakan berdasarkan kadar yang berkuat kuasa.

- 20.4 Tesis akan diperiksa oleh tiga (3) orang pemeriksa yang terdiri daripada satu (1) orang Pemeriksa Dalam dan dua (2) orang Pemeriksa Luar yang dilantik oleh Senat Universiti berdasarkan pencalonan dari Fakulti.
- 20.5 Penyelia dikehendaki mengemukakan laporan penilaian Tesis yang diseliana dan boleh hadir sebagai pemerhati serta memberi pandangan kepada Jawatankuasa Viva.
- 20.6 Urusan pengendalian peperiksaan Tesis hendaklah dibuat oleh Institut Pengajian Siswazah.
- 20.7 Laporan penilaian Tesis oleh Pemeriksa Dalam dan Pemeriksa Luar hendaklah berpandu kepada Borang Penilaian Tesis.
- 20.8 Laporan Pemeriksa Dalam dan Pemeriksa Luar hendaklah dihantar ke Institut Pengajian Siswazah.
- 20.9 Satu Jawatankuasa Viva hendaklah dilantik oleh Senat.
- 20.10 Ahli Jawatankuasa Viva terdiri daripada:
- Pengurus: Timbalan Naib Canselor / Profesor / Profesor Madya yang mempunyai sekurang-kurangnya tiga (3) tahun pengalaman (bidang yang berbeza) yang dilantik oleh IPS  
[Mesyuarat Senat Kali Ke-186 Bil.01/2020]
  - Ahli: Dekan Fakulti atau wakilnya
  - Ahli: Pemeriksa Dalam
  - Ahli: Dua (2) orang Pemeriksa Luar
  - Ahli: Dekan IPS atau wakilnya
  - Setiausaha: Pegawai IPS  
[Mesyuarat Senat Kali Ke-147 Bil.10/2016]
- Nota: Minit pembetulan dicatat oleh penyelia dan disahkan oleh Pengurus.

Catatan:

- Minimum dua (2) orang pemeriksa mesti hadir
- Sekiranya hanya seorang pemeriksa sahaja yang boleh hadir, pemeriksa yang tidak dapat hadir boleh dihubungi melalui medium lain seperti telefon, *skype*, *google chat* dan sebagainya.
- Bagi yang tidak hadir, laporan akan dibaca oleh pengurus.  
[Mesyuarat Senat Kali Ke-136 Bil.11/2015]

- 20.11 Pelajar akan dipanggil oleh Jawatankuasa Viva untuk mempertahankan tesis secara lisan (*viva voce*).
- 20.12 Perakuan penilaian tesis oleh Jawatankuasa Viva hendaklah dibentangkan untuk kelulusan Senat:
- menganugerahkan Ijazah Doktor Falsafah kepada pelajar tanpa pindaan kepada Tesis; atau
  - menganugerahkan Ijazah Doktor Falsafah kepada pelajar tertakluk kepada pembetulan kecil seperti kesilapan taip, ejaan, tanda baca, memperjelaskan fakta, hujah dan kesimpulan seperti yang disyorkan oleh Jawatankuasa Viva. Calon diberi masa tidak melebihi tiga (3) bulan untuk memperbaikinya. Pembetulan Tesis hanya perlu disahkan oleh Penyelia sahaja; atau
  - menganugerahkan Ijazah Doktor Falsafah kepada pelajar tertakluk kepada pembetulan sederhana besar seperti memperjelaskan fakta, hujah dan kesimpulan serta menulis semula sebahagian daripada tesis seperti yang disyorkan oleh Jawatankuasa Viva. Calon diberi masa tidak melebihi enam (6) bulan untuk memperbaikinya. Pembetulan Tesis hanya perlu disahkan oleh Penyelia dan Pemeriksa Dalam jika diputuskan dalam Mesyuarat Viva; atau

- menganugerahkan Ijazah Doktor Falsafah kepada pelajar tertakluk kepada pembetulan besar seperti menganalisis semula data, membuat semula kesimpulan dan menulis semula sebahagian tesis. Tesis yang diperbaiki ini perlu diperiksa semula dan diperakurkan oleh Jawatankuasa Viva. Calon diberi masa tidak melebihi dua belas (12) bulan untuk membuat pindaan; atau
- Gagal dan tidak dianugerahkan Ijazah Doktor Falsafah.

20.13 Jawatankuasa Viva boleh memperakurkan supaya tesis yang mencapai taraf tinggi dianugerahkan gred Lulus Cemerlang.

20.14 Penilaian bagi program Doktor Falsafah pengkhususan Komposisi Muzik, Persembahan Muzik dan Studio Seni Halus adalah pada **Lampiran C**.

**20.15 Tempoh masa penghantaran semula tesis untuk pembetulan 12 bulan:**

[Mesyuarat Senat Kali Ke-121 Bil.8/2014]

20.15.1 Penghantaran semula tesis kepada pihak IPS untuk diserahkan kepada pemeriksa adalah selepas **enam (6) bulan** viva berlangsung.

20.15.2 Pelajar perlu memastikan setiap pembetulan yang dinyatakan oleh pemeriksa dibuat sepenuhnya. Penyelia juga dengan tempoh masa yang ada dapat menyemak tesis pelajar dengan lebih terperinci.

## 21. PENGANUGERAHAN IJAZAH

21.1 Nama ijazah yang dianugerahkan ialah Ijazah Doktor Falsafah (mengikut bidang berkenaan).

21.2 Penganugerahan ijazah ini adalah tertakluk kepada:

21.2.1 Memenuhi kesemua syarat bergraduat bagi program pengajian yang ditetapkan.

21.2.2 Lulus tesis

21.3 Keputusan peperiksaan seseorang pelajar hendaklah mendapat pengesahan Senat Universiti.

## 22. SYARAT-SYARAT UNTUK MENERUSKAN PENGAJIAN

22.1 Taraf Lulus

Menunjukkan kemajuan memuaskan dalam penyediaan tesis dan mendapat status Sedang Maju (SM) pada setiap semester.

## 23. PEMBERHENTIAN PENGAJIAN

23.1 Senat berhak memberhentikan seseorang pelajar yang didapati memberi maklumat palsu bersabit dengan kemasukannya ke Universiti.

23.2 Pelajar boleh diberhentikan bila-bila masa dari Universiti atas mana-mana sebab berikut:

23.2.1 Pelajar yang tidak memperlihatkan peningkatan kemajuan dalam penyediaan Tesis setelah diberi dua (2) amaran bertulis oleh Fakulti.

23.2.2 Pelajar yang tidak memperlihatkan peningkatan kemajuan dalam penyediaan Tesis dan mendapat status TM selama dua (2) semester berturut-turut.

- 23.2.3 Melebihi tempoh masa untuk sesuatu program pengajian.
- 23.2.4 Didapati melanggar Peraturan Universiti.
- 23.3 Pelajar yang menerima status **Gagal** dan **Diberhentikan** dan **Diberhentikan** boleh membuat rayuan ke Universiti melalui Fakulti secara bertulis dan bertakluk kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pengajian Siswazah.
- 23.4 Rayuan perlu dibuat dalam tempoh tiga (3) minggu daripada tarikh surat pemberitahuan pemberhentian atau selepas kelulusan Mesyuarat Senat. Sebarang rayuan yang diterima selepas tempoh yang disebut tidak akan dipertimbangkan.
- 23.5 Rayuan hendaklah disertakan dengan bayaran yang ditetapkan dan bayaran ini tidak boleh dituntut balik.
- 24. GUGUR STATUS SEBAGAI PELAJAR** [Mesyuarat Senat Kali Ke-118 Bil.5/2014]

- 24.1 Status seseorang pelajar universiti akan gugur sekiranya gagal untuk menjelaskan yuran pengajian atau bayaran lain dalam masa yang ditetapkan, tidak mendaftar semester, mendaftar kursus atau membuat penangguhan pengajian secara bertulis kepada pihak Institut Pengajian Siswazah selepas berakhir minggu **ketujuh (7)** semester.
- 24.2 Pelajar yang gugur statusnya boleh merayu kepada pihak Institut Pengajian Siswazah untuk meneruskan pengajian pada semester berikutnya dan semester gugur statusnya diambil kira sebagai tempoh pengajian.
- 24.3 Pelajar yang diluluskan untuk meneruskan pengajian diminta untuk membayar kos pentadbiran (*administrative fee*) kepada pihak Universiti.

## 25. PERATURAN KEWANGAN UNIVERSITI

- 25.1 Yuran hendaklah dijelaskan sepenuhnya sebelum semester bermula.
- 25.2 Pelajar boleh menuntut bayaran balik yuran jika pelajar menarik diri daripada pengajian untuk sesuatu semester dengan mengemukakan surat kelulusan dari Institut Pengajian Siswazah.
- 25.3 Kadar bayaran balik yuran adalah seperti berikut:

TEMPOH / PERKARA	KADAR BAYARAN	CATATAN
Minggu orientasi	100% yuran-yuran kecuali pendaftaran, pemeriksaan kesihatan dan yuran pengurusan antarabangsa	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelayakan bayaran hanya bagi semester pertama sahaja.</li> <li>Tempoh bayaran balik yuran adalah berdasarkan tarikh permohonan menarik menarik diri.</li> <li>Permohonan bayaran balik perlu dikemukakan bersama Surat Kelulusan Menarik Diri oleh Bahagian Hal Ehwal Akademik atau Institut Pengajian Siswazah.</li> </ul>
Tidak lebih 4 minggu (28 hari) dari tarikh permulaan semester	50% yuran-yuran kecuali pendaftaran, pemeriksaan kesihatan dan yuran pengurusan antarabangsa	
Selepas 4 minggu (28 hari) dari tarikh permulaan semester	Tiada bayaran balik	

\*Nota : Dikira daripada tarikh pendaftaran

- 25.4 Yuran berikut tidak dibayar balik kepada pelajar:
- Yuran Suai Kenal / Pendaftaran
- 25.5 Tuntutan lain dari Universiti seperti denda dan bayaran ganti rugi kerosakan Kolej Kediaman perlu dijelaskan oleh pelajar dalam tempoh pengajian.

- 25.6 Universiti berhak membuat tuntutan kesemua yuran tertunggak walaupun pelajar berkenaan telah berhenti dari Universiti. Segala perbelanjaan yang dikeluarkan oleh Universiti untuk urusan tersebut perlu ditanggung oleh pelajar.
- 25.7 Pelajar yang pernah mengikuti pengajian di Universiti Pendidikan Sultan Idris pada peringkat diploma atau Ijazah Sarjana Muda, bayaran yuran bagi semester pertama akan dikecualikan yuran Alumni sebanyak RM100.00. Pelajar perlu memaklumkan kepada pihak Bendahari berkenaan maklumat pelajar dan disertakan salinan skrol pengajian sebelumnya.
- 25.8 Bagi pelajar yang menangguh semester sebelum minggu ke-7 takwim akademik, yuran dan bayaran lain akan dibawa ke semester berikutnya.
- 25.9 Surat pengesahan/kelulusan dari Institut Pengajian Siswazah hendaklah diperoleh terlebih dahulu dan dikemukakan kepada Bendahari semasa membuat tuntutan.

## **26. PERUNTUKAN AM**

- 26.1 Senat berhak mengambil tindakan sewajarnya ke atas pelajar yang didapati bersalah mengemukakan maklumat palsu tentang kemasukan ke Universiti.
- 26.2 Senat, atas budi bicaranya, boleh membenarkan sebarang pengecualian yang dianggap munasabah atau meminda apa-apa peraturan yang sesuai untuk dikuatkuasakan demi kebaikan Universiti.
- 26.3 Segala keputusan Senat berhubung kes rayuan oleh pelajar akan diuruskan oleh Institut Pengajian Siswazah.
- 26.4 Pelajar bertanggungjawab untuk memahami dan mematuhi semua peraturan yang terkandung di dalam Buku Peraturan Akademik Pengajian Siswazah.

**PERATURAN AKADEMIK UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**  
**PROGRAM PENGAJIAN IJAZAH DOKTOR PENDIDIKAN**

[Mesyuarat Senat Kali Ke-156 Bil.7/2017]

Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh Perenggan 29, Perlembagaan Universiti Pendidikan Sultan Idris (Program Pengajian Siswazah), Senat Universiti Pendidikan Sultan Idris menentukan peraturan berikut:

**1. NAMA, MULA BERKUAT KUASA DAN PEMAKAIAN**

- 1.1 Peraturan ini dinamakan Peraturan Universiti Pendidikan Sultan Idris (Program Pengajian Ijazah Doktor Pendidikan (Ed.D)) 2017 (Pindaan 2021).
- 1.2 Peraturan ini hendaklah terpakai kepada semua pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris yang mengikuti Program Pengajian Siswazah.

**2. TAKRIF**

Dalam peraturan ini melainkan jika kandungan ayatnya mengehendaki makna yang lain:

**“Ahli Akademik”** bermakna tenaga pengajar Universiti yang bertugas sepenuh masa dan berjawatan tetap atau kontrak.

**“Fakulti”** bermakna mana-mana pusat pengajian yang menawarkan program akademik dan kursus-kursus.

**“Hadir Wajib”** bermakna mana-mana kursus atau aktiviti yang kedatangan dimestikan oleh fakulti/pensyarah, walaupun kursus atau aktiviti tersebut tidak terdapat dalam struktur pengajian/syarat bergraduat.

**“Ijazah”** bermakna anugerah yang diberikan oleh Universiti kepada seseorang pelajar yang telah memenuhi syarat-syarat bergraduat.

**“Institut Pengajian Siswazah”** bermakna pusat pengajian yang ditubuhkan oleh Universiti di bawah Seksyen 21(1) Perlembagaan Universiti untuk mengurus, mentadbir dan menyelaras pengendalian Program Pengajian Siswazah.

**“Jawatankuasa Pemeriksa Cadangan Penyelidikan”** bermakna jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Fakulti untuk meluluskan dan memperakukan cadangan penyelidikan pelajar.

**“Jawatankuasa Pemeriksa Tesis”** bermakna jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Senat untuk menilai tesis.

**“Jawatankuasa Pengajian Siswazah ”** bermakna jawatankuasa yang ditubuhkan di Universiti untuk menyelia Program Pengajian Siswazah yang dipengerusikan oleh Naib Canselor.

**“Jawatankuasa Pengajian Siswazah Fakulti”** bermakna jawatankuasa yang ditubuhkan di Fakulti untuk menyelia Program Pengajian Siswazah yang dipengerusikan oleh Dekan Fakulti berkenaan.

**“Kecurangan Akademik”** bermakna tindakan kepada pelajar yang melanggar Perkara 8 Kaedah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tatatertib Pelajar) 1999.

**“Kursus”** bermakna satu unit pengajian yang membawa kepada suatu bilangan jam kredit yang biasa ditawarkan dan diselesaikan dalam sesuatu semester.

**“Kursus Audit”** bermakna kursus yang diambil atas keperluan pengajian tetapi kredit kursus tidak dikira dalam pengiraan PNGK. Pelajar yang mengaudit kursus, wajib menghadiri semua kuliah/tutorial/amali dan menyiapkan semua tugas (wajib lulus) tetapi tidak perlu

menduduki peperiksaan akhir (jika ada). Jika pelajar tidak memenuhi syarat kursus audit, nama pelajar akan digugurkan daripada senarai audit. [Mesyuarat Senat Kali Ke-144 Bil.7/2016]

**“Kursus Pengkhususan”** adalah kursus-kursus yang dikenal pasti sebagai sesuatu bidang.

**“Kursus Elektif”** adalah kursus-kursus yang boleh dipilih daripada Kursus Kaedah Penyelidikan, Kursus Pendidikan dan Kursus Bidang Pengkhususan daripada mana-mana Fakulti.

**“Kursus Kaedah Penyelidikan”** ialah kursus-kursus Kaedah Penyelidikan yang ditetapkan oleh Universiti untuk pelajar mengambilnya.

**“Kursus Pendidikan”** adalah kursus-kursus berhubung dengan ilmu pendidikan yang ditawarkan oleh mana-mana Fakulti terutamanya Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia.

**“Negara Serumpun”** adalah negara yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa perantaraan. Sebagai contoh negara Indonesia, Singapura, Brunei dan Selatan Thailand.

**“Pelajar”** bermakna seseorang yang telah mendaftar untuk mengikuti Program Pengajian Siswazah di Universiti Pendidikan Sultan Idris.

**“Pemeriksa Dalam”** bermakna ahli akademik yang dicadangkan oleh Fakulti dan diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah untuk menilai tesis pelajar.

**“Pemeriksa Luar”** bermakna pakar dari luar Universiti diperakukan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah Universiti dan dilantik oleh Senat untuk menilai tesis pelajar.

**“Penasihat Akademik”** bermakna seseorang ahli akademik yang dilantik oleh Fakulti untuk menasihati hal-hal akademik seseorang pelajar.

**“Pendaftaran Kursus”** bermakna pendaftaran pelajar melalui sistem atas talian pada setiap awal semester berpandukan takwim yang diluluskan Senat.

**“Pendaftaran Semester”** bermakna pendaftaran pelajar melalui sistem atas talian pada setiap semester pengajian bagi mengaktifkan diri sebagai pelajar universiti.

**“Penilaian”** bermakna sebarang bentuk penaksiran untuk mengukur pencapaian akademik pelajar.

**“Penyelia”** bermakna ahli akademik yang dicadangkan oleh Fakulti dan diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah untuk menyelia tesis pelajar.

**“Penyelia Bersama/Penyelia Bersekutu”** bermakna ahli akademik yang dilantik bersama-sama dengan Penyelia oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah untuk menyelia penyelidikan dan penyediaan tesis pelajar.

**“Program Pengajian”** bermakna kumpulan-kumpulan kursus, latihan dan penyelidikan atau gabungan kursus, latihan dan penyelidikan yang dirancang dan ditawarkan bagi memenuhi keperluan untuk anugerah Ijazah Doktor Pendidikan yang diluluskan oleh Senat.

**“Senat”** bermakna badan tertinggi yang mempunyai kuasa muktamad ke atas segala hal akademik yang ditubuhkan menurut peruntukan seksyen 20(1) Perlembagaan Universiti Pendidikan Sultan Idris 1998.

**“Sistem Maklumat Pelajar”** bermakna sistem yang dibina dan dikawal selia oleh IPS bagi tujuan penyimpanan data dan rekod pelajar.

**“Slip Pendaftaran”** bermakna slip yang mengandungi maklumat kursus yang didaftar oleh pelajar.

**“Struktur Program”** bermakna susunan program yang ditawarkan oleh Institut Pengajian Siswazah.

**“Tesis”** bermakna laporan kajian akademik yang dikemukakan oleh pelajar siswazah bagi memenuhi syarat keperluan program pengajian Doktor Pendidikan.  
[Mesyuarat Senat Kali Ke-171 Bil.10/2018]

**“Tesis Mutakhir”** bermakna naskhah tesis yang telah disempurnakan selepas lulus Viva Doktor Pendidikan.

**“Tempoh Pengajian”** bermakna tempoh masa yang ditetapkan kepada pelajar untuk melengkapkan struktur pengajian Doktor Pendidikan.

**“Universiti”** bermakna Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

**“Viva”** bermakna peperiksaan lisan yang dianggotai Ahli Jawatankuasa Pemeriksa Tesis.

**“Artikel Jurnal”** Koleksi kertas penyelidikan atau artikel ilmiah yang diterbitkan setelah disemak oleh sidang editor yang dilantik oleh suatu jawatankuasa atau badan berauliah (artikel yang diterima untuk diterbitkan di mana-mana jurnal yang diiktiraf oleh IPS).

**“Penulis Pertama”** Kajian/penyelidikan yang dihasilkan dan dihantar/dibentangkan oleh pelajar dalam artikel jurnal/seminar atau persidangan (nama penulis yang pertama dalam penulisan).

**“Penulis Bersama”** Kajian/penyelidikan yang dihasilkan dan dibentangkan oleh individu yang beralamatkan Universiti Pendidikan Sultan Idris. Individu dalam konteks ini ialah pensyarah/penyelia pelajar (nama berikutnya selepas nama pelajar).

**“Jurnal Berwasit”** Artikel yang diterbitkan telah melalui proses perwasitan (*review*) oleh beberapa orang pakar bidang yang dilantik oleh pihak jurnal.

### 3. KELAYAKAN MASUK

- 3.1 Ijazah Sarjana daripada Universiti Pendidikan Sultan Idris atau daripada mana-mana institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Senat; atau
- 3.2 Kelayakan lain yang diiktiraf oleh Senat; dan
- 3.3 Memenuhi syarat khas program yang ditetapkan oleh Fakulti yang berkenaan jika berkaitan.
- 3.4 Calon pelajar antarabangsa disyaratkan lulus syarat keperluan Bahasa Inggeris seperti yang telah ditetapkan. (rujuk Garis Panduan Pengambilan Pelajar Pengajian Siswazah)
- 3.5 Calon antarabangsa yang ingin menulis dan membentangkan tesis selain daripada Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu perlu mendapatkan kelulusan khas daripada Senat dan memenuhi syarat Bahasa Inggeris yang telah ditetapkan.  
(rujuk Garis Panduan Pengambilan Pelajar Pengajian Siswazah)

### 4. PERMOHONAN

- 4.1 Permohonan hendaklah dibuat secara atas talian.
- 4.2 Permohonan hendaklah diisi dengan lengkap dan betul, dan mematuhi semua syarat atau keperluan seperti yang dinyatakan dalam borang berkenaan.

### 5. STRUKTUR PROGRAM

- 5.1 Pengajian melibatkan kursus dan penyediaan tesis.

## **6. PENDAFTARAN**

- 6.1 Pelajar hendaklah mendaftar semester dengan membayar yuran pada tarikh yang ditetapkan untuk setiap semester mengikut struktur program pengajian yang ditawarkan Universiti.
- 6.2 Pendaftaran semester hendaklah dibuat pada tarikh yang ditetapkan pada awal semester untuk membolehkan pelajar mengikuti kursus atau membuat penyelidikan seperti yang telah didaftarkan dalam semester berkenaan.
- 6.3 Kelewatan pendaftaran semester pada tarikh yang ditetapkan akan dikenakan denda.

## **7. PENANGGUHAN KEMASUKAN**

- 7.1 Calon boleh membuat penangguhan kemasukan untuk tempoh satu (1) semester sahaja.
- 7.2 Permohonan penangguhan kemasukan hendaklah dibuat secara bertulis kepada Dekan Institut Pengajian Siswazah dalam tempoh tujuh (7) minggu selepas hari kemasukan.
- 7.3 Sekiranya calon gagal untuk membuat permohonan penangguhan dalam tempoh yang ditetapkan, tawaran akan terbatal.

## **8. PENDAFTARAN KURSUS DAN TESIS**

- 8.1 Calon hendaklah membuat pendaftaran kursus dan tesis seperti yang ditawarkan mengikut syarat dan takwim yang ditetapkan oleh Senat.
- 8.2 Pendaftaran jam kredit adalah 12 jam kredit setiap semester.
- 8.3 Pelajar boleh mendaftar tesis pada awal setiap semester selepas menyempurnakan 24 jam kredit.
- 8.4 Kelewatan pendaftaran selepas minggu kedua kuliah akan dikenakan denda.

## **9. PENANGGUHAN PENGAJIAN**

- 9.1 Pelajar boleh membuat permohonan untuk menangguhkan pengajian dari Institut Pengajian Siswazah dengan sokongan Fakulti.
- 9.2 Kelulusan penangguhan pengajian tertakluk kepada persetujuan Dekan Institut Pengajian Siswazah.
- 9.3 Tempoh penangguhan pengajian adalah tidak boleh dua (2) semester berturut-turut kecuali atas sebab kesihatan.
- 9.4 Pelajar yang memohon penangguhan pengajian atas sebab kesihatan hendaklah terlebih dahulu mendapatkan perakuan daripada Doktor Kerajaan atau Pegawai Perubatan Universiti atau Doktor Panel Universiti.
- 9.5 Penangguhan atas sebab kesihatan dibenarkan tiga (3) kali sepanjang pengajian.  
[Mesyuarat Senat Kali Ke-205 Bil.9/2021]
- 9.6 Permohonan penangguhan pengajian atas sebab lain daripada sebab kesihatan boleh juga dipertimbang dan diperakuan oleh Dekan Institut Pengajian Siswazah. Permohonan hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya pada minggu ke-7 takwim akademik semester berkenaan.
- 9.7 Tempoh pengajian dalam masa penangguhan atas sebab kesihatan tidak diambil kira dalam pengiraan tempoh pengajian maksimum program pengajian.
- 9.8 Semasa dalam penangguhan pengajian, pelajar hilang taraf sebagai pelajar Universiti sehingga mendaftar semula pengajiannya.

- 9.9 Pelajar yang menyambung pengajian selepas genap tempoh penangguhan yang diluluskan dikehendaki mendaftar semula.
- 9.10 Pelajar yang berada dalam semester akhir/ maksimum pengajian tidak layak untuk menangguhkan pengajian. [Mesyuarat Senat Kali Ke-205 Bil.9/2021]

## **10. PENAMBAHAN DAN PENGGUGURAN KURSUS**

- 10.1 Pelajar dibenarkan menggugurkan kursus yang telah didaftarkan dalam masa tujuh (7) minggu daripada tarikh semester bermula.
- 10.2 Penambahan atau pengguguran kursus hendaklah memenuhi keperluan 12 jam kredit yang perlu diambil dalam suatu semester.
- 10.3 Kelewatan membuat penambahan kursus selepas minggu kedua atau pengguguran kursus selepas minggu ketujuh semester berkenaan akan dikenakan denda.

## **11. PEMBENTANGAN CADANGAN PENYELIDIKAN**

- 11.1 Pelajar diwajibkan menghadiri sekurang-kurangnya satu (1) kali pembentangan cadangan penyelidikan sebelum pelajar menjalani sesi pembentangan cadangan penyelidikan. Surat tamat pengajian dan transkrip tidak akan diserahkan sekiranya pelajar tidak memenuhi keperluan ini. [Mesyuarat Senat Kali Ke-159 Bil.10/2017]
- 11.2 Setiap pelajar hendaklah menyedia dan membentangkan cadangan penyelidikan di peringkat Fakulti setelah mendapat perakuan daripada penyelia.
- 11.3 Cadangan penyelidikan perlu disemak dan diluluskan oleh Jawatankuasa Pemeriksa Cadangan Penyelidikan Fakulti.
- 11.4 Tempoh maksimum yang diberikan kepada Pelajar Ijazah Doktor Pendidikan (Ed.D) untuk membuat pembentangan cadangan penyelidikan ialah seperti berikut:

Status pengajian	Pelajar perlu membuat pembentangan cadangan penyelidikan pada
Sepenuh Masa/Separuh Masa	*Semester mendaftar Tesis (Semester 4)

\*Nota: Sebelum semester berakhir

- 11.5 Status KURANG MEMUASKAN (KM) akan diberi kepada pelajar sekiranya masih belum membuat pembentangan cadangan penyelidikan selepas semester mendaftar Tesis (bagi pelajar sepenuh masa dan bagi pelajar separuh masa), walaupun pelajar telah menghantar laporan kemajuan penyelidikan (LKPS) dan penyelia memberi status memuaskan. Berikut merupakan tahap penilaian pelajar yang ditetapkan:

Status pengajian		Status yang akan diterima
Selepas semester kedua mendaftar Tesis (sepenuh masa & separuh masa)	Kali Pertama	KM (Kurang memuaskan)
Selepas semester ketiga mendaftar Tesis (sepenuh masa & separuh masa)	Kali Kedua	TM (Tidak memuaskan)
Selepas semester keempat mendaftar Tesis (sepenuh masa & separuh masa)	Kali Ke- 3	TM dan diberhentikan (status TM dua kali berturut-turut)

- 11.6 Pelajar yang telah membuat pembentangan cadangan penyelidikan tetapi perlu membuat pindaan terhadap cadangan penyelidikan tersebut dan melakukan pembentangan kali kedua adalah tertakluk kepada tempoh masa seperti berikut:

Status pengajian	Maksimum tempoh pembetulan dan pembentangan semula	Status yang akan diterima sekiranya gagal mengikut tempoh yang ditetapkan
Sepenuh masa & Separuh masa	Sebelum minggu keempat belas semester berikutnya	KM (Kurang memuaskan) - kali pertama
		TM (Tidak memuaskan) - kali kedua

## 12. TEMPOH PENGAJIAN

- 12.1 Tempoh pengajian bagi pelajar sepenuh masa adalah \*minimum enam (6) semester (3 tahun) dan maksimum sepuluh (10) semester (5 tahun). [Mesyuarat Senat Kali Ke-199 Bil. 3/2021]
- 12.2 Tempoh pengajian bagi pelajar separuh masa adalah \*minimum lapan (8) semester (4 tahun) dan maksimum empat belas (14) semester (7 tahun). [Mesyuarat Senat Kali Ke-199 Bil.3/2021]
- 12.3 Walau bagaimanapun, Senat boleh memberi pengecualian bagi pelajar cemerlang yang dapat menamatkan pengajian dalam masa yang singkat.
- 12.4 Pertukaran status pengajian dibenarkan **dua (2) kali** sahaja sepanjang tempoh pengajian. Pihak Universiti berhak ke atas penawaran status pengajian yang ditawarkan pada setiap semester.
- 12.5 Permohonan pertukaran status pengajian perlu dilakukan selewat-lewatnya sebelum semester akhir bermula.
- 12.6 Pelajar boleh membuat permohonan pelanjutan tempoh pengajian selewat-lewatnya tiga (3) bulan sebelum semester terakhir berakhir. Permohonan pelanjutan yang dibenarkan adalah sebanyak empat (4) semester dengan maksimum dua (2) semester untuk setiap permohonan, tertakluk kepada peratusan status tesis. [Mesyuarat Senat Kali Ke-205 Bil.9/2021]
- 12.7 Pelajar yang diluluskan pelanjutan tidak dibenarkan menangguh pengajian pada semester tersebut kecuali atas sebab-sebab kesihatan yang disahkan oleh pegawai perubatan. [Mesyuarat Senat Kali Ke-205 Bil.9/2021]

\* Tempoh ini adalah sehingga peringkat penyerahan tesis.

## 13. SYARAT BERMASTAUTIN

- 13.1 Pelajar perlu memenuhi syarat bermastautin yang ditetapkan seperti berikut:

STATUS PENGAJIAN	*SYARAT BERMASTAUTIN
Sepenuh Masa	Pelajar perlu berada di kampus/lapangan secara fizikal tertakluk pada budi bicara Dekan/Timbalan Dekan (kecuali bagi pelajar antarabangsa yang mendaftar secara program khas).
Separuh Masa	Pelajar perlu berada di kampus/lapangan secara fizikal tertakluk pada budi bicara Dekan/Timbalan Dekan.

\*Tertakluk kepada keperluan program dan Fakulti

[Mesyuarat Senat Kali Ke-162 Bil.1/2018]

## 14. KEHADIRAN KULIAH

- 14.1 Pelajar dikehendaki hadir semua pertemuan yang ditentukan bagi sesuatu kursus berbentuk kuliah atau tutorial, termasuk Hadir Wajib (HW) yang ditentukan oleh fakulti.
- 14.2 Pelajar yang tidak memenuhi peraturan di atas bagi mana-mana kursus tanpa sebab-sebab yang boleh diterima oleh Senat, tidak dibenarkan menduduki peperiksaan untuk kursus berkenaan.

- 14.3 Pelajar yang tidak memenuhi 80% kehadiran kuliah atau tutorial akan dihalang daripada mengambil peperiksaan.
- 14.4 Pelajar diwajibkan berjumpa penyelia mengikut kekerapan yang ditentukan oleh Fakulti dan merekodkan pertemuan tersebut.
- 14.5 Di akhir setiap semester, pelajar perlu menghantar Laporan Kemajuan Penyelidikan Siswazah ke Fakulti untuk dimajukan ke Institut Pengajian Siswazah.
- 14.6 Kegagalan pelajar memenuhi keperluan di atas akan diberikan status Tidak Memuaskan (TM). Status TM dua (2) semester berturut-turut akan diberikan status Gagal dan Diberhentikan.

## 15. PEMINDAHAN KREDIT

- 15.1 Pelajar boleh memohon untuk mendapatkan pemindahan kredit bagi kursus-kursus daripada mana-mana institusi yang diperakui oleh Senat.
- 15.2 Kelulusan untuk pemindahan kredit akan diputuskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah Fakulti.
- 15.3 Jumlah pemindahan kredit maksimum adalah dua belas (12) kredit kecuali kursus Kaedah Penyelidikan.
- 15.4 Kursus yang ingin dipindahkan kredit mesti mempunyai gred minimum "B" dan tempoh kursus yang diambil tidak melebihi lima (5) tahun daripada tarikh permohonan dibuat.
- 15.5 Kursus yang dipohon perlu setara sekurang-kurangnya 75% daripada segi kandungan kursus dengan kursus yang perlu diambil di UPSI.
- 15.6 Fakulti menentukan kelulusan jenis kursus yang boleh dibenarkan untuk perpindahan kredit.
- 15.7 Bagi pelajar yang menukar program, gred bagi kursus yang tidak berkaitan akan digugurkan.
- 15.8 Bagi pelajar yang menarik diri daripada pengajian, mereka boleh mendaftar semula sebagai pelajar baharu tetapi tidak boleh membuat pemindahan kredit. Pindah kredit hanya dibenarkan kepada pelajar yang telah mempunyai Ijazah Sarjana & ingin mendaftar Program Sarjana yang lain pula.

## 16. TESIS

- 16.1 Tesis hendaklah tidak kurang daripada 50,000 patah perkataan dan tidak melebihi 60,000 patah perkataan. [Mesyuarat Senat Kali Ke-141 Bil.4/2016]
- 16.2 Tesis hendaklah disediakan menurut format dan gaya penulisan yang ditentukan oleh Universiti.
- 16.3 Tesis boleh ditulis dalam bahasa Melayu atau dalam bahasa Inggeris. Abstrak hendaklah ditulis dalam kedua-dua bahasa.
- 16.4 Sesuatu tesis yang telah diterima untuk penganugerahan ijazah dari universiti lain tidak boleh diterima untuk penganugerahan ijazah untuk Universiti ini.
- 16.5 Seseorang pelajar yang mengikuti struktur program ini yang bercadang menyerahkan tesisnya untuk diperiksa hendaklah:

- 16.5.1 menghantar notis berserta bukti pembayaran yuran pemeriksaan tesis kepada IPS dengan menggunakan borang khas sekurang-kurangnya tiga (3) bulan lebih awal daripada tarikh penyerahan tesis untuk diperiksa dengan persetujuan penyelia (setelah tesis disiapkan sebanyak 80%).
- 16.5.2 menyerahkan enam (6) naskhah tesis yang berkulit lembut berjilid untuk pemeriksaan berserta laporan *turnitin*.
- 16.6 Pelajar hendaklah menyerahkan tiga (3) naskhah Tesis Mutakhir yang telah diperiksa dan formatnya diluluskan oleh Institut Pengajian Siswazah, berjilid dan dua (2) salinan cakera padat (CD) dalam format PDF, sebelum bergraduat.
- 16.7 Hasil kajian dan tesis adalah hak milik Universiti.
- 16.8 Pelajar boleh menerbitkan hasil penyelidikannya dengan syarat dipersetujui oleh penyelia dan mengandungi penghargaan yang sepatutnya kepada Universiti.

## 17. KEPERLUAN PENERBITAN

- 17.1 Pelajar wajib menghasilkan dua (2) \*artikel jurnal/artikel *refereed journal article* sebelum layak bergraduat. Pelajar mestilah menjadi penulis utama.  
\*telah diterima untuk diterbitkan.

## 18. PENYELIAAN TESIS

- 18.1 Senat hendaklah melantik ahli akademik dari mana-mana Fakulti sebagai Penyelia dan/atau Penyelia Bersama dan/atau Penyelia Bersekutu daripada mana-mana IPTA atau institusi lain yang berwibawa untuk menyelia penyelidikan dan penyediaan tesis.
- 18.2 Pelantikan Penyelia/Penyelia Bersama/Bersekutu hendaklah diperakukan oleh Fakulti dan diluluskan Jawatankuasa Pengajian Siswazah.
- 18.3 Pertukaran Penyelia dibenarkan dengan sokongan daripada Fakulti dan persetujuan penyelia asal dan penyelia baharu serta, diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.
- 18.4 Penyelia Bersama/Bersekutu boleh terdiri daripada ahli akademik universiti luar dan/atau pakar dari organisasi luar.
- 18.5 Pelajar hendaklah mengemukakan Laporan Kemajuan Penyelidikan Siswazah pada setiap semester sepanjang tempoh pengajiannya kepada pihak Fakulti dan dimajukan ke IPS menggunakan kaedah yang ditetapkan Institut Pengajian Siswazah.

## 19. PENILAIAN DAN PEPERIKSAAN

- 19.1 Seorang pelajar mesti menjelaskan segala yuran pengajian sebelum dibenarkan mengambil sebarang peperiksaan.
  - 19.1.1 Peperiksaan Kursus
    - 19.1.1.1 Peperiksaan bagi kursus terdiri daripada peperiksaan bertulis, projek, penilaian pembentangan seminar dan lain-lain yang dianggap sesuai dengan kursus.
    - 19.1.1.2 Pelajar semester akhir yang gagal satu kursus dibenarkan menduduki Peperiksaan Khas dalam masa empat (4) minggu selepas keputusan diumumkan.

19.1.1.3 Peperiksaan Gantian boleh diberikan kepada pelajar yang tidak dapat mengambil peperiksaan yang telah ditetapkan atas sebab-sebab kecemasan dalam masa dua (2) minggu selepas minggu peperiksaan berakhir dengan kelulusan Dekan IPS melalui Dekan Fakulti.

## 19.2 Peperiksaan Tesis

19.2.1 Tesis akan diperiksa oleh seorang (1) pemeriksa dalaman dan seorang (1) pemeriksa luar yang dilantik oleh Senat Universiti berdasarkan pencalonan dari Fakulti.

19.2.2 Penyelia boleh hadir sebagai pemerhati serta memberi pandangan (jika perlu) kepada Jawatankuasa Viva.

19.2.3 Laporan penilaian tesis oleh Pemeriksa Dalam dan Pemeriksa Luar hendaklah berpandu kepada Borang Penilaian Tesis.

19.2.4 Urusan pengendalian viva hendaklah dibuat oleh Institut Pengajian Siswazah.

19.2.5 Laporan Pemeriksa Dalam dan Pemeriksa Luar hendaklah dihantar ke Institut Pengajian Siswazah sebelum Viva diadakan.

19.2.6 Ahli Jawatankuasa Viva terdiri daripada:

- Pengerusi: Timbalan Naib Canselor / Profesor / Profesor Madya yang mempunyai sekurang-kurangnya tiga (3) tahun pengalaman (bidang yang berbeza) yang dilantik oleh IPS  
[Mesyuarat Senat Kali Ke-186 Bil.01/2020]
- Ahli: Dekan Fakulti atau wakilnya
- Ahli: Pemeriksa Dalam
- Ahli: Pemeriksa Luar
- Ahli: Dekan IPS atau wakilnya (wakil adalah yang dilantik dalam kalangan ahli akademik di luar Fakulti calon yang dinilai)
- Setiausaha: Pegawai Tadbir IPS  
(Nota: Minit pembetulan dicatat oleh penyelia dan disahkan oleh pengerusi)  
[Mesyuarat Senat Kali Ke-136 Bil.11/2015]

Catatan: Minimum satu (1) orang pemeriksa mesti hadir. Bagi yang tidak hadir, laporan akan dibaca oleh pengerusi.

19.2.7 Perakuan penilaian tesis oleh Jawatankuasa Viva hendaklah dibentangkan untuk kelulusan Senat bagi:

- menganugerahkan Ijazah Doktor Pendidikan kepada pelajar tanpa pindaan kepada tesis; atau
- menganugerahkan Ijazah Doktor Pendidikan kepada pelajar tertakluk kepada pembetulan kecil seperti kesilapan taip, ejaan, tanda baca, memperjelaskan fakta, hujah dan kesimpulan seperti yang disyorkan oleh Jawatankuasa Viva. Calon diberi masa tidak melebihi tiga (3) bulan untuk memperbaikinya. Pembetulan tesis hanya perlu disahkan oleh Penyelia sahaja; atau
- menganugerahkan Ijazah Doktor Pendidikan kepada pelajar tertakluk kepada pembetulan sederhana besar seperti memperjelaskan fakta, hujah dan kesimpulan serta menulis semula sebahagian daripada tesis seperti yang disyorkan oleh Jawatankuasa Viva. Calon diberi masa tidak melebihi enam (6) bulan untuk memperbaikinya. Pembetulan tesis hanya perlu disahkan oleh Penyelia dan Pemeriksa Dalam jika diputuskan dalam Jawatankuasa Viva.; atau

- menganugerahkan Ijazah Doktor Pendidikan kepada pelajar tertakluk kepada pembetulan besar seperti menganalisis semula data, membuat semula kesimpulan dan menulis semula sebahagian tesis. Tesis yang diperbaiki ini perlu diperiksa semula dan diperakurkan oleh Jawatankuasa Viva. Calon diberi masa tidak melebihi dua belas (12) bulan untuk membuat pindaan; atau
- Gagal dan tidak dianugerahkan Ijazah Doktor Pendidikan.

#### 19.2.8 Gred Tesis

Gred berikut boleh diberi untuk pencapaian sesuatu tesis:

- a) Lulus, atau
- b) Gagal

#### 19.2.9 Jawatankuasa Pemeriksa boleh memperakurkan supaya tesis yang mencapai taraf tinggi dianugerahi gred Lulus Cemerlang.

#### 19.3 Tempoh masa penghantaran semula tesis untuk pembetulan 12 bulan

- 19.3.1 Penghantaran semula tesis kepada pihak IPS untuk diserahkan kepada pemeriksa adalah selepas **enam (6) bulan** viva berlangsung.
- 19.3.2 Pelajar perlu memastikan setiap pembetulan yang dinyatakan oleh pemeriksa dibuat sepenuhnya. Penyelia juga dengan tempoh masa yang ada dapat menyemak tesis pelajar dengan lebih terperinci.

### 20. PENGANUGERAHAN IJAZAH

#### 20.1 Nama ijazah yang dianugerahkan ialah Ijazah Doktor Pendidikan (mengikut bidang yang berkaitan).

#### 20.2 Penganugerahan ijazah ini adalah tertakluk kepada:

- 20.2.1 Memenuhi kesemua syarat-syarat bergraduat bagi program pengajian yang ditetapkan;
- 20.2.2 Lulus kesemua kursus yang ditetapkan.
- 20.2.3 Mencapai sekurang-kurangnya PNGK 3.00.
- 20.2.4 Lulus Tesis.

#### 20.3 Keputusan peperiksaan seseorang pelajar hendaklah mendapat pengesahan Senat Universiti.

### 21. SISTEM PENGGREDAN

#### 21.1 Pelajar akan diberi gred dan nilai bagi setiap kursus seperti Jadual 1 berikut:

Jadual 1 : Sistem Penggredan Kursus

MARKAH	GRED	NILAI
80-100	A	4.00
75- 79	A-	3.75
70-74	B+	3.45
65-69	B	3.00
60-64	C+	2.75
59 dan ke bawah	F	0.00

- 21.2 Status yang berikut juga diberikan:
- |     |                                     |
|-----|-------------------------------------|
| TL  | : Tidak Lengkap                     |
| SM  | : Sedang Maju                       |
| TM  | : Tidak Memuaskan                   |
| AU  | : Audit                             |
| X   | : Dihalang/ Lewat hadir peperiksaan |
| KA  | : Kecurangan Akademik               |
| G   | : Gugur                             |
| KM  | : Kurang Memuaskan                  |
| XAU | : Tidak Memenuhi Syarat Audit       |

**NOTA:**

- Gred F diberi jika pelajar siswazah tidak mengambil peperiksaan (bagi kursus yang mempunyai peperiksaan akhir) atau tidak memenuhi pemberatan kursus yang telah ditetapkan atas sebab yang tidak dapat diterima oleh Senat Universiti.
- Status X diberi jika pelajar dihalang daripada mengambil peperiksaan atas sebab kehadiran dalam kuliah atau tutorial kurang daripada 80%.
- Status X diberi jika pelajar siswazah lewat 30 minit dihalang memasuki dewan peperiksaan tanpa sebab yang munasabah.
- Status TL boleh diberi jika pelajar siswazah tidak melengkapkan mana-mana keperluan tugas bagi sesuatu kursus kecuali peperiksaan atau ujian dan perlu dilengkapkan sebelum minggu kedua semester berikutnya, tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
  - Permohonan untuk mendapatkan status TL hendaklah dikemukakan kepada Dekan Institut Pengajian Siswazah setelah mendapat persetujuan pensyarah berkenaan dan dibuat sebelum berakhirnya minggu ke-12 semester berkenaan; dan
  - Status TL hendaklah ditebus dalam tempoh yang ditetapkan oleh Dekan Institut Pengajian Siswazah.
- Status SM/TM akan diberi jika pelajar mendaftar kursus secara berpanjangan atau dalam proses menyediakan tesis secara memuaskan (SM) atau tidak memuaskan (TM).
- Status AU akan diberi kepada pelajar yang mendaftar kursus secara audit.
- Pelajar yang mendapat Status X boleh menduduki Peperiksaan Gantian dengan kelulusan Dekan Institut Pengajian Siswazah
- Pelajar semester akhir pengajian yang memerlukan pengijazahan dibenarkan menduduki Peperiksaan Khas dengan kelulusan Dekan Institut Pengajian Siswazah.
- Pelajar yang mendapat Status X dan tidak mendapat kebenaran menduduki semula Peperiksaan Gantian akan dikira sebagai Gagal.
- Bagi pelajar yang menukar program, status G akan diberikan kepada kursus yang tidak setara dengan kursus baharu.
- Pelajar lulus lemah (gred C+) boleh mengulang kursus berkenaan untuk memperbaiki PNGKnya dan gred terbaik akan menggantikan gred lama. Gred lama akan direkodkan dan nilainya tidak diambil kira dalam pengiraan PNGK.

l) Sistem pengiraan PNGS dan PNGK:

PNGS: Jumlah Nilai Gred Satu Semester  
Jumlah Nilai Kredit Yang Diambil Pada Semester Berkenaan

PNGK: Jumlah Nilai Gred Keseluruhan Semester  
Jumlah Nilai Kredit Yang Diambil Pada Semua Semester

## 22. SYARAT-SYARAT UNTUK MENERUSKAN PENGAJIAN

### 22.1 Taraf Lulus

- Pelajar yang mendapat PNGK 3.00 atau lebih dalam semester berkenaan adalah dianggap Lulus dan layak meneruskan pengajian ke semester berikutnya.
- Menunjukkan kemajuan memuaskan dalam penyediaan tesis dan mendapat status Sedang Maju (SM) pada setiap semester.

### 22.2 Meneruskan pengajian ke peringkat tesis

- Pelajar boleh mendaftar tesis pada awal setiap semester selepas menyempurnakan 24 jam kredit.

### 22.3 Taraf Lulus Bersyarat

- Pelajar yang mendapat PNGK kurang daripada 3.00 dan sekurang-kurangnya 2.00 pada akhir semester berkenaan adalah Lulus Bersyarat.

### 22.4 Taraf Gagal

- Pelajar yang mendapat PNGK kurang daripada 2.00 dalam sesuatu semester adalah Gagal dan Diberhentikan;
- Pelajar yang mendapat PNGK kurang daripada 3.00 atau Lulus Bersyarat (LB) dalam dua (2) semester berturut-turut adalah Gagal dan Diberhentikan.

### 22.5 Mengulang Kursus

- Pelajar yang mendapat gred C+ dalam mana-mana kursus boleh mengulang kursus berkenaan untuk memperbaiki PNGK dan gred terbaik akan menggantikan gred lama.
- Pelajar yang gagal mana-mana kursus (gred F) hendaklah mengulang kursus tersebut pada semester berikutnya. Hanya dua kali pengulangan dibenarkan dan gred terbaik (C+ ke atas) akan menggantikan gred lama.

## 23. PEMBERHENTIAN PENGAJIAN

### 23.1 Senat berhak memberhentikan seseorang pelajar yang didapati memberi maklumat palsu bersabit dengan kemasukannya ke Universiti.

### 23.2 Pelajar boleh diberhentikan bila-bila masa dari Universiti atas mana-mana sebab berikut:

- Pelajar yang mendapat PNGK kurang daripada 2.00 dalam mana-mana semester adalah Gagal dan akan diberhentikan dari Universiti.
- Pelajar bertaraf Lulus Bersyarat (LB) mengikut keputusan peperiksaan semester yang baru lalu, yang masih tidak mencapai taraf Lulus dalam semester berikutnya adalah Gagal dan akan diberhentikan dari Universiti.

- Pelajar yang tidak memperlihatkan peningkatan kemajuan dalam penyediaan tesis setelah diberi dua (2) amaran bertulis oleh Dekan Fakulti.
  - Pelajar yang tidak memperlihatkan peningkatan kemajuan dalam penyediaan tesis dan mendapat status TM selama dua (2) semester berturut-turut.
  - Melebihi tempoh masa untuk sesuatu program pengajian.
  - Didapati melanggar Peraturan Universiti.
- 23.3 Pelajar yang menerima status **Gagal** dan **Diberhentikan** dan **Diberhentikan** boleh membuat rayuan ke Universiti melalui Fakulti secara bertulis dan bertakluk kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pengajian Siswazah.
- 23.4 Rayuan perlu dibuat dalam tempoh tiga (3) minggu daripada tarikh surat pemberitahuan pemberhentian atau selepas kelulusan Mesyuarat Senat. Sebarang rayuan yang diterima selepas tempoh yang disebut tidak akan dipertimbangkan.
- 23.5 Rayuan hendaklah disertakan dengan bayaran yang ditetapkan dan bayaran ini tidak boleh dituntut balik.

## 24. GUGUR STATUS SEBAGAI PELAJAR

- 24.1 Status seseorang pelajar universiti akan gugur sekiranya gagal untuk menjelaskan yuran pengajian atau bayaran lain dalam masa yang ditetapkan, tidak mendaftar semester, mendaftar kursus atau membuat penangguhan pengajian secara bertulis kepada pihak Institut Pengajian Siswazah selepas berakhir minggu **ketujuh (7)** semester.
- 24.2 Pelajar yang gugur statusnya boleh merayu kepada pihak Institut Pengajian Siswazah untuk meneruskan pengajian pada semester berikutnya dan semester gugur statusnya diambil kira sebagai tempoh pengajian.
- 24.3 Pelajar yang diluluskan untuk meneruskan pengajian diminta untuk membayar kos pentadbiran (*administrative fee*) kepada pihak Universiti.

## 25. PERATURAN KEWANGAN UNIVERSITI

- 25.1 Yuran hendaklah dijelaskan sepenuhnya sebelum semester bermula.
- 25.2 Pelajar boleh menuntut bayaran balik yuran jika pelajar menarik diri daripada pengajian untuk sesuatu semester dengan mengemukakan surat kelulusan dari Institut Pengajian Siswazah.
- 25.3 Kadar bayaran balik yuran adalah seperti berikut:

TEMPOH / PERKARA	KADAR BAYARAN	CATATAN
Menolak tawaran atau tidak mendaftar	Keseluruhan yuran dibayar	Permohonan bayaran balik perlu dikemukakan bersama Memo / Surat Pengesahan oleh Bahagian Hal Ehwal Akademik atau Institut Pengajian Siswazah
Minggu orientasi	100% yuran-yuran kecuali pendaftaran, pemeriksaan kesihatan dan yuran pengurusan antarabangsa	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kelayakan bayaran hanya bagi semester pertama sahaja.</li> <li>• Tempoh bayaran balik yuran adalah berdasarkan tarikh permohonan menarik menarik diri.</li> <li>• Permohonan bayaran balik perlu dikemukakan bersama Surat Kelulusan Menarik Diri oleh Bahagian Hal Ehwal Akademik atau Institut Pengajian Siswazah.</li> </ul>
Tidak lebih 4 minggu (28 hari) dari tarikh permulaan semester	50% yuran-yuran kecuali pendaftaran, pemeriksaan kesihatan dan yuran pengurusan antarabangsa	
Selepas 4 minggu (28 hari) dari tarikh permulaan semester	Tiada bayaran balik	

\*Nota : Dikira daripada tarikh pendaftaran

#### 25.4 Yuran berikut tidak dibayar balik kepada pelajar:

- Yuran Suai Kenal / Pendaftaran

25.5 Tuntutan lain dari Universiti seperti denda dan bayaran ganti rugi kerosakan Kolej Kediaman perlu dijelaskan oleh pelajar dalam tempoh pengajian.

25.6 Universiti berhak membuat tuntutan kesemua yuran tertunggak walaupun pelajar berkenaan telah berhenti dari Universiti. Segala perbelanjaan yang dikeluarkan oleh Universiti untuk urusan tersebut perlu ditanggung oleh pelajar.

25.7 Pelajar yang pernah mengikuti pengajian di Universiti Pendidikan Sultan Idris pada peringkat diploma atau Ijazah Sarjana Muda, bayaran yuran bagi semester pertama akan dikecualikan yuran Alumni sebanyak RM100.00. Pelajar perlu memaklumkan kepada pihak Bendahari berkenaan maklumat pelajar dan disertakan salinan skrol pengajian sebelumnya.

25.8 Bagi pelajar yang menangguh semester sebelum minggu ke-7 takwim akademik, yuran dan bayaran lain akan dibawa ke semester berikutnya.

25.9 Surat pengesahan/kelulusan dari Institut Pengajian Siswazah hendaklah diperoleh terlebih dahulu dan dikemukakan kepada Bendahari semasa membuat tuntutan.

### 26. PERUNTUKAN AM

26.1 Senat berhak mengambil tindakan sewajarnya ke atas pelajar yang didapati bersalah mengemukakan maklumat palsu tentang kemasukan ke Universiti.

26.2 Senat, atas budi bicaranya, boleh membenarkan sebarang pengecualian yang dianggap munasabah atau meminda apa-apa peraturan yang sesuai untuk dikuatkuasakan demi kebaikan Universiti.

26.3 Segala keputusan Senat berhubung kes rayuan oleh pelajar akan diuruskan oleh Institut Pengajian Siswazah.

26.4 Pelajar bertanggungjawab untuk memahami dan mematuhi semua peraturan yang terkandung di dalam Buku Peraturan Akademik Program Pengajian Siswazah.

## JADUAL II

### KADAR DENDA DAN BAYARAN BERKAITAN PENGURUSAN PROGRAM PENGAJIAN SISWAZAH

1. Pelajar boleh dikenakan denda sekiranya gagal mematuhi mana-mana peraturan yang telah ditetapkan dalam Buku Peraturan Akademik Program Pengajian Siswazah.
2. Kadar denda adalah tertakluk kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Kali Ke-57 Bil.1/2014 seperti berikut:

BIL.	PERKARA	KADAR (RM)
1.	Kelewatan Pendaftaran Kursus	30.00 satu kursus
2.	Kelewatan Pendaftaran Semester	10.00 sehari
3.	Kelewatan Gugur Tambah Kursus secara Berkomputer	10.00 sehari
4.	Kelewatan Memulangkan Pakaian Akademik (Jubah)	10.00 sehari
5.	Pakaian Akademik (Jubah) Rosak atau Hilang	Sarjana/PhD - 400.00
6.	Hilang/Rosak <i>Mortar Board</i> (Topi)	Sarjana/PhD - 80.00
7.	Hilang/Rosak <i>Hood</i> (Selempang)	Sarjana/PhD - 50.00
8.	Hilang/Rosak Semua Pakaian Akademik	Sarjana/PhD - 450.00
9.	Hilang/Rosak Transkrip	10.00
10.	Hilang/Rosak Ijazah	60.00
11.	Hilang/Rosak Kad Matrik	50.00
12.	Lain-lain: 12.1 Kelewatan Mendaftar (Pelajar Lama) 12.2 Rayuan Semakan Semula Gred Keputusan (Kadar 1 Mata Pelajaran) 12.3 Rayuan Meneruskan Pengajian (Gagal atau Diberhentikan)	10.00 sehari 100.00 25.00

## JADUAL III

### KADAR YURAN PENTADBIRAN

\*Dikenakan pada pelajar yang memohon untuk meneruskan pengajian selepas digugurkan status sebagai pelajar.

Program	Sarjana		Doktor Falsafah	
	Tempatan	Antarabangsa	Tempatan	Antarabangsa
Kadar Yuran Pentadbiran	RM300	RM300	RM300	RM300

\*Diluluskan oleh Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE) Bil. 23/2014

## PERATURAN PEPERIKSAAN PROGRAM PENGAJIAN SISWAZAH

### 1.0 TUGAS CALON SEBELUM PEPERIKSAAN

#### 1.1 Jadual Peperiksaan

Calon hendaklah mengambil perhatian tentang jadual sesuatu peperiksaan supaya tidak berlaku kesilapan berkaitan tarikh, masa, dan tempat peperiksaan. Calon dinasihatkan supaya sentiasa melawat laman web UPSI atau portal UPSI bagi mendapatkan sebarang makluman terkini berkaitan peperiksaan. Kesilapan pelajar menyemak jadual peperiksaan tidak boleh menjadi alasan gagal menghadiri peperiksaan dan tidak membolehkan peperiksaan ganti diadakan.

#### 1.2 Kehadiran

Calon hendaklah tiba di pusat peperiksaan tepat pada waktu yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, calon dinasihatkan supaya datang 30 minit lebih awal daripada masa peperiksaan dijadualkan. **Calon tidak dibenarkan masuk ke dewan/bilik peperiksaan selepas setengah jam peperiksaan bermula.**

#### 1.3 Dokumen-dokumen yang Perlu Dibawa

Calon dikehendaki membawa kad matrik pelajar dan slip menduduki peperiksaan. Slip menduduki peperiksaan adalah dokumen rasmi yang wajib dibawa ke dewan peperiksaan. Calon yang tidak mempunyai dokumen-dokumen berkenaan tidak dibenarkan masuk ke dewan peperiksaan.

#### 1.4 Alatan yang Dibenarkan Dibawa Masuk ke dalam Dewan

Calon hanya dibenarkan membawa alat-alat seperti kotak atau beg kecil yang mengandungi pen, pensel, pembaris, mesin kira (tanpa penutup) atau peralatan lain yang dibenarkan oleh ketua pengawas/pengawas peperiksaan. **(Calon-calon dilarang membawa telefon bimbit atau apa juar alat komunikasi ke dalam dewan peperiksaan).**

#### 1.5 Masuk Ke Dewan

Calon hanya dibenarkan masuk ke dewan peperiksaan **lima belas minit sebelum peperiksaan bermula** dan diminta mengambil tempat duduk dengan senyap dan tertib. Calon perlu menyemak nombor tempat duduk berdasarkan slip menduduki peperiksaan.

### 2.0 TUGAS CALON SEMASA PEPERIKSAAN

#### 2.1 Mengisi Maklumat yang Diperlukan

Setelah mengambil tempat, calon dikehendaki:

- i. meletakkan kad pelajar dan slip menduduki peperiksaan di sudut sebelah kanan meja.
- ii. melengkapkan borang kehadiran dan meletakkannya di sudut sebelah kanan meja.
- iii. menulis nombor matrik, nombor kumpulan (jika ada), kod dan nama kursus pada setiap kertas jawapan yang digunakan.

## **2.2 Perhubungan dengan Rakan/Pengawas**

Calon tidak dibenarkan berhubung dengan calon-calon lain semasa peperiksaan diadakan sama ada melalui percakapan atau cara yang lain. Jika seseorang calon ingin berhubung dengan seseorang pengawas, dia hendaklah memberi isyarat dengan mengangkat tangan.

## **2.3 Makan, Minum dan Merokok**

Calon tidak dibenarkan makan, minum dan merokok semasa peperiksaan dijalankan.

## **2.4 Permulaan dan Penamatan Peperiksaan**

Ketua Pengawas/Pengawas akan membuat pengumuman apabila peperiksaan akan dimulakan dan ditamatkan.

## **2.5 Keluar dari Dewan Peperiksaan**

Seseorang calon dibenarkan meninggalkan dewan peperiksaan hanya jika:

- i. peperiksaan telah berlangsung selama 1 jam.
- ii. hendak ke tandas dengan keizinan ketua pengawas/pengawas dan ditemani oleh pembantu peperiksaan.

Calon **tidak dibenarkan** meninggalkan dewan/bilik peperiksaan **tiga puluh minit sebelum peperiksaan tamat**. Calon hanya dibenarkan keluar apabila semua kertas soalan dan jawapan selesai dikutip dan dikira.

## **2.6 Skrip Jawapan**

Calon hendaklah mengikat skrip jawapan peperiksaan menggunakan benang yang diberikan (jika berkaitan) dengan tertib dan kemas dan meletakkannya di sudut atas sebelah kanan meja untuk dikutip oleh Pengawas.

## **2.7 Calon Sakit**

Calon yang jatuh sakit atau uzur ketika peperiksaan dijalankan hendaklah melaporkannya kepada Ketua Pengawas yang bertugas.

# **3.0 TUGAS CALON SELEPAS TAMAT PEPERIKSAAN**

- 3.1 Calon tidak dibenarkan keluar dewan/bilik peperiksaan sehingga diberitahu oleh Ketua Pengawas/Pengawas.
- 3.2 Calon dikehendaki mengambil balik kad pelajar, dan slip menduduki peperiksaan masing-masing sebelum meninggalkan dewan/bilik peperiksaan.
- 3.3 Calon dikehendaki meninggalkan dewan peperiksaan dengan sopan dan teratur.
- 3.4 Calon dilarang membawa keluar dari dewan peperiksaan kertas-kertas jawapan peperiksaan sama ada yang masih kosong atau telah digunakan.
- 3.5 Calon dibenarkan/tidak dibenarkan membawa pulang kertas soalan peperiksaan (tertakluk kepada arahan pada kertas soalan).

# **4.0 CALON YANG TIDAK DAPAT MENGAMBIL PEPERIKSAAN**

- 4.1 Seseorang calon yang tidak dapat mengambil peperiksaan bagi mana-mana kursus yang didaftarkan hendaklah memberi sebab kegagalan menghadiri peperiksaan secara bertulis kepada Fakulti dengan disokong oleh dokumen-dokumen yang sah sebelum atau dalam masa tujuh hari selepas peperiksaan kursus berkenaan dijalankan. Calon dianggap tidak hadir peperiksaan tanpa

kebenaran dan peperiksaan gantian tidak boleh diadakan untuknya sekiranya gagal berbuat demikian.

- 4.2 Seseorang calon yang tidak dapat mengambil peperiksaan kerana kesilapan membaca jadual atau atas kelalaianya sendiri juga tidak dibenarkan mengambil sebarang peperiksaan gantian dan dianggap gagal kursus berkenaan.
- 4.3 Walaupun markah bagi tugas atau ujian-ujian lain yang telah diadakan sebelum peperiksaan adalah melebihi 60% (gred lulus).

## 5.0 KECURANGAN AKADEMIK

Kecurangan akademik bermaksud tindakan-tindakan pelajar yang melanggar perkara 6 dan perkara 8 Kaedah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tatatertib pelajar) 1999 iaitu:

- 5.1 Perkara 6, Seseorang pelajar tidak boleh memplagiat apa-apa idea, penulisan, data atau ciptaan orang lain. Bagi maksud kaedah ini, plagiarisme termasuklah:
  - a) perbuatan mengambil sesuatu idea, penulisan, data atau ciptaan orang lain dan mendakwa bahawa idea, penulisan, data atau ciptaan itu adalah hasil dapatan atau ciptaannya sendiri; atau
  - b) suatu cubaan untuk menonjolkan atau perbuatan menonjolkan dalam apa-apa cara, bahawa dia ialah sumber asal atau pencipta sesuatu idea, penulisan, data atau ciptaan yang adalah sebenarnya diambil daripada beberapa sumber lain.
- 5.2 Perkara 8, Tiada pelajar boleh -
  - a) mengambil apa-apa buku, kertas kerja, dokumen, gambar atau benda lain kecuali yang diberi kuasa oleh pemeriksa, ke dalam atau ke luar dari sesuatu bilik peperiksaan. Atau menerima apa-apa buku, kertas kerja, dokumen, gambar atau benda lain daripada mana-mana orang lain semasa peperiksaan kecuali jika telah disyorkan oleh pemeriksa atau Jawatankuasa Pemeriksa, dan diberi kuasa oleh Naib Canselor.
  - b) menulis atau telah menulis melalui orang lain apa-apa maklumat atau gambar rajah yang mungkin berkaitan dengan peperiksaan yang didudukinya di atas tangannya atau di atas mana-mana bahagian lain tubuh badannya atau di atas pakaianya.
  - c) berhubung dengan mana-mana pelajar lain (sama ada secara bersemuka atau melalui sebarang bentuk komunikasi) semasa sesuatu peperiksaan berlangsung; atau
  - d) menipu atau cuba untuk menipu atau berkelakuan mengikut cara yang boleh ditafsirkan sebagai menipu dalam sesuatu peperiksaan, semasa peperiksaan itu sedang dijalankan termasuk menggunakan alat-alat elektronik dan komunikasi.
- 5.3 Laporan kepada Pihak Berkuasa Tatatertib (PBT)

Jika didapati mana-mana pelajar melanggar mana-mana peraturan, pengawas/pemeriksa hendaklah membuat laporan kepada PBT. Jika didapati wujud kes kecurangan akademik, PBT boleh mengesyorkan kepada Senat supaya pihak tertuduh diberi status KA (Kecurangan Akademik). Pelajar yang disabitkan kesalahan oleh PBT diberi gred F atau Gagal oleh Senat. Walau bagaimanapun ini tidak menghalang PBT mengambil tindakan mengikut

- 5.4 Tindakan bagi kes Kecurangan Akademik perlu dilakukan oleh pihak PBT dalam tempoh dua (2) minggu selepas peperiksaan tamat atau selepas menerima aduan daripada pengadu.
- 5.5 Seseorang pelajar yang melakukan suatu kesalahan di bawah kaedah 6 dan 8 ini dan didapati bersalah atas kesalahan itu boleh dikenakan mana-mana satu atau mana-mana gabungan dua atau lebih hukuman yang sesuai seperti berikut:
- a) amaran;
  - b) denda tidak melebihi dua ratus ringgit;
  - c) dilarang daripada mana-mana bahagian atau bahagian-bahagian tertentu Universiti bagi tempoh yang ditetapkan;
  - d) digantung daripada menjadi seorang pelajar Universiti bagi tempoh yang ditetapkan;
  - e) dipecat dari Universiti.

## 6.0 PEPERIKSAAN GANTIAN

- 6.1 Universiti boleh membenarkan Peperiksaan Gantian bagi kes-kes kecemasan seperti berikut:
- a) Pelajar yang menghadapi masalah kesihatan dan telah mendapat pengesahan daripada doktor kerajaan atau pengawal perubatan universiti bahawa pelajar tersebut tidak berupaya dari segi mental dan fizikalnya.
  - b) Pelajar yang menghadapi masalah kematian ibu atau bapa atau ahli keluarga terdekat atau sebab-sebab lain yang tidak memungkinkan dia menghadiri peperiksaan.
  - c) Menjalankan apa-apa aktiviti yang diarahkan oleh Universiti.
- 6.2 Pelajar perlu mendapatkan kelulusan Dekan IPS melalui Dekan Fakulti untuk menduduki Peperiksaan Gantian. Peperiksaan Gantian perlu diambil dalam tempoh dua (2) minggu selepas tamat minggu peperiksaan.

## 7.0 RAYUAN SEMAKAN KEPUTUSAN AKHIR KURSUS

- 7.1 Pelajar hendaklah mengemukakan rayuan menyemak semula keputusan akhir bagi mana-mana kursus kepada Institut Pengajian Siswazah dengan mengisi borang yang ditetapkan dalam tempoh dua (2) minggu selepas keputusan peperiksaan diumumkan.
- 7.2 Pelajar hendaklah menyertakan slip bayaran sebanyak RM100.00 bagi setiap kursus yang diminta untuk disemak semula.

Borang rayuan tidak akan diterima sekiranya :

- a) dikemukakan selepas tempoh rayuan;
  - b) tidak lengkap; atau
  - c) dikemukakan tanpa resit bayaran
- 7.3 Dekan Fakulti hendaklah melantik panel pemeriksa termasuk pemeriksa asal bagi menyemak semula keputusan akhir kursus berkenaan.
- 7.4 Panel pemeriksa hendaklah mengemukakan perakuannya bagi pertimbangan Fakulti. Keputusan Fakulti mengenai rayuan semula itu dikemukakan ke

Jawatankuasa Pengajian Siswazah (JPS) untuk pengesahan Senat. Keputusan Senat adalah muktamad.

- 7.5** Keputusan rayuan semak semula akan diumumkan kepada pelajar setelah mendapat pengesahan dari Senat Universiti.

## **8.0 RAYUAN MENERUSKAN PENGAJIAN**

- 8.1** Pelajar yang menerima status **Gagal dan Diberhentikan** dan **Diberhentikan** boleh membuat rayuan kepada Universiti melalui Fakulti secara bertulis dan tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Pengajian Siswazah.
- 8.2** Pelajar boleh mengemukakan rayuan sekiranya memenuhi syarat-syarat berikut:
- Pelajar merupakan pelajar semester pertama dan boleh mengulang kursus untuk memperbaiki gred serta berkemampuan untuk memperoleh PNGK 3.00 selepas mengulangi kursus yang berkenaan.
  - Dapat menunjukkan bukti kemajuan penyelidikan yang dibuat dan disokong oleh Penyelia pelajar. Pelajar yang belum membentangkan cadangan penyelidikan tidak akan dipertimbangkan.
- 8.3** Rayuan perlu dibuat dalam tempoh tiga (3) minggu daripada tarikh surat pemberitahuan pemberhentian atau selepas kelulusan Mesyuarat Senat. Sebarang rayuan yang diterima selepas tempoh yang disebut tidak akan dipertimbangkan.
- 8.4** Rayuan untuk meneruskan pengajian perlu mendapat pengesahan Penyelia (sekiranya berkenaan).
- 8.5** Rayuan hendaklah disertakan dengan bayaran yang ditetapkan dan bayaran ini tidak boleh dituntut balik.
- 8.6** Keputusan rayuan meneruskan pengajian akan diumumkan kepada pelajar setelah mendapat pengesahan dari Jawatankuasa Pengajian Siswazah.

## LAMPIRAN A

### PANDUAN MENYEDIAKAN PROJEK SARJANA SECARA KERJA KURSUS

#### 1.0 PENGENALAN

- 1.1 Projek merupakan sebahagian daripada keperluan untuk bergraduat dalam Program Sarjana Secara Kerja Kursus. Nilainya 6 jam kredit.
- 1.2 Panduan ini boleh digunakan untuk projek di semua Fakulti. Walau bagaimanapun setiap Fakulti boleh memindanya mengikut keperluan projek di Fakulti masing-masing.
- 1.3 Pelajar boleh mendaftar kertas projek setelah lulus 6 kursus (24 kredit) dalam Program Sarjana.

#### 2.0 OBJEKTIF PENYEDIAAN PROJEK

Dengan menyediakan projek ini pelajar dapat :

- 2.1 Mengamalkan kaedah penyelidikan.
- 2.2 Mengaplikasikan ilmu dalam bidang pengkhususannya.
- 2.3 Melaksanakan pencarian dan pensintesisan ilmu.
- 2.4 Membudayakan penulisan ilmiah.
- 2.5 Menghasilkan karya asli

#### 3.0 JENIS-JENIS PROJEK

Projek boleh disediakan dalam beberapa bentuk. Berikut ialah contoh tiga jenis projek:

- 3.1 Kertas projek kajian pendek empirikal  
Projek ini boleh dikendalikan dalam bentuk kajian kes, kajian tindakan, kajian tinjauan (*survey*) atau kajian eksperimen.
- 3.2 Kertas projek penyelidikan perpustakaan
  - 3.2.1 Projek ini disediakan berdasarkan kepada kajian literatur mengenai sesuatu isu atau tema atau hipotesis.
  - 3.2.2 Ini boleh dikaji mengikut pelbagai perspektif
  - 3.2.3 Biasanya kajian ini membuat sintesis idea mengenai isu atau tema yang berkenaan secara bermakna.
  - 3.2.4 Kajian sejarah sesuatu aspek, institusi atau tokoh pendidikan
- 3.3 Kertas pembangunan produk atau modul kajian ke arah membangunkan produk dalam bentuk perisian, modul, instrumen, bahan pengajaran atau kaedah pengajaran yang inovatif.

#### 4.0 BAGAIMANA MEMILIH TAJUK PROJEK

- 4.1 Pelajar memilih tajuk projek atau apa yang hendak dikaji,
  - 4.1.1 mengikut bidang pengajiannya.
  - 4.1.2 berdasarkan topik atau tema yang dikenal pasti dalam bidang itu oleh Fakulti.

- 4.1.3 Hendaklah berorientasikan pendidikan (jika bidang pendidikan)
- 4.1.4 Mempunyai nilai kesarjanaan yang sesuai, melalui kajian yang teratur (*disciplined inquiry*)

Nota : Untuk membantu pelajar mengenal pasti tajuk projek atau perkara yang hendak dikaji, setiap Program Pengajian di Fakulti boleh mengesyorkan topik, tema, masalah utama atau persoalan utama di dalam bidang yang berkaitan. Dengan itu kajian pelajar akan menyumbang ke arah menambah pengetahuan, *insight* atau langkah-langkah pemberian pendidikan dalam topik atau bidang itu. Pelajar bolehlah membuat perbincangan awal mengenai tajuk atau perkara yang hendak dikaji dengan mana-mana pensyarah sebelum mengemukakan cadangan tajuk projek.

- 4.2 Cadangan untuk menjalankan projek itu hendaklah dibuat dengan mengisi borang yang dinamakan ‘Borang Cadangan Kertas Projek’ yang dikeluarkan oleh Fakulti. Borang ini mengandungi butir-butir berikut :

- 4.2.1 butir-butir tentang pelajar dan Fakulti.
- 4.2.2 bidang pengkhususan pelajar.
- 4.2.3 tajuk projek.
- 4.2.4 objektif projek.
- 4.2.5 pernyataan masalah dan soalan-soalan kajian.
- 4.2.6 kaedah menjalankan projek.
- 4.2.7 cadangan nama tiga (3) pensyarah yang mungkin boleh menjadi penyelia.

Nota : Borang cadangan ini hendaklah dihantar kepada Dekan Fakulti berkaitan.

## 5.0 PELANTIKAN PENYELIA

- 5.1 Borang cadangan pelajar itu akan dibawa ke satu Mesyuarat Jawatankuasa Pengajian Siswazah Fakulti atau medium lain yang sesuai. Mesyuarat ini akan membuat syor penyelia untuk pelajar. Penyelia yang dicadangkan itu boleh terdiri daripada kalangan pensyarah di Fakulti atau dari Fakulti lain, di mana sesuai.
- 5.2 Syor ini akan dibawa ke Mesyuarat Fakulti untuk kelulusan.
- 5.3 Fakulti hendaklah menulis surat kepada pelajar tentang ‘kelulusan’ untuk menjalankan projek, serta nama penyelia. Satu salinan surat kepada pelajar ini hendaklah dihantar kepada penyelia.

## 6.0 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PENYELIA

- 6.1 Memberi bimbingan akademik yang konstruktif.
- 6.2 Mencadangkan cara pengurusan masa.
- 6.3 Memelihara hubungan yang profesional.
- 6.4 Memantau projek pelajar.
- 6.5 Menilai projek mengikut kriteria yang ditetapkan.

## 7.0 PROSES PENYELIAAN

- 7.1 Pelajar perlu berjumpa dengan penyelia sekurang-kurangnya dua (2) kali sebulan.
- 7.2 Buku log penyeliaan yang disediakan oleh Institut Pengajian Siswazah / Fakulti boleh digunakan oleh pelajar, penyelia dan Fakulti untuk merekodkan aktiviti penyeliaan.
- 7.3 Kemajuan pelajar dalam projeknya hendaklah dilaporkan dalam Mesyuarat Fakulti pada akhir setiap semester, dengan nota Sedang Maju (SM) / Memuaskan (M) atau Tidak Memuaskan (TM) dengan memberi sebab kenapa kemajuan pelajar itu tidak memuaskan dan apa tindakan yang boleh diambil.

## **8.0 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PELAJAR**

- 8.1** Menepati masa: perjumpaan dan penyerahan draf.
- 8.2** Berusaha kuat secara bijaksana.
- 8.3** Mematuhi persetujuan bersama.
- 8.4** Memperlihatkan sikap suka mencari ilmu baharu.
- 8.5** Membiasakan diri dan mematuhi syarat dan peraturan berhubung dengan projek penyelidikan.
- 8.6** Memperlihatkan kemajuan kerja projek mengikut tahap-tahap yang telah dipersetujui bersama dengan penyelia.
- 8.7** Beretika dan menghormati hak milik intelek dengan memberi rujukan dan pengiktirafan sewajarnya.

## **9.0 PENYERAHAN KERTAS PROJEK**

- 9.1** Dua salinan Kertas Projek berkulit lembut yang telah siap hendaklah diserahkan kepada Dekan Fakulti melalui penyelia berkenaan dengan menggunakan ‘Borang Penyerahan Kertas Projek’ yang disediakan oleh Fakulti.
- 9.2** Dekan hendaklah melantik pemeriksa Kertas Projek pelajar ini, iaitu Penyelia pelajar dan seorang lagi pemeriksa. Kedua-dua pemeriksa akan menyelaraskan markah akhir Kertas Projek ini.
- 9.3** Pemeriksa diberi tempoh 14 hari untuk memeriksa Kertas Projek pelajar, dengan menggunakan borang ‘Pemeriksaan Kertas Projek’.
- 9.4** Skema markah dan gred UPSI hendaklah diguna pakai.

## **10.0 KRITERIA PENILAIAN**

Kualiti projek dan laporannya dinilai berdasarkan amnya kepada perkara - perkara berikut:

- a. Memenuhi objektif penyelidikan.
- b. Mempunyai fokus yang jelas.
- c. Kesesuaian kaedah penyelidikan yang digunakan.
- d. Hujah yang *logical* dan ‘*coherent*’.
- e. Penulisan yang jelas daripada segi
  - i. Kesinambungan antara bahagian
  - ii. Penggunaan bahasa yang betul
  - iii. Gaya yang sesuai dan konsisten.
- f. Rujukan yang relevan dan terkini.
- g. Lampiran yang relevan.

## **11.0 PENYERAHAN NASKAH TERAKHIR UNTUK UNIVERSITI**

Tiga (3) salinan Kertas Projek berjilid kulit keras berwarna merah hati berserta dua (2) salinan CD (Format PDF) hendaklah diserahkan kepada Dekan Fakulti untuk simpanan pejabat Dekan Fakulti.

## LAMPIRAN B

### GARIS PANDUAN PEPERIKSAAN KOMPREHENSIF (Pindaan Senat Kali Ke-203 Bil.7/2021)

#### 1. PENGENALAN

Garis Panduan ini disediakan untuk memberi panduan kepada pihak Fakulti dan Pusat Tanggungjawab (PTj) berkaitan pelaksanaan Peperiksaan Komprehensif kepada pelajar-pelajar Pascasiswa.

#### 2. KATEGORI

Pelajar Ijazah Sarjana secara Mod Kerja Kursus diberi pilihan sama ada memilih untuk menduduki Peperiksaan Komprehensif atau melaksanakan Kertas Projek mulai Semester 1 Sesi 2013/2014. (Senat Kali Ke-110 Bil.9/2013)

#### 3. PELAKSANAAN

- 3.1 Pelajar Ijazah Sarjana Mod Kerja Kursus yang membuat pilihan Peperiksaan Komprehensif akan menduduki peperiksaan tersebut pada semester akhir pengajian sebagai syarat bergraduat.
- 3.2 Pelajar yang membuat pilihan Peperiksaan Komprehensif juga perlu menambah dua (2) kursus bidang pengkhususan untuk mencukupkan jumlah kredit minimum untuk bergraduat sebagai syarat untuk mengambil Peperiksaan Komprehensif. (Senat Kali Ke-82 Bil.1/2011)
- 3.3 Penyelia perlu memaklumkan kepada pelajar untuk merancang pelan pengajian dengan betul terutama di awal semester pengajian.
- 3.4 Pelajar perlu memohon untuk menduduki peperiksaan komprehensif pada semester ke-2 pengajian iaitu selewat-lewatnya pada minggu ke-7 takwim akademik semester berkenaan. Pelajar adalah tertakluk kepada pendaftaran minimum jam kredit yang telah ditetapkan pada setiap semester dan merujuk kepada struktur program pengajian yang telah ditetapkan oleh fakulti.  
(Senat Kali Ke-203 Bil.7/2021)
- 3.5 Pelajar dikehendaki membuat permohonan pengambilan Peperiksaan Komprehensif kepada Dekan IPS melalui Dekan Fakulti masing-masing. Kelulusan untuk menduduki Peperiksaan Komprehensif adalah tertakluk kepada kelulusan di peringkat fakulti. (Senat Kali Ke-203 Bil.7/2021)
- 3.6 Fakulti perlu menilai permohonan pelajar dengan mempertimbangkan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) dan alasan yang dikemukakan oleh pelajar dan penyelia di borang permohonan. (Senat Kali Ke-203 Bil.7/2021)

#### 4. SKOP SOALAN

- 4.1 Fakulti akan menyelaras Peperiksaan Komprehensif dan menuuhkan Jawatankuasa Peperiksaan Komprehensif peringkat Fakulti.

- 4.2 Peperiksaan Komprehensif akan dilaksanakan dengan komponen soalan seperti berikut:

Jenis Ijazah Sarjana	Komponen Soalan Peperiksaan Komprehensif
Sarjana Pendidikan	a) Kaedah Penyelidikan b) Komponen Pendidikan c) Bidang Pengkhususan
Sarjana Bukan Pendidikan	a) Kaedah Penyelidikan b) Bidang Pengkhususan

- 4.3 Skop soalan merupakan sintesis daripada kursus-kursus dalam setiap komponen berkenaan. Setiap soalan mengambil masa 2 jam bagi setiap komponen.

- 4.4 Fakulti perlu melantik Jawatankuasa Penggubal dan Penaksiran Soalan.

## 5. PEMARKAHAN

- 5.1 Tiada gred dan nilai kredit diberikan bagi peperiksaan komprehensif. Keputusan peperiksaan akan dibuat dalam bentuk lulus atau gagal.
- 5.2 Bagi membolehkan calon lulus peperiksaan ini, calon perlu mendapat markah sekurang-kurangnya 65% bagi setiap komponen soalan dan minimum 65% markah bagi keseluruhan peperiksaan.
- 5.3 Sekiranya markah keseluruhan peperiksaan kurang daripada 65%, pelajar berkenaan dikehendaki mengulang keseluruhan peperiksaan.
- 5.4 Namun sekiranya pelajar memperoleh markah keseluruhan 65% dan ke atas tetapi gagal dalam sesuatu komponen, pelajar berkenaan hanya perlu mengulang komponen yang gagal sahaja.

## 6. TEMPOH PEPERIKSAAN

- 6.1 Pelajar dikehendaki mendaftar Peperiksaan Komprehensif pada Semester 3 iaitu dalam tempoh minggu pendaftaran kursus.
- 6.2 Pelajar layak untuk menduduki Peperiksaan Komprehensif pada semester akhir pengajian. Fakulti hendaklah sentiasa bersedia untuk menyediakan soalan dan menguruskan peperiksaan.


## 7. MENGULANG PEPERIKSAAN

- 7.1 Pelajar yang gagal kali pertama boleh mengulang peperiksaan pada satu tarikh 90 hari selepas tarikh keputusan gagal diberikan.
- 7.2 Gagal kali kedua tidak dianugerahkan ijazah.

- 7.3 Pelajar hanya dibenarkan menduduki peperiksaan gantian sekiranya tidak hadir Peperiksaan Komprehensif dengan alasan berikut sahaja:
- Kematian keluarga terdekat
  - Sakit (dengan bukti dari Pegawai Perubatan)
  - Hal kecemasan

## 8. CARTA ALIR PELAKSANAAN PEPERIKSAAN KOMPREHENSIF

(Senat Kali Ke-203 Bil.7/2021)



## LAMPIRAN C

### PENILAIAN PROGRAM

- **Terguna pakai bagi pelajar semua ambilan program berkenaan:**

- 1) Bagi Sarjana Sastera dalam pengkhususan Studio Seni Halus, penilaian berikut adalah diguna pakai [Mesyuarat Senat Kali Ke-76 Bil.3/2010]:

**1.1 Karya Kreatif**

Karya kreatif adalah hasil utama penyelidikan yang merupakan suatu inovatif di dalam bidang praktik seni yang mendatangkan sumbangan kepada penjanaan dan pengetahuan baharu dalam bidang seni visual. Sumbangan pada tahap Ijazah Sarjana adalah di peringkat nasional/serantau.

**1.2 Tesis**

Tesis hendaklah tidak kurang daripada 15,000 patah perkataan dan tidak melebihi 20,000 patah perkataan.

**1.3 Seminar**

Pembentangan meliputi penjelasan terhadap latar belakang kajian, persoalan, tujuan dan objektif kajian, sejauh mana objektif kajian dapat dicapai dan apakah hasilnya, kekuatan dan batasan kajian serta kaedah kajian yang dijalankan, dan implikasi terhadap perkembangan kajian. Calon wajib membuat pembentangan dalam seminar sekurang-kurangnya satu (1) kali bagi setiap tahun pengajian.

**1.4 Pameran**

Pameran perlu mempersesembahkan karya-karya hasil daripada penyelidikan praktik studio terhadap sesuatu permasalahan atau isu yang dapat memberikan suatu sumbangan dan perkaitan yang jelas antara perkembangan karya yang dihasilkan serta dapat menjawab persoalan-persoalan kajian yang diutarakan.

Pameran akan bertempat di Galeri Seni UPSI, atau calon boleh memilih mana-mana galeri komersial yang terdapat di dalam negara (Malaysia) atas tanggungan sendiri.

- 2) Bagi Doktor Falsafah dalam pengkhususan Studio Seni Halus, penilaian berikut adalah diguna pakai [Mesyuarat Senat Kali Ke-76 Bil.3/2010]:

**2.1 Karya Kreatif**

Karya kreatif adalah hasil utama penyelidikan yang merupakan suatu inovatif di dalam bidang praktik seni yang mendatangkan sumbangan kepada penjanaan dan pengetahuan baharu dalam bidang seni visual. Sumbangan pada tahap Doktor Falsafah adalah di peringkat antarabangsa.

**2.2 Tesis**

Tesis hendaklah tidak kurang daripada 25,000 patah perkataan dan tidak melebihi 30,000 patah perkataan.

**2.3 Seminar**

Pembentangan meliputi penjelasan terhadap latar belakang kajian, persoalan, tujuan dan objektif kajian, sejauh mana objektif kajian dapat dicapai dan apakah hasilnya, kekuatan dan batasan kajian serta kaedah kajian yang dijalankan, dan implikasi terhadap perkembangan kajian. Calon wajib membuat pembentangan dalam seminar sekurang-kurangnya satu (1) kali bagi setiap tahun pengajian.

**2.4 Pameran**

Pameran perlu mempersesembahkan karya-karya hasil daripada penyelidikan praktik studio terhadap sesuatu permasalahan atau isu yang dapat memberikan suatu sumbangan dan perkaitan yang jelas antara perkembangan karya yang dihasilkan serta dapat menjawab persoalan-persoalan kajian yang diutarakan.

Pameran akan bertempat di Galeri Seni UPSI, atau calon boleh memilih mana-mana galeri komersial yang terdapat di dalam negara (Malaysia) atas tanggungan sendiri.

➤ **Tergunapakai bagi pelajar semua ambilan program berkenaan:**

1) **Sarjana Muzik pengkhususan Komposisi** [Mesyuarat Senat Kali Ke-161 Bil.12/2017]

1.1 Sarjana Muzik dengan pengkhususan Komposisi dalam mod pengajian Projek Karya Kreatif ini akan menumpukan kepada aspek penciptaan karya kreatif, pengurusan projek, dan penulisan interpretasi kritis. Pelajar akan dinilai dalam dua (2) pengkaryaan komposisi berserta Dokumen Projek Karya Kreatif dan Disertasi Karya Kreatif seperti berikut:

- Kertas Cadangan Projek Karya Kreatif (Tidak kurang dari 1,000 perkataan)
- Pembentangan Komposisi 1
- Pembentangan Komposisi 2
- Disertasi Karya Kreatif (15,000-20,000 perkataan)

**Calon perlu lulus Kertas Cadangan Projek Karya Kreatif sebelum Pembentangan Pertama. Pelajar perlu lulus Pembentangan Pertama untuk meneruskan ke Pembentangan Kedua.**

a) **Kertas Cadangan Projek Karya Kreatif**

- i. Penyataan ringkas tentang permasalahan yang hendak dikaji. Kertas cadangan mengandungi maklumat ringkas tentang pendahuluan, sorotan sastera / sorotan karya kreatif dan proses kreatif.
- ii. Kertas Cadangan Projek Karya Kreatif hendaklah ditulis tidak kurang dari 1,000 perkataan. Kertas cadangan bertujuan untuk dijadikan asas pertimbangan bagi pemilihan calon dan proses pengesahan bidang atau skop penyelidikan dalam pengajian ijazah tinggi.
- **Pelajar perlu lulus Kertas Cadangan Projek Karya Kreatif sebelum Komposisi 1**
- b) **Komposisi** yang telah dipersembahkan tidak boleh dipersembahkan semula dan wajib lulus untuk komposisi seterusnya. Setiap karya komposisi harus berserta dengan Dokumen Projek Karya Kreatif.
- c) **Dokumen Projek Karya Kreatif** boleh ditulis mengikut format struktur tesis yang umum melibatkan pengenalan, tujuan dan objektif kajian, kajian literatur, metodologi dan harus memberi penerangan yang jelas tentang persoalan kajian.
- d) **Disertasi Karya Kreatif** merupakan interpretasi kritis tentang keseluruhan Projek karya kreatif dan boleh ditulis dalam format tesis umum. Calon perlu mengemukakan sebuah penulisan mengandungi di antara 15,000-20,000 perkataan

1.2 Penilaian Projek Karya Kreatif

STRUKTUR	GARIS MASA	DOKUMEN SOKONGAN
Cadangan Projek Karya Kreatif (Tidak kurang dari 1,000 patah perkataan)		
Komposisi 1	20 - 30 minit	Dokumen Projek Karya Kreatif 1 (tidak kurang dari 7,500 patah perkataan)
Komposisi 2	30 - 40 minit	Disertasi Karya Kreatif 2 (15,000 - 20,000 patah perkataan)

- i. Kertas Cadangan Projek Karya Kreatif calon perlu diluluskan oleh dua (2) orang Penilai Dalam.
- ii. Komposisi 1 akan dinilai oleh dua (2) orang Penilai Dalam.
- iii. Komposisi 2 dan Disertasi Karya Kreatif akan dinilai oleh Jawatankuasa Panel Penilai yang terdiri daripada;

Pengerusi : Timbalan Naib Canselor / Profesor / Prof. Madya / Ahli Akademik yang berkelayakan Kedoktoran yang mempunyai sekurang-kurangnya tiga (3) tahun pengalaman (bidang yang berbeza) yang dilantik oleh IPS [Mesyuarat Senat Kali Ke-186 Bil.01/2020]

Ahli : Dua (2) orang Penilai Dalam

Ahli : Seorang (1) Penilai Luar

Ahli : Dekan Institut Pengajian Siswazah atau wakilnya

- iv. Syarat Bergraduat

Pelajar perlu mengemukakan tiga (3) salinan Projek Karya Kreatif kepada Institut Pengajian Siswazah sebagai syarat bergraduat. Komponen yang perlu dikemukakan adalah:

- a. Disertasi Karya Kreatif
- b. CD/DVD dokumentasi persembahan Komposisi
- v. Projek Karya Kreatif boleh ditulis dalam bahasa Melayu atau dalam bahasa Inggeris. Abstrak hendaklah ditulis dalam kedua-dua bahasa tersebut.
- vi. Projek Karya Kreatif yang telah diterima untuk penganugerahan ijazah dari universiti lain tidak boleh diterima untuk panganugerahan ijazah universiti ini.
- vii. Pelajar yang bercadang untuk melaksanakan Komposisi 2 hendaklah menghantar notis kepada Institut Pengajian Siswazah dengan menggunakan borang khas yang disediakan sekurang-kurangnya tiga (3) bulan lebih awal dari tarikh Komposisi tersebut.

viii. Hasil Projek Karya Kreatif adalah hak milik universiti.

## 2) Sarjana Muzik pengkhususan Persembahan [Mesyuarat Senat Kali Ke-161 Bil.12/2017]

- 2.1 Sarjana Muzik dengan pengkhususan Persembahan dalam mod pengajian Projek Karya Kreatif ini akan menumpukan kepada aspek persembahan, pengurusan persembahan, dan penulisan interpretasi kritis. Projek ini menggabungkan sebuah projek persembahan berserta dengan Disertasi. Projek Karya Kreatif ini akan dinilai dalam dua (2) Resital. Pelajar akan dinilai dalam dua (2) pengkaryaan komposisi berserta Dokumen Projek Karya Kreatif dan Disertasi Karya Kreatif seperti berikut:

- Kertas Cadangan Projek Karya Kreatif (Tidak kurang dari 1,000 perkataan)
- Resital 1
- Resital 2
- Disertasi Karya Kreatif (15,000-20,000 perkataan)

**Calon perlu lulus Kertas Cadangan Projek Karya Kreatif sebelum Resital 1. Pelajar perlu lulus Resital 1 untuk meneruskan ke Resital 2.**

### a) Kertas Cadangan Projek Karya Kreatif

- i. Penyataan ringkas tentang permasalahan yang hendak dikaji. Kertas cadangan ini mengandungi maklumat ringkas tentang pendahuluan, sorotan literatur / sorotan persembahan dan proses kreatif.

- ii. Kertas Cadangan Projek Karya Kreatif hendaklah ditulis tidak kurang dari 1,000 perkataan. Kertas cadangan bertujuan untuk dijadikan asas pertimbangan bagi pemilihan calon dan proses pengesahan bidang atau skop penyelidikan dalam pengajian ijazah tinggi.
- Pelajar perlu lulus Kertas Cadangan Projek Karya Kreatif sebelum Resital 1
- b) **Repertoire** yang telah dipersembahkan tidak boleh dipersembahkan semula dan wajib lulus untuk melangkah ke Resital seterusnya. Setiap Repertoire harus berserta dengan Dokumen Projek Karya Kreatif.
- c) **Dokumen Projek Karya Kreatif** boleh ditulis mengikut format struktur tesis yang umum melibatkan pengenalan, tujuan dan objektif kajian, kajian literatur, metodologi dan harus memberi penerangan yang jelas tentang persoalan kajian.
- d) **Disertasi Karya Kreatif** merupakan interpretasi kritis tentang keseluruhan Projek karya kreatif dan boleh ditulis dalam format tesis umum. Calon perlu mengemukakan sebuah penulisan mengandungi di antara 15,000-20,000 perkataan dan perlu dikemukakan bersama Resital Akhir.

## 2.2 Penilaian Projek Karya Kreatif

STRUKTUR	GARIS MASA	DOKUMEN SOKONGAN
Cadangan Projek Karya Kreatif (Tidak kurang dari 1,000 patah perkataan)		
Resital 1	40 minit	Dokumen Projek Karya Kreatif (tidak kurang dari 7,500 patah perkataan)
Resital 2	60 minit	Disertasi Karya Kreatif (15,000 ke 20,000 patah perkataan)

- i. Kertas Cadangan Projek Karya Kreatif calon perlu diluluskan oleh dua (2) orang Penilai Dalam.
- ii. Resital 1 akan dinilai oleh dua (2) orang Penilai Dalam.
- iii. Resital 2 dan Disertasi Karya Kreatif akan dinilai oleh Jawatankuasa Panel Penilai yang terdiri daripada;

Pengerusi : Timbalan Naib Canselor / Profesor / Prof. Madya / Ahli Akademik yang berkelayakan Kedoktoran yang mempunyai sekurang-kurangnya tiga (3) tahun pengalaman (bidang yang berbeza) yang dilantik oleh IPS [Mesyuarat Senat Kali Ke-186 Bil.01/2020]

Ahli :Dua (2) orang Penilai Dalam  
Ahli :Seorang (1) Penilai Luar  
Ahli :Dekan Institut Pengajian Siswazah atau wakilnya

- iv. Syarat Bergraduat

Pelajar perlu mengemukakan tiga (3) salinan Projek Karya Kreatif kepada Institut Pengajian Siswazah sebagai syarat bergraduat. Komponen yang perlu dikemukakan adalah:

- a. Disertasi Karya Kreatif
- b. CD/DVD dokumentasi persembahan Resital / Komposisi / Karya Kreatif

- v. Projek Karya Kreatif boleh ditulis dalam bahasa Melayu atau dalam bahasa Inggeris. Abstrak hendaklah ditulis dalam kedua-dua bahasa tersebut.

- vi. Projek Karya Kreatif yang telah diterima untuk penganugerahan ijazah dari universiti lain tidak boleh diterima untuk penganugerahan ijazah universiti ini.
- vii. Pelajar yang bercadang untuk melaksanakan Resital 2 hendaklah menghantar notis kepada Institut Pengajian Siswazah dengan menggunakan borang khas yang disediakan sekurang-kurangnya tiga (3) bulan lebih awal dari tarikh Resital tersebut.
- viii. Hasil Projek Karya Kreatif adalah hak milik universiti.

**3) Sarjana Muzik pengkhususan Teknologi Muzik Kreatif** [Mesyuarat Senat Kali Ke-152 Bil.3/2017]

3.1 Sarjana Muzik dengan pengkhususan Teknologi Muzik Kreatif dalam mod pengajian Projek Karya Kreatif ini akan menumpukan kepada aspek penciptaan karya kreatif, pengurusan projek, dan penulisan interpretasi kritis. Pelajar akan dinilai dalam dua (2) pembentangan berserta Dokumen Projek Karya Kreatif dan Disertasi Karya Kreatif seperti berikut:

- Kertas Cadangan Projek Karya Kreatif (Tidak kurang dari 1,000 perkataan)
- Pembentangan 1
- Pembentangan 2
- Disertasi Karya Kreatif (15,000-20,000 perkataan)

**Calon perlu lulus Kertas Cadangan Projek Karya Kreatif sebelum Pembentangan 1. Pelajar perlu lulus Pembentangan 1 untuk meneruskan ke Pembentangan 2.**

**a) Kertas Cadangan Projek Karya Kreatif**

- i. Penyataan ringkas tentang permasalahan yang hendak diselidiki. Kertas cadangan mengandungi Pendahuluan, Takrifan / Penyataan masalah / Isu kajian, Tujuan / Objektif, Sorotan / tinjauan / susastera, Implikasi kajian, dan garis masa.
- ii. Kertas Cadangan Projek Karya Kreatif hendaklah ditulis tidak kurang dari 1,000 perkataan. Kertas cadangan bertujuan untuk dijadikan asas pertimbangan bagi pemilihan calon dan proses pengesahan bidang atau skop penyelidikan dalam pengajian ijazah tinggi.
- **Pelajar perlu lulus Kertas Cadangan Projek Karya Kreatif sebelum Karya Kreatif 1**
- b) **Karya Kreatif** yang telah dipersembahkan tidak boleh dipersembahkan semula dan wajib lulus untuk pembentangan seterusnya. Setiap Karya Kreatif harus berserta dengan Dokumen Projek Karya Kreatif.
- c) **Dokumen Projek Karya Kreatif** boleh ditulis mengikut format struktur tesis yang umum melibatkan pengenalan, tujuan dan objektif kajian, kajian literatur, metodologi dan harus memberi penerangan yang jelas tentang persoalan kajian.
- d) **Disertasi Karya Kreatif** merupakan interpretasi kritis tentang keseluruhan Projek karya kreatif dan boleh ditulis dalam format tesis umum. Calon perlu mengemukakan sebuah penulisan mengandungi di antara 15,000-20,000 perkataan.

**3.2 Penilaian Projek Karya Kreatif**

STRUKTUR	GARIS MASA	DOKUMEN SOKONGAN
Cadangan Projek Karya Kreatif (Tidak kurang dari 1,000 patah perkataan)		
Karya Kreatif 1	20 - 30 minit	Dokumen Projek Karya Kreatif

STRUKTUR	GARIS MASA	DOKUMEN SOKONGAN
Karya Kreatif 2	30 - 40 minit	Disertasi Karya Kreatif

- i. Kertas Cadangan Projek Karya Kreatif calon perlu diluluskan oleh dua (2) orang Penilai Dalam.
- ii. Karya Kreatif 1 akan dinilai oleh dua (2) orang Penilai Dalam.
- iii. Karya Kreatif 2 dan Disertasi Karya Kreatif akan dinilai oleh Jawatankuasa Panel Penilai yang terdiri daripada;

Pengerusi :Timbalan Naib Canselor / Profesor / Prof. Madya / Ahli Akademik yang berkelayakan Kedoktoran yang mempunyai sekurang-kurangnya tiga (3) tahun pengalaman (bidang yang berbeza) yang dilantik oleh IPS [Mesyuarat Senat Kali Ke-186 Bil.01/2020]

Ahli :Dua (2) orang Penilai Dalam

Ahli :Seorang (1) Penilai Luar

Ahli :Dekan Institut Pengajian Siswazah atau wakilnya

- iv. Syarat Bergraduat

Pelajar perlu mengemukakan tiga (3) salinan Projek Karya Kreatif kepada Institut Pengajian Siswazah sebagai syarat bergraduat. Komponen yang perlu dikemukakan adalah:

- a. Disertasi Karya Kreatif
- b. CD/DVD dokumentasi persesembahan Resital / Komposisi / Karya Kreatif
- v. Projek Karya Kreatif boleh ditulis dalam bahasa Melayu atau dalam bahasa Inggeris. Abstrak hendaklah ditulis dalam kedua-dua bahasa tersebut.
- vi. Projek Karya Kreatif yang telah diterima untuk penganugerahan ijazah dari universiti lain tidak boleh diterima untuk penganugerahan ijazah universiti ini.
- vii. Pelajar yang bercadang untuk melaksanakan Karya Kreatif 2 hendaklah menghantar notis kepada Institut Pengajian Siswazah dengan menggunakan borangkhas yang disediakan sekurang-kurangnya tiga (3) bulan lebih awal dari tarikh Karya Kreatif tersebut.
- viii. Hasil Projek Karya Kreatif adalah hak milik universiti.

#### 4) Doktor Falsafah pengkhususan Persembahan Muzik [Mesyuarat Senat Kali Ke-152 Bil.3/2017]

- 4.1 Doktor Falsafah pengkhususan Persembahan Muzik akan menumpukan kepada aspek persembahan, pengurusan persembahan, dan penulisan laporan kreatif. Projek ini menggabungkan sebuah projek persembahan (Projek Karya Kreatif - PKK) berserta dengan dokumen Karya Kreatif dan Disertasi Karya Kreatif. Projek Karya Kreatif ini akan dinilai dalam dua (2) resital berserta Dokumen Projek Karya Kreatif dan Disertasi Karya Kreatif seperti berikut:

- Kertas Cadangan Projek Karya Kreatif (Tidak kurang dari 2,000 perkataan)
- Resital 1
- Resital 2
- Disertasi Karya Kreatif (20,000-40,000 perkataan)

- a) **Dokumen Projek Karya Kreatif (DPKK)** ialah dokumen-dokumen yang dihasilkan semasa proses kreatif persembahan/pengkaryaan dilakukan contohnya seperti laporan proses kreatif, portfolio karya, skor, lirik dan lain-lain. Penulisan mengenai laporan karya kreatif adalah mengikut kepada format yang disediakan oleh fakulti.

- b) **Disertasi Karya Kreatif (DKK)** adalah rangkuman dari keseluruhan dokumen karya kreatif yang telah dimurnikan dan mengikut format yang disediakan oleh fakulti.

#### 4.2 Penilaian Projek Karya Kreatif

STRUKTUR	GARIS MASA	DOKUMEN SOKONGAN
Cadangan Projek Karya Kreatif (Tidak kurang dari 2,000 patah perkataan)		
Resital 1	60 minit	Dokumen Projek Karya Kreatif (10,000 patah perkataan)
Resital 2	80 minit	Disertasi Karya Kreatif (20,000 ke 40,000 patah perkataan)

- i. Kertas Cadangan Projek Karya Kreatif calon perlu diluluskan oleh dua (2) orang Penilai Dalam.
- ii. Resital 1 berserta Dokumen Projek Karya Kreatif akan dinilai oleh dua (2) orang Penilai Dalam.
- iii. Resital 2 dan Disertasi Karya Kreatif akan dinilai oleh Jawatankuasa Panel Penilai yang terdiri daripada;

Pengerusi : Timbalan Naib Canselor / Profesor / Prof. Madya yang mempunyai sekurang-kurangnya tiga (3) tahun pengalaman (bidang yang berbeza) yang dilantik oleh IPS  
 [Mesyuarat Senat Kali Ke-186 Bil.01/2020]

Ahli	:Seorang (1) Penilai Dalam
Ahli	:Dua (2) Penilai Luar
Ahli	:Dekan Institut Pengajian Siswazah atau wakilnya

- iv. Syarat Bergraduat

Pelajar perlu mengemukakan tiga (3) salinan Projek Karya Kreatif (PKK) kepada Institut Pengajian Siswazah sebagai syarat bergraduat. Komponen yang perlu dikemukakan adalah:

- a. Disertasi Karya Kreatif (DKK)
- b. CD/DVD dokumentasi persembahan Resital 2
- v. Projek Karya Kreatif (PKK) boleh ditulis dalam bahasa Melayu atau dalam bahasa Inggeris. Abstrak hendaklah ditulis dalam kedua-dua bahasa tersebut.
- vi. Projek Karya Kreatif (PKK) yang telah diterima untuk penganugerahan ijazah dari universiti lain tidak boleh diterima untuk penganugerahan ijazah universiti ini.
- vii. Pelajar yang bercadang untuk melaksanakan Resital 2 hendaklah menghantar notis kepada Institut Pengajian Siswazah dengan menggunakan borang khas yang disediakan sekurang-kurangnya tiga (3) bulan lebih awal dari tarikh Resital 2.
- viii. Hasil Projek Karya Kreatif (PKK) adalah hak milik universiti.

#### 5) Doktor Falsafah pengkhususan Komposisi Muzik [Mesyuarat Senat Kali Ke-152 Bil.3/2017]

- 5.1 Doktor Falsafah pengkhususan Komposisi Muzik akan menumpukan kepada aspek persembahan, pengurusan persembahan, dan penulisan laporan kreatif. Projek ini menggabungkan sebuah projek persembahan (Projek Karya Kreatif - PKK) berserta dengan dokumen Karya Kreatif dan Disertasi Karya Kreatif seperti berikut:

- Kertas Cadangan Projek Karya Kreatif (Tidak kurang dari 2,000 perkataan)
  - Pembentangan Komposisi 1
  - Pembentangan Komposisi 2
  - Disertasi Karya Kreatif (20,000-40,000 perkataan)
- a) **Dokumen Projek Karya Kreatif (DPKK)** ialah dokumen-dokumen yang dihasilkan semasa proses kreatif persembahan/pengkaryaan dilakukan contohnya seperti laporan proses kreatif, portfolio karya, skor, lirik dan lain-lain. Penulisan mengenai laporan karya kreatif adalah mengikut kepada format yang disediakan oleh Fakulti.
- b) **Disertasi Karya Kreatif (DKK)** adalah rangkuman dari keseluruhan dokumen karya kreatif yang telah dimurnikan dan mengikut format yang disediakan oleh fakulti.

## 5.2 Penilaian Projek Karya Kreatif

KOMPOSISI	GARIS MASA	DOKUMEN SOKONGAN
Cadangan Projek Karya Kreatif (Tidak kurang dari 2,000 patah perkataan)		
Komposisi 1	30 - 45 minit	Dokumen Projek Karya Kreatif (10,000 patah perkataan)
Komposisi 2	60 - 90 minit	Disertasi Karya Kreatif (20,000 - 40,000 patah perkataan)

- i. Kertas Cadangan Projek Karya Kreatif (PKK) calon perlu diluluskan oleh dua (2) orang Penilai Dalam.
- ii. Komposisi 1 berserta Dokumen Projek Karya Kreatif (DPKK) akan dinilai oleh dua (2) orang Penilai Dalam.
- iii. Komposisi 2 dan Disertasi Karya Kreatif akan dinilai oleh Jawatankuasa Panel Penilai yang terdiri daripada;

Pengerusi : Timbalan Naib Canselor / Profesor / Prof. Madya yang mempunyai sekurang-kurangnya tiga (3) tahun pengalaman (bidang yang berbeza) yang dilantik oleh IPS  
[Mesyuarat Senat Kali Ke-186 Bil.01/2020]

Ahli	:Seorang (1) Penilai Dalam
Ahli	:Dua (2) orang Penilai Luar
Ahli	:Dekan Institut Pengajian Siswazah atau wakilnya

- iv. Syarat Bergraduat

Pelajar perlu mengemukakan tiga (3) salinan Projek Karya Kreatif (PKK) kepada Institut Pengajian Siswazah sebagai syarat bergraduat. Komponen yang perlu dikemukakan adalah:

- a. Disertasi Karya Kreatif (DKK)
- b. CD/DVD dokumentasi persembahan Komposisi 2
- v. Projek Karya Kreatif (PKK) boleh ditulis dalam bahasa Melayu atau dalam bahasa Inggeris. Abstrak hendaklah ditulis dalam kedua-dua bahasa tersebut.
- vi. Projek Karya Kreatif (PKK) yang telah diterima untuk penganugerahan ijazah dari universiti lain tidak boleh diterima untuk penganugerahan ijazah universiti ini.
- vii. Pelajar yang bercadang untuk melaksanakan Komposisi 2 hendaklah menghantar notis kepada Institut Pengajian Siswazah dengan menggunakan borang khas yang disediakan sekurang-kurangnya tiga (3) bulan lebih awal dari tarikh Komposisi 2.
- viii. Hasil Projek Karya Kreatif (PKK) adalah hak milik universiti.